

DR. 2.11.98

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Jilid IV                      Bil. 50                      Hari Isnin                      2 November 1998**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN                      (Ruangan)**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan )**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**- Rang Undang-undang Perbekalan 1999                      (Ruangan )**

**USUL:**

**- Anggaran Pembangunan 1999                      (Ruangan)**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,  
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman  
: Haji Mustakin bin Salamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah  
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
: Hajah Supiah binti Dewak  
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
  
: Mohamed bin Osman  
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
: Shamsina binti Janor  
  
: Nora'ini binti Hetam  
: Ramlah binti Mohd. Yusuff  
: Miskiah binti Hassan
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT****Isnin, 2 November 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

—

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**  
**BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN**

**BARANGAN HARGA TETAP - PENGUATKUASAAN**

1. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan setakat manakah penguatkuasaan diambil ke atas mereka yang tidak patuh kepada harga tetap.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian secara tegas dan konsisten menjalankan pemeriksaan dari aspek bekalan dan harga bagi memastikan peniaga-peniaga tidak melakukan perbuatan mencatut seperti menaikkan harga barang-barang dengan sewenang-wenangnya. Dari pemeriksaan yang dijalankan itu adalah dikenal pasti bahawa tidak berlaku penyelewengan harga kepada 12 jenis barangan kawalan yang mana harganya ditetapkan secara pentadbiran. Harga barang-barang tersebut tidak boleh dinaikkan kecuali mendapat kelulusan kementerian. Dalam hubungan ini kenaikan harga beberapa jenis barang kawalan pada tahun ini adalah diluluskan oleh kementerian setelah menimbang alasan-alasan yang dikemukakan oleh pihak industri khususnya bagi barang-barang yang diimport.

Di sepanjang tahun ini iaitu sehingga 17 Oktober 1998 kementerian telah mengambil 4,324 tindakan kes berhubung dengan pelbagai penyelewengan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan. 1,474 daripadanya adalah merupakan kes-kes

penyelewengan tanda harga dan perlabelan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 dengan melibatkan penyertaan barang-barang bernilai kira-kira RM1.02 juta.

Kerajaan akan terus memberi perhatian dalam tindakan menstabilkan kedudukan harga barang-barang untuk tidak membebankan rakyat dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang. Komitmen ini adalah selaras dengan aspirasi kerajaan yang berkhidmat untuk kesejahteraan negara dan rakyat.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada kementerian yang dapat mengekalkan, menstabilkan harga barangan terutama sekali barangan terkawal. Namun begitu saya minta penjelasan tambahan, umumnya apabila kemungkinan berlaku kekurangan bekalan barangan terutama sekali seperti minyak, tepung, gula dan sebagainya, kita dapati harga tidak dinaikkan tetapi barang bekalan didapati kurang, mungkin disorok ataupun diseludup ke luar negara. Jadi apakah tindakan pihak kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjamin bahawa bekalan barang-barang begini sentiasa ada sekalipun kemungkinan akan berlakunya kenaikan harga.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat. Mengenai bekalan, pihak kementerian sentiasa menentukan bahawa bekalan barang-barang perlu khususnya sentiasa mencukupi, kalau tidak, kita akan mengambil tindakan sewajarnya melalui pihak industri supaya mengimport barang-barang tertentu. Walau bagaimanapun dari masa ke semasa apabila didapati kekurangan bekalan itu adalah penyelewengan yang dibuat oleh peniaga-peniaga untuk mencatut (profiteer). Melihat keadaan yang membolehkan mereka untuk mencari keuntungan yang berlebihan maka mereka membuat penyelewengan-penyelewengan seperti ini.

Tentang gula, tepung, bila harganya naik, pihak industri enggan mengeluarkan barang-barang itu oleh kerana kementerian tidak meluluskan kenaikan harga, mereka tidak import barang mentah gula dan tepung maka telah menimbulkan keadaan kekurangan bekalan. Selepas kita menimbangkan dengan sedalam-dalamnya alasan-

alasan yang dikemukakan kita memberi kelulusan kenaikan harga dan dengan itu bekalan gula dan tepung telah pun selesai.

Begitu juga minyak masak yang baru-baru ini timbul, kita dapati bahawa oleh kerana kita mengawal harga minyak masak bagi rumah tetapi bekalan ini telah dibeli oleh pihak industri atau peniaga telah menjual minyak ini kepada industri dan oleh kerana itu baru-baru ini kerajaan telah memutuskan bahawa industri tidak boleh membeli minyak dan selain daripada itu kita juga telah mengharamkan minyak masak itu dibawa ke luar negara walaupun dahulunya mereka boleh bawa sebanyak dua kilogram setiap orang yang melawat negara kita tetapi kita akan membenarkan minyak masak ini yang dibuat khusus untuk eksport boleh dibawa tetapi perkara ini masih diuruskan.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah faktor-faktor yang mendorong para pekedai tidak patuh arahan menjual mengikut harga tetap selain daripada faktor keuntungan. Sekian, terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada sebab-sebab tertentu tetapi dari segi penguatkuasaan yang kita jalankan rasanya niat mereka adalah untuk mencari keuntungan yang lebih tetapi kenaikan harga itu disebabkan oleh kerana kejatuhan nilai mata wang Ringgit dibandingkan dengan mata wang asing maka bagi barang yang sama kuantitinya bayaran yang perlu dibuat adalah melebihi, oleh kerana itu peniaga tidak ada jalan lain selain menaikkan harga barang-barang.

*[Soalan No. 2 - Y.B. Robert Lau Hoi Chew (Sibu) tidak hadir]*

*[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai) tidak hadir]*

*[Soalan No. 4 - Y.B. Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]*

#### **PENGGUNAAN PELABUHAN NEGARA JIRAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN - TINDAKAN**

5. **Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan syarikat-syarikat pengeksport tempatan yang cenderung menggunakan pelabuhan negara jiran; dan

- (b) adakah pihak kementerian mempunyai bidang kuasa untuk menyenaraihitamkan syarikat-syarikat tersebut yang masih tidak mahu menggunakan pelabuhan tempatan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi soalan;

- (a) Kerajaan tidak mempunyai angka yang tepat mengenai bilangan syarikat-syarikat pengeskpport tempatan yang masih menggunakan pelabuhan negara jiran. Walau bagaimanapun adalah dianggarkan bahawa 40% daripada eksport Malaysia yang dikendalikan melalui pelabuhan tempatan masih difeeder melalui pelabuhan Singapura sebelum sampai ke destinasi akhir, ianya bersamaan 30,000 t.e.u pada setiap bulan. Manakala 30% volume yang dieksport Malaysia dibawa ke Singapura melalui tambak Johor ialah sebanyak 30%.
- (b) Keputusan untuk memilih pelabuhan untuk mengeskpport barangan oleh pengeksport adalah satu keputusan komersil dan buat masa ini kerajaan memang mengutamakan pendekatan yang menggalakkan semua peniaga Malaysia untuk menggunakan pelabuhan tempatan bagi tujuan mengeksport dan juga mengimport.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya sama ada Kerajaan pernah atau akan menjalankan satu kajian untuk memastikan kos atau kesan skim untuk mewajibkan pengeksport-pengeskpport menggunakan pelabuhan tempatan di mana kos pengeskpportan ini akan dinaikkan dan menjadikan barangan Malaysia tidak kompetitif kalau dibanding dengan negara lain. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Kerajaan masih lagi dalam kajian untuk mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat kepada pengeksport dan juga pengimport untuk menggunakan pelabuhan Malaysia. Bagaimanpun, sebelum

peraturan-peraturan menerusi syarat wajib dikenakan, kerajaan telah pun mengambil tindakan-tindakan dari segi penggalakan iaitu;

- (i) langkah-langkah yang diambil supaya lebih banyak pengeksport dan pengimport menggunakan pelabuhan negara kita. Antaranya adalah menambah kapasiti dan kecekapan di pelabuhan dengan mengadakan kemudahan dermaga dan peralatan berdasarkan pendekatan supply driven;
- (ii) menggalakkan lebih banyak persinggahan terus oleh kapal-kapal induk dan menggalakkan perkhidmatan feedering dari rantau ini supaya diadakan pelayaran yang lebih kerap dan perkhidmatan baru. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, persinggahan kapal induk telah pun dimulakan pada tahun 1993 dan sehingga kini kita telah dapat menarik 67 buah main line operator singgah ke pelabuhan kita, dengan ini memudahkan lot centering berlaku dan ini memerlukan juga banyak barang-barang perlu dieksport menerusi pelabuhan kita. Dan yang kedua yang saya sebutkan tadi ialah feedering services, kita juga telah memudahkan cabotage polisi di mana kapal-kapal yang didaftarkan di luar negara boleh mengambil barang untuk difeeder daripada Penang ke Pelabuhan Klang dan juga daripada pelabuhan Johor ke Pelabuhan Klang. Dengan cara begini, maka Pelabuhan Klang akan menjadi lot centre bagi membolehkan cukup barang untuk diambil oleh main liner apabila mereka singgah di Pelabuhan Klang;
- (iii) memperbaiki accessibility ke pelabuhan melalui jalan raya dan rel. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pada tahun depan bulan Julai kereta api akan siap sampai ke West Port, dengan ini barang-barang akan diangkut dengan mudah ke pelabuhan yang berkenaan;
- (iv) mewujudkan persekitaran komersil yang sesuai iaitu melalui sebuah kaedah operasi baru dan prosedur yang telah dipermudahkan oleh agensi-agensi kerajaan untuk memudahkan pengguna pelabuhan. Langkah-langkah

yang telah diambil untuk memudahkan proses dokumentasi di pelabuhan adalah seperti berikut:-

- (a) Jabatan Imigresen telah memberi advance immigration clearance untuk kapal-kapal kontena supaya kapal kontena boleh dimuat dipunggah sebaik sahaja merapat ke dermaga. Jabatan Kastam telah memberi kemudahan pelepasan awal bagi kontena supaya dapat dihantar ke premis kilang sebaik sahaja didaratkan di pelabuhan tanpa diperiksa.
- (b) Jabatan Kastam telah juga mengurangkan peratusan pemeriksaan kontena kepada 3% sahaja dan ini telah memudahkan kontena kosong dibawa masuk ke pelabuhan untuk diisikan dan kemudian dieksport semula. Jabatan Kastam juga telah memberi kelonggaran dalam pemeriksaan kontena di mana pemeriksaan boleh dilakukan bukan sahaja di kawasan pelabuhan tetapi juga di gudang atau di kilang pengimport.

Mulai 10 April 1996, agensi atau jabatan kerajaan seperti Jabatan Kastam, Imigresen, Jabatan Laut, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian telah beroperasi 24 jam sehari. Dengan ini elaun kerja lebih masa jabatan kerajaan yang dahulu dibayar oleh pengguna-pengguna pelabuhan telah pun dibatalkan. Ini bermakna pengguna-pengguna telah dapat selamatkan wang mereka. Dan juga Pelabuhan kita di Klang telah mengadakan promosi pelabuhan di dalam negeri supaya menggunakan pelabuhan Klang sebagai pusat pemungghahan. Dalam hal ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah mengetuai kempen promosi Pelabuhan Klang di Pulau Pinang, Johor Bharu, Kota Kinabalu dan juga Belawan serta Sumatera. Kita juga telah meminta semua pengusaha di Malaysia supaya melakukan kempen mereka sendiri di pelabuhan-pelabuhan dalam rantau ini dan juga di peringkat antarabangsa.

Ini adalah beberapa tindakan yang diambil oleh Kementerian Pengangkutan supaya Pelabuhan Klang akan menjadi pelabuhan utama. Kita berharap menjelang tahun 2003 kita boleh menjadi top ten port dalam dunia, jika kita dapat memberi

perkhidmatan kepada 4.4 juta t.e.u iaitu kita boleh potong end trade. Ini adalah harapan kita untuk menjadikan Pelabuhan Klang sebagai the harb. of Asia.

**Datuk Lim Si Cheng:** Baik, terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita telah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan cara dan tindakan-tindakan diambil oleh Kementerian Pengangkutan untuk menggalakkan supaya pengeksport tempatan menggunakan pelabuhan negara dengan sepenuhnya. Jadi soalan tambahan saya, ingin saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sehingga hari ini masih terdapat pengeksport tempatan yang tidak menggunakan pelabuhan negara dengan sepenuhnya. Apa sebabnya, dan juga melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian, soalan tambahan saya galakan kementerian ini adakah berhasil. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd Rustam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeksport Malaysia ada yang belum lagi menggunakan pelabuhan kita, pertamanya mereka ada klien lama di Singapura khususnya dan banyak ibu pejabat pengimpot ataupun pengeksport berpusat di Singapura, kerana itu mereka masih lagi menggunakan Singapura walaupun jumlah semakin berkurangan. Yang kedua adalah kerana kita masih lagi kurang 'main liner' datang ke pelabuhan kita. Hari ini baru 67 sedangkan di Singapura 'main liner' datang lebih daripada itu kita seminggu lebih kurang dua, tiga kapal tetapi Singapura everyday beberapa kapal datang. Oleh kerana itu kita kerana banyak lagi dan sebab itulah kita kena banyakkkan barang-barang kita di pelabuhan kita sebagai lot centre supaya apabila kapal besar datang ada barang untuk dieksport. Itu adalah sebab-sebab utama mengapa mereka masih lagi menggunakan pelabuhan Singapura.

Satu lagi kita baru ada antara 300 pelabuhan antarabangsa kita serve daripada Port Klang, kita pergi ke 300 destinasi sedangkan di Singapura dia double daripada 300 destinasi. Ini kerana kita kekurangan MLO. Inilah kerja-kerja yang sedang kuat

dilakukan oleh Kementerian di mana semalam juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir telah mengadakan satu forum ataupun dialog dengan pengusaha-pengusaha dalam negara kita bagaimana kita perlu meningkatkan produktiviti kita supaya banyak barang dapat diletak di Pelabuhan Klang supaya boleh menarik MLO datang. Untuk satu 'main liner' datang mesti ada sekurang-kurangnya 500 t.e.u. container, baru boleh dia hendak singgah. Inilah kerja-kerja berterusan yang perlu dilakukan.

Saya percaya menjelang tahun 2003 macam saya sebut, kita ada target seperti yang dibuat oleh satu kajian syarikat yang telah kita engage iaitu Syarikat Boston, kita boleh menjadi 'top ten port', inilah harapan kita dan target yang telah pun kita set. Oleh kerana itu sekarang ini usaha-usaha yang agresif sedang dilakukan dan kita berharap pengimpot dan pengeksport di seluruh negara hendaklah sama-sama memainkan peranan supaya menjadikan ini sebagai satu kenyataan kerana kerajaan telah berbelanja berbilion-bilion ringgit untuk pelabuhan kita supaya ianya setanding, kerana itu kita mesti juga ada semangat cintakan negara kita walaupun mungkin susah sedikit tetapi sementara menunggu masa itu, lot center ini terlalu banyak barang, kita tidak usahlah hantar barang kita ke Singapura, kita gunakanlah pelabuhan kita.

#### **SUKAN KOMANWEL - SKIM PROFESIONAL BAGI AHLI SUKAN**

**6. Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan tentang pencapaian cemerlang dalam kegiatan sukan dalam Sukan Komanwel baru-baru ini, adakah terdapat rancangan Kementerian Belia dan Sukan untuk mengadakan skim profesional yang tetap bagi "Sports Men and Women".

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, peluang bagi ahli-ahli sukan profesional di negara ini adalah terhad kepada beberapa bidang sukan sahaja dan setakat ini terdapat atlet-atlet profesional dalam sukan-sukan bola sepak, badminton dan squash. Kementerian tidak mempunyai rancangan khusus untuk mengadakan skim

profesional bagi ahli-ahli sukan dan ianya bergantung kepada atlet dan persatuan-persatuan sukan tanah air memikirkan sama ada sesuai atau tidak atlet-atlet profesional diwujudkan dalam sukan masing-masing

**Dr. G. Leelavathi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah insentif yang diberi kepada atlet yang telah berprestasi cemerlang dalam mana-mana jenis sukan sebab baru-baru ini saya ada baca dalam surat khabar ada satu atlet belum dapat satu kereta yang dijanjikan oleh pihak berkenaan.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, insentif yang paling bermakna bagi semua atlet negara ialah untuk kecemerlangan untuk menaikkan nama negara apabila mereka dapat menjaringkan gol-gol untuk negara, itulah sepatutnya menjadi insentif yang utama. Walau bagaimanapun, oleh kerana kerajaan adalah kerajaan prihatin banyak insentif yang diberi seperti wang tunai dan di dalam apa yang didapati semasa Sukan Komanwel mereka yang memecah rekod Komanwel diberi kereta. Walau bagaimanapun, dalam kes Ahli Yang Berhormat menyatakan tadi sebenarnya mengikut penaja itu mereka tidak menjanjikan apa-apa rekod yang dicatatkan itu adalah rekod pertama maka tidak mengatasi rekod-rekod yang telah ada. Walau bagaimanapun, pihak kementerian mengawasi keadaan ini dan jika boleh mungkin dapat kita membincang dengan pihak penaja itu. Jadi saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat dan kepada semua atlet dan ahli sukan negara bahawa semangat patriotisme hendak membuat sesuatu untuk negara itulah insentif yang paling utama.

**Seorang Ahli:** Bagi kereta kancillah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar jawapan itu tadi cukup jelas tetapi saya ingin tanya jugalah walaupun Labuan cakap belum cukup jelas, saya sudah cukup jelas. Oleh kerana insentif itu hanya diberi kepada orang yang memecahkan rekod sahaja yang diberi insentif tambahan, tetapi orang yang membuat sejarah tidak diberi pengiktirafan. Jadi ini persoalan saya, orang seperti Sapok Biki umpamanya, kita

tidak pernah pun mendapat satu medal atau apa pun dalam boxing, Sapok Biki telah membuat satu sejarah Malaysia yang mana saya fikir lebih bermakna lagi kalau dipandang daripada pecahan rekod, kenapa tidak difikirkan untuk diberi juga satu insentif tambahan supaya orang lain mahu membuat sejarah untuk Malaysia juga.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam kes Koperal Sapok kita semua tahu bahawa, langkah pertama kerajaan mengambil setelah beliau menggemilangkan nama negara ialah menaikkan pangkat beliau. Yang keduanya, beliau telah pun mendapat beberapa nikmat yang telah pun disediakan oleh Majlis Sukan Negara dan keutamaan yang diberi kepada beliau saya rasa tidak dapat kita nafikan. Walau bagaimanapun, pihak Majlis Sukan Negara sedang mengkaji sama ada dapat mereka meningkatkan lagi insentif-insentif yang ada supaya dapat kita menarik lebih ramai lagi atlet dan sudah tentu kepada atlet-atlet yang menempa sejarah untuk negara, insya-Allah, saya percaya bahawa pihak kerajaan akan memberi insentif yang lebih baik dari masa ke semasa kalau keadaan kegawatan ekonomi kita ini dapat kita hapuskan secepat mungkin.

#### **KLINIK DESA/HOSPITAL DI SARAWAK - PERUNTUKAN UNTUK PEMBINAAN**

**7. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa peruntukan telah diagihkan untuk pembinaan klinik desa baru dan hospital kerajaan di seluruh Negeri Sarawak terutamanya di luar bandar dan mengapakah klinik desa di kawasan Parlimen Selangau seperti Klinik Desa Penyarai Ulu Kakus, Daerah Tatau dan Klinik Desa Sungai Tepus, Ulu Balingian, Daerah Mukah belum dilaksanakan walaupun dicadangkan pembinaannya penghujung tahun 1995.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang telah diagihkan untuk pembinaan klinik desa dan hospital kerajaan bagi seluruh negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adalah seperti berikut:-

- Bagi projek klinik peruntukannya adalah sebanyak RM14,965,000, bagi hospital RM164,654,000.

- Bagi Klinik Desa Tapus - tender akan dipanggil dalam bulan November dan Disember tahun 1998.
- Bagi Klinik Desa Penyarai Ulu Kakus - ianya akan dilaksanakan dalam tahun 1999.
- Status sekarang ialah dalam peringkat membuat persediaan reka bentuk.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan klinik dan hospital dahulu saya pernah diberi maklumat iaitu 11 hospital akan dibina di Sarawak dan kontrak untuk membina telah diberi kepada satu syarikat yang besar dari Semenanjung Malaysia, tetapi sampai sekarang ini belum nampak lagi. Soalan saya ialah berhubung dengan klinik desa iaitu garis panduan yang diberi oleh kementerian ialah satu tempat yang mempunyai penduduk tidak kurang daripada 800 orang baru boleh mendapat satu klinik desa tetapi di kawasan-kawasan pedalaman Sarawak iaitu rumah panjang yang jaraknya mungkin 30 minit ke satu jam dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu penyelidikan agar grouping dibuat di satu-satu tempat di pedalaman supaya klinik desa itu boleh dibuat di satu tempat sebagai memberi kemudahan kepada sesuatu kawasan yang tertentu di seluruh negeri Sarawak? Terima kasih.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya yakin pihak kementerian apabila membuat tinjauan berkenaan dengan keperluan pembangunan klinik-klinik desa ini telah diambil kira tentang jarak (distance) dan juga kepadatan penduduk dan juga bagaimanakah kemudahan-kemudahan alternatif yang boleh disampaikan oleh pihak kementerian seperti flying doctor service dan sebagainya. Namun demikian, di dalam peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah disediakan ini sebanyak 17 klinik desa dan 2 klinik yang dinaiktaraf, jadi pertanyaan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat itu mengenai sama ada pendekatan yang akan diambil oleh kementerian itu untuk membuat satu rujukan kepada klinik bagi

keperluan penduduk-penduduk yang duduk di tempat-tempat yang kecil penduduknya itu boleh diambil kira oleh pihak kementerian.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah projek pembinaan klinik dan hospital baru Sarawak terpaksa ditangguhkan kerana menghadapi masalah peruntukan?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini jumlah peruntukan menyeluruh bagi Rancangan Malaysia Ketujuh untuk negeri Sarawak adalah sebanyak RM345.37 juta dan seperti yang telah saya maklumkan, sebanyak 8 hospital baru telah diperuntukkan sebanyak RM164.654 juta dan sebanyak 17 projek bercampur dengan 2 projek naiktaraf diperuntukkan sebanyak RM14.955 juta tetapi ditambah dengan kemudahan-kemudahan lain seperti kemudahan kesihatan, maknanya untuk di 'up- grade'kan kemudahan kesihatan yang sedia ada adalah sebanyak RM125.18 juta untuk program kesihatan awam sebanyak RM40.34 juta dan untuk pembinaan pusat latihan sebanyak RM15.192 juta. Itu menyeluruh agihannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 8.

**Beberapa Ahli:** Tidak boleh, tidak boleh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak ada Yang Berhormat, okay. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Sorak]*

**Seorang Ahli:** Try again next time!

## **PELAJAR LAYAK TIDAK MENDAPAT TEMPAT DI PUSAT PENGAJIAN TINGGI – JUMLAH**

9. **Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah pelajar yang layak tetapi tidak mendapat tempat di Pusat Pengajian Tinggi bagi tahun 1998 dan kenapa berlaku sedemikian.

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pelajar lepasan SPM/SPMV, bilangan yang memohon ke IPPA ialah seramai 110,040 orang. Daripada jumlah tersebut, 38,186 orang ditawarkan tempat dan bilangan yang mendaftar ialah 37,093 orang. Bilangan yang tidak berjaya berasaskan bilangan yang ditawarkan tempat ialah 71,854. Bagi program Ijazah pula, bilangan permohonan ialah 34,271 manakala bilangan yang mendaftar ialah 31,076 orang. Antara sebab permohonan tidak berjaya ialah kombinasi mata pelajaran yang tidak sesuai, pencapaian dalam mata pelajaran tidak sesuai untuk tujuan bidang pengajian, pencapaian dalam temuduga dalam bidang tertentu, pencapaian dalam kokurikulum dan markah di bawah potongan senarai merit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak berminat dengan pelajar, berminat dengan Kit Siang sahaja. *[Ketawa]* Soalan tambahan. Nampaknya walaupun Yang Berhormat sudah menjawab yang dianggap agak munasabah tetapi bolehkah *[Diganggu]*.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bolehkah Yang Berhormat terangkan sekiranya kita buat syarat-syarat dengan junior college yang sudah pun di'hilang'kan sekarang dan kelas-kelas matrikulasi yang baik dan sebagainya – syarat-syarat yang baik, apakah peratusan pada pendapat Yang Berhormat pada millennium yang lepas yang dapat berjaya masuk ke universiti daripada SPM ataupun SPVM ataupun kelayakan yang lain. Apakah peratusan maksimumnya yang dianggap sesuai?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sasaran jangka panjang kita telah tetapkan bahawa peratus pelajar yang dapat akses kepada pelajaran tinggi ialah 40 peratus.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Dato' Menteri berkaitan dengan masalah tempat-tempat universiti sekarang yang nampaknya diambil alih oleh pelajar-pelajar matrikulasi yang ramai. Adakah kita membazirkan ataupun salahgunakan tenaga pengajar dan sumber-sumber kemudahan kelengkapan dan sebagainya untuk tujuan pelajaran matrikulasi berbanding dengan tujuan yang sebenarnya iaitu untuk memberi pengajaran, pembelajaran dan pendidikan kepada pelajar-pelajar peringkat Ijazah dan sebagainya di universiti? Bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan bagaimana kementeriannya membetulkan tegasan universiti kepada R&D pada peringkat universiti yang sebenar dan kalau boleh letakkan bahagian pendidikan matrikulasi di luar universiti supaya tidak membazirkan tenaga pengajar yang begitu berkaliber itu.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kelas matrikulasi yang dikendalikan oleh universiti bukan satu pembaziran tetapi satu keperluan yang terpaksa dilakukan oleh kerajaan kerana mengimbangi kemasukan pelajar-pelajar bumiputera dalam jurusan sains. Walau bagaimanapun, oleh kerana kementerian sudah bersedia, maka saya sudah memaklumkan bahawa kita bercadang untuk mengambil alih program matrikulasi ini secara berperingkat-peringkat dengan kerjasama pihak universiti dan dengan ini bahawa dalam masa beberapa tahun akan datang, universiti akan memberi tumpuan dalam bidang Degree, Ijazah Pertama dan selanjutnya dan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan diberi keutamaan.

#### **PERJANJIAN RUANG UDARA MALAYSIA – TINDAKAN KERAJAAN**

**10. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Pertahanan menyatakan setelah tamat perjanjian lintasan udara bagi jet-jet pejuang Singapura yang menjalani latihan di ruang udara Malaysia baru-baru ini, apakah tindakan Kerajaan Malaysia andainya Singapura mengingkari dan melanggar perjanjian tersebut.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan daripada lima Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat dari Shah Alam pada 2

November, Yang Berhormat dari Bukit Bintang pada 9 November, Yang Berhormat dari Mersing pada 12 November, Yang Berhormat dari Rompin pada 3 Disember dan akhirnya Yang Berhormat dari Segambut pada 9 Disember yang mana kesemua soalan-soalan ini menyentuh isu yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Baik.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, sekiranya Singapura mengingkari dan terus mencero bohi ruang udara Malaysia, kerajaan akan mengambil tindakan yang bersesuaian dengan peraturan dan amalan antarabangsa iaitu melalui bantahan diplomatik. Kita telah pun diumumkan, sejak keistimewaan penggunaan ruang udara Malaysia kepada pesawat Tentera Udara Singapura ditamatkan pada 18 September 1998, terdapat 7 kejadian pencerobohan berlaku. Keputusan penamatan ini telah dirancang sejak 2 tahun yang lalu. Kerajaan Malaysia tidak menerima sebarang bantahan rasmi daripada Kerajaan Singapura memandangkan penggunaan ruang udara yang diberikan merupakan satu keistimewaan kepada Singapura. Sehingga kini tidak terdapat sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku yang mana memerlukan pampasan.

Keistimewaan bagi membenarkan penggunaan ruang udara Malaysia meliputi aspek-aspek kawasan arah rendah TUDM, latihan navigasi, kerjasama operasi dan menyelamatkan catu laluan utara. Keistimewaan yang sama tidak diberikan kepada TUDM kerana Malaysia tidak memerlukannya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini jawapan dalam Parlimen diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tentang pencerobohan Tentera Udara Singapura di ruang Johor, pihak Singapura menjawab dengan mengatakan, "*Please shut-up*" (tutup mulut). Jadi ini adalah satu jawapan dalam Parlimen yang tidak dihormati langsung oleh Singapura dan apakah tindakan balas Malaysia dalam menangani apabila pihak Singapura mengatakan 'tutup mulut' dari segi membongkarkan masalah mereka mencero boh ruang udara Malaysia.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, itu pendapat pengarang akhbar di Singapura dan bukannya pendapat Kerajaan Singapura itu sendiri. Walau bagaimanapun pihak kementerian melalui Menteri Pertahanan telah pun membuat kenyataan bagi menjawab tuduhan-tuduhan tersebut tempoh hari.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu perjanjian ruang udara ini sama ada dibuat semasa Singapura masuk Malaysia dahulu ataupun selepas daripada itu kerana saya dapati ada ruang-ruang yang longgar di antara kedua-dua negara daripada segi perjanjian pertahanan udara. Terima kasih.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, keistimewaan itu telah pun diberikan sejak Singapura keluar dari Malaysia dan didapati bahawasanya banyak seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, kelonggaran yang telah pun dapat kita kenal pasti, sebab itu mengapa keistimewaan itu ditamatkan pada 18 September yang lepas.

KEGAWATAN EKONOMI –  
TERJEJASNYA SEKTOR MAKANAN NEGARA

11. **Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh mana sektor makanan negara telah terjejas oleh kegawatan ekonomi pada masa kini. Apakah nilai eksport dan import makanan negara sejak kebelakangan ini. Apakah strategi kementerian untuk menggalakkan penduduk tempatan menyemarakkan semula “revolusi hijau” agar import makanan dapat dikurangkan.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi telah menyebabkan kenaikan paras harga barangan terutama bahan makanan akibat kemerosotan nilai Ringgit. Indeks Harga Pengguna (CPI) bagi bahan makanan telah meningkat kepada 126.4 pada bulan Julai 1998 berbanding 114.5 daripada bulan Julai 1997 atau kenaikan 10.2% berbanding dengan peningkatan sebanyak 5.9% bagi keseluruhan indeks harga pengguna untuk tempoh yang sama.

Walaupun kenaikan harga bahan makanan membebankan pengguna ianya telah juga merangsang pengeluaran bahan makanan dalam negara dan secara tidak langsung mengurangkan lagi bilangan import bahan makanan. Kalau dilihat daripada segi nilai Dollar Amerika adalah didapati import sayur-sayuran berkurangan daripada US\$142.2 juta bagi bulan Januari hingga bulan Julai 1998 berbanding dengan US\$186.4 juta bagi tempoh yang sama tahun 1997. Import buah-buahan juga berkurangan kepada US\$70.6 juta bagi

tempoh bulan Januari hingga bulan Julai 1998 berbanding US\$117.0 juta bagi tempoh yang sama 1997. Pengurangan import telah dapat dipenuhi melalui pengeluaran dalam negara bagi sayur-sayuran dan buah-buahan masing-masing sebanyak 24 ribu tan metrik bernilai RM30.9 juta dan 38 ribu tan metrik bernilai RM58.9 juta bagi bulan Januari hingga bulan Jun 1998.

Nilai import dan eksport bahan makanan terpilih negara bagi tempoh bulan Januari hingga bulan Jun 1998 ialah masing-masing RM5.6 bilion dan RM3.3 bilion.

Strategi utama yang telah dilaksanakan untuk menyemarakkan lagi revolusi hijau adalah dengan menggalakkan orang ramai bercucuk tanam di kawasan kediaman masing-masing dan di perkarangan institusi. Di samping itu kempen menggunakan kaedah hidroponik juga dijalankan untuk menggalakkan pengeluaran sayur-sayuran dalam negara. Keadaan ini juga menggalakkan syarikat-syarikat besar untuk melibatkan diri dalam pengeluaran makanan terutama perikanan laut dan aquaculture, ternakan lembu secara integrasi, sayur-sayuran dan buah-buahan.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat soalan tambahan iaitu dasar dan strategi untuk menambahkan pengeluaran makanan dalam negara yang diamalkan sekarang ini. Apakah ia hanya dibuat dalam keadaan ekonomi gawat dan sekiranya ekonomi pulih, lain pula strategi yang kita gunakan dan tidak meneruskan strategi pengeluaran makanan?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau.

Menyentuh tentang dasar dan strategi ini memanglah mengikut keadaan dan kita buat sesuatu strategi atau dasar itu berdasarkan keadaan. Kalau keadaan gawat strateginya lain, dalam keadaan tenang dan aman – kadar strateginya berlainan. Jadi saya rasa dalam keadaan kegawatan apa yang saya terangkan tadi strategi kita untuk mengeluarkan makanan seberapa banyak untuk mengurangkan import tetapi apabila berkurangnya kegawatan ekonomi mungkin kalau strategi itu munasabah kita akan teruskan. Tetapi kalau strategi itu tidak munasabah maka kita akan tukar strategi yang baru.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah prinsip yang dipraktikkan oleh kementerian dalam menggalakkan pertumbuhan sektor makanan di negara ini. Saya menganggap “bottom line” bagi aktiviti-aktiviti pertanian tentulah berasaskan kepada competitive advantage. Dalam isu tanaman jagung umpamanya kita dapati bahawa kos penanaman jagung lebih tinggi daripada jika jagung diimport dari negara luar. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan apakah rasional bagi negara kita menggalakkan pengeluaran makanan di mana negara kita tidak mempunyai competitive advantage?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tambun. Sebagaimana yang telah kita ketahui bahawa pada suatu masa yang lalu pengeluaran bahan-bahan makanan kita tidak begitu menguntungkan kalau dibandingkan dengan import. Ini pada masa kadar Ringgit kita adalah agak munasabah tetapi dalam keadaan kegawatan nilai Ringgit kita jatuh dan import yang satu masa tidak viable, sekarang ini kita telah boleh mengeluarkan barangan tersebut

disebabkan oleh kos import kita telah meningkat. Dengan nilai wang kita jatuh harga barangan per-unit jadi naik, apabila barangan per-unit naik, maka adalah viable kalau kita mengeluarkan sendiri.

Oleh sebab itu kementerian telah memberi tumpuan untuk meningkatkan pengeluaran jagung kerana kita ada variety baru dan jagung boleh dikeluarkan dengan viable kalau kawasannya agak begitu luas dan kita anggarkan sekurang-kurangnya 10,000 ekar. Apabila 10,000 ekar kita boleh menggunakan dengan machinery dan kita tidak lagi menggunakan secara manual. Lantaran itulah, kementerian sedang mengkaji barangan-barangan yang boleh kita keluarkan untuk menggantikan barangan import kalau ianya menguntungkan tetapi kalau import masih murah, insya-Allah, sebahagiannya kita akan cuba import di samping kita meningkatkan lagi R&D supaya barangan yang kita keluarkan dalam negeri itu dapat mengurangkan kos, tinggikan produktiviti dan dengan ini akan mendapat keuntungan.

#### KADAR TUKARAN RINGGIT

12. **Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah 'projection' kadar penukaran Ringgit Malaysia kepada Euro Dollar, US Dollar serta Dollar Australia bagi tahun 1999, 2000 serta 2020 berasaskan perubahan ekonomi dunia dan rantau Asia dan setelah Kerajaan Malaysia mengambil langkah-langkah kawalan yang tertentu.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, jangkaan mengenai tahap nilai Ringgit berbanding dengan Euro, Dolar Amerika Syarikat serta Dolar Australia tidak dimaklumkan kepada umum kerana ia mirip kepada tindakan spekulasi. Walau bagaimanapun, sejak Ringgit disandarkan kepada Dolar Amerika Syarikat, maka nilai Ringgit berbanding dengan mata wang lain akan bergantung kepada permintaan dan penawaran mata wang tersebut di pasaran antarabangsa. Nilai Ringgit berbanding mata wang selain daripada Dolar Amerika Syarikat, dikira mengikut kadar silang ataupun cross rates.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang mengikut langkah negara Jepun dan negara China yang baru-baru ini telah menukar sebahagian rizab mereka kepada Euro Dollar dan apakah kemunculan Euro Dollar sebagai satu mata wang alternatif kepada US Dollar dan kesannya kepada ekonomi dunia dan kadar tukaran Ringgit?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak Bank Negara Malaysia mempunyai dasar tertentu untuk memiliki 'basket of currency' supaya dapat memastikan bahawa nilai mata wang kita adalah seperti yang sudah terjamin. Jadi, kita sentiasa memerhati tentang perkembangan masa dan akan mengambil tindakan sewajarnya. Tentang soalan yang spesifik itu, ini adalah tidak dapat diumumkan.

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk menstabilkan Ringgit, urusan perdagangan luar negara akan dibayar dengan Dolar Amerika. Soalan tambahan saya ialah berapa peratuskah pembayaran dibuat berbanding dengan mata wang asing yang lain dan bagaimanakah kerajaan dapat memastikan mata wang tersebut mencukupi.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan urusan perdagangan di luar negeri diselesaikan dalam Dolar Amerika Syarikat itu lebih kurang 70% dan pihak Bank Negara Malaysia sentiasa memastikan supaya dari segi pentadbiran di mana pertukaran mata wang asing ini diperlukan untuk menjalankan urusan itu dapat dijalankan dengan begitu licin sekali dan kebanyakan keputusan bolehlah dibuat di peringkat cawangan bank perdagangan berdasarkan kepada jadual-jadual yang telah ditentukan.

Bagi pihak pelancong dan orang-orang yang memerlukan jumlah yang tidak begitu besar, Bank Negara pun telah mengeluarkan sejumlah wang Dolar Amerika Syarikat itu di dalam pasaran baik di bank perdagangan dan pengurup wang untuk memastikan wang mudah tunai dalam Dolar Amerika Syarikat itu diperolehi di negara kita.

#### PEKERJA ASING – JUMLAH PERMOHONAN BARU DAN PERLANJUTAN PERMIT KERJA

13. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah permohonan baru pengambilan pekerja asing (profesional dan buruh) serta permohonan yang diluluskan; dan
- (b) jumlah kes perlanjutan 'Permit Kerja' sejak Julai, 1997 dan adakah terdapat sebarang mekanisma untuk memastikan warga negara tempatan diberi keutamaan bagi mengisi sebarang kekosongan jawatan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah permohonan pengambilan pekerja asing dan tenaga profesional baru pada tahun ini ialah seperti berikut:-

Tenaga Profesional		Pekerja Asing	
Bil. Pemohon	Bil. Lulus	Bil. Pemohon	Bil. Lulus
7,423	6,338	164,895	88,439

Pas kerja tenaga profesional dan pekerja asing yang dilanjutkan dalam tempoh 12 bulan yang lepas ialah:-

Tenaga Profesional	Pekerja Asing
6,202	715,867

Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk mendapatkan tenaga profesional dan pekerja asing akan hanya dipertimbangkan jika tiada pekerja tempatan yang dapat mengisi jawatan yang dipohon.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana bertimbang rasa menghantar pekerja yang tanpa lesen masuk ke negara kita ke tarikh 15 haribulan.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, soalan saya ialah seperti kita sedia maklum, negara kita menghadapi keadaan ekonomi yang kurang selesa. Jadi, adakah kerajaan akan mengkaji balik tenaga-tenaga profesional dan juga buruh untuk masuk bekerja dalam negara kita kerana kita dapati sekarang, rakyat tempatan juga menghadapi kesukaran dan masalah. Kadang-kadang syarikat lebih mementingkan profesional daripada asing daripada tempatan. Jadi, mereka retrench pekerja tempatan dan kekalkan yang luar negara. Jadi, ini menyebabkan barangkali pertukaran wang kita juga akan menghadapi masalah.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dan akan memastikan bahawa negara-negara yang menghina undang-undang negara kita ini maka kita pertimbangkan semula pekerja-pekerja mereka yang ingin memasuki bekerja dalam negara kita kerana mereka ini dengan lantang mengatakan mereka bukan datang untuk bekerja tetapi untuk menolong kita dan di samping itu juga mereka memperkecil-kecilkan pentadbiran, kepimpinan dan juga undang-undang negara kita.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi walaupun permohonan untuk tenaga profesional ialah 7,423 tetapi yang kita luluskan hanya 6,338. Untuk pekerja asing walaupun yang dipohon ialah 164,895 tetapi yang kita luluskan hanyalah 88,439.

Setakat tahun ini kuota yang dibenarkan oleh kerajaan berjumlah 220,000. Sebelum 31 Ogos, kerajaan telah meluluskan untuk kilang pada kelulusan yang pertama sebanyak 30,000 dan untuk kilang 20,000. Kelulusan yang kedua untuk kilang 20,000; untuk ladang 10,000 dan untuk negeri Sabah sebanyak 20,000 orang.

Kelulusan yang baru iaitu pada bulan Oktober sebanyak 100,000 untuk Semenanjung dan 20,000 untuk Sarawak. Bagaimanapun, setakat hari ini, yang diluluskan hanyalah 88,439 walaupun kuota yang dibenarkan ialah 220,000.

Dalam proses kita menghantar balik pendatang-pendatang asing iaitu melalui pengampunan setakat 28 Oktober 1998 seramai 120,013 orang telah pun dihantar pulang dan pendatang dari Indonesia merupakan yang teramai iaitu 104,627 orang.

Saya amat bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat iaitu bagi mereka yang datang bekerja di negara kita, mereka mesti menghormati undang-undang negara kita dan kita juga berharap kepada kerajaan-kerajaan negara-negara yang berjiran dengan Malaysia supaya sekurang-kurangnya menyanjungi hasrat Kerajaan Malaysia iaitu walaupun kita sekarang ini sedang menghadapi kegawatan dan apabila kita ada kekosongan pekerjaan, kita memberikan keutamaan kepada pekerja-pekerja jiran iaitu Indonesia, Thailand dan juga Filipina. Tetapi kalau mereka tidak menghargai peranan yang kita mainkan, kita sentiasa boleh membuka ruang kepada pekerja-pekerja dari negara lain misalnya Kambodia, Myanmar, Bangladesh, Pakistan, India dan lain-lain.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Persoalan yang timbul di kalangan pekerja-pekerja kita anggapan daripada majikan ialah pekerja-pekerja ini pemalas. Bagaimanakah usaha pemerintah ataupun kerajaan untuk mengatasi masalah ini, misalnya sebagai pembantu rumah, dia malas, jadi lebih baik ambil orang lain, ini persoalannya, masalah watak dan 'characteristic' orang-orang kita, bagaimana cara untuk kerajaan mengatasi usaha-usaha yang telah dilakukan sekarang dan akan datang.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyangkal sekeras-kerasnya apabila kita katakan orang tempatan 'pemalas'. [*Tepuk*] Mungkin bagi Tumpat mereka malas tetapi rakyat Malaysia tidak malas.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, apa yang berlaku rakyat Malaysia sanggup untuk membayar gaji yang tinggi misalnya kepada pembantu rumah daripada Filipina sampai RM700 hingga RM800 tetapi untuk rakyat tempatan mereka tidak sanggup untuk membayar harga yang sedemikian dan ada juga misalnya rakyat Malaysia yang menganggap bahawa mengambil pembantu rumah daripada Filipina sebagai 'status symbol'.

Tuan Yang di-Pertua, dalam banyak keadaan rakyat kita lebih selesa bekerja dalam tempat-tempat yang berhawa dingin. Oleh itu, pekerjaan ladang memang tidak diminati oleh rakyat Malaysia, sehinggakan hari ini kawasan-kawasan Felda juga meminta pekerja asing untuk bekerja di ladang-ladang mereka dan kalau ikut perangkaan tahun sudah, Kementerian Perusahaan Utama mengatakan bahawa tahun sudah sejumlah RM1.2 bilion kelapa sawit tidak dapat dipetik oleh kerana kekurangan pekerja.

Oleh itu, itulah sebabnya kita mengambil pekerja-pekerja daripada luar mengisi tempat-tempat yang tidak mahu diisi oleh pekerja tempatan, kebanyakannya pekerjaan ladang dan juga pembinaan tetapi bagi kilang-kilang yang ada hawa dingin, rakyat Malaysia sanggup untuk bekerja, tetapi kalau kilang perabot yang ini terpaksa diisi oleh pekerja-pekerja daripada luar.

*[Soalan No. 14 – Y.B. Tuan Lim Guan [Kota Melaka] tidak hadir]*

*[Soalan No. 15 – Y.B. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran] tidak hadir]*

**LAPORAN MINT – JARAK STESEN DAN PILON ELEKTRIK**

16. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah sasar mengenai jarak stesen elektrik dan pylon dengan kediaman. Apakah laporan MINT atau institusi yang lain terhadap stesen dan pylon elektrik di SS25/15-17, Petaling Jaya.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-peraturan Elektrik 1994, kelegaan antara konduktor talian voltan tinggi dengan bangunan adalah tidak kurang daripada 4.57 meter.

Bagi soalan bahagian yang kedua, laporan awal mengenai Extremely Low Frequency Electro Magnetic Fields (ELFEMF) terhadap stesen dan pylon elektrik di kawasan SS25/15 dan 17, Petaling Jaya oleh The Malaysian Institute For Nuclear Technology Research telah diterima oleh kementerian baru-baru ini.

Laporan awal ini mengandungi penemuan (findings) dalam kajian peringkat pertama yang dijalankan antara awal bulan Ogos 1998 hingga pertengahan bulan September tahun ini juga sebelum substesen TNB beroperasi.

Kajian peringkat kedua akan dijalankan selepas substesen TNB tersebut mula beroperasi. Kesimpulan dalam kajian ini adalah didapati bahawa Electro Magnetic Fields (EMF) yang didapati di rumah-rumah kawasan tersebut adalah terlalu rendah kalau dibandingkan dengan Public Exposure Limits EMF, dengan izin, yang ditetapkan oleh International Non-Ionising Radiation Committee of the International Radiation Protection Association, dengan izin.

Misalan kata, ELF Public Exposure Limits bagi magnetic fields yang ditetapkan oleh International Non-Ionising Radiation Committee ialah 1,000 miligaouth tetapi di rumah-rumah yang di mana kajian yang telah dijalankan, yang tertinggi yang didapati di kawasan ini cuma 3.51 miligaouth sahaja, limit yang dibenarkan ialah 1,000 miligaouth di mana ditempat yang didapati yang tertinggi ialah 3.1 miligaouth sahaja.

Dan bagi electric fields yang ditetapkan Pulic Exposure Limits yang ditetapkan oleh committee ataupun jawatankuasa yang saya sebutkan tadi ialah 5,000 volt per meter. Ini adalah limit yang ditetapkan oleh international bodies di mana electric fields yang didapati di kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi yang tertinggi pada puratanya hanya 26 volt per meter kalau dibandingkan dengan limit yang ditetapkan iaitu 5,000 adalah merupakan satu electric fields yang amat rendah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal Jawab sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 2,3,4,8,14,15 dan 17 hingga 23 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA  
KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO.2) 1998**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEVI KEUNTUNGAN  
LUAR BIASA 1998**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan bagi pengenaan levi atas keuntungan luar biasa yang diperolehi daripada pengeluaran barang-barang dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**Dan**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1999, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,053,037, dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1998 adalah diuntukkan di bawah Maksud-Maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut” [29 Oktober 1998]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Mengikut Jadual yang ada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong kena menyambung ucapan. Sebelum itu seperti yang saya janjikan kita ada unfinished business daripada minggu lalu.

**Tuan R. Karpal Singh:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta duduk sebentar ya.

Saya telah melihat Laporan Parlimen dan saya dapati Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ada menggunakan perkataan ‘gila’. Jadi, seperti Ahli Yang Berhormat maklum perkataan itu adalah perkataan unparliamentary yang tidak boleh disebut dalam Parlimen. Saya minta Ahli Yang Berhormat sebelum menyambung ucapan, saya minta tarik balik perkataan ‘gila’ ya.

**11.07 pagi**

**Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, itu tidak ada masalah, saya tarik balik!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, pada hari Jumaat saya ada baca satu laporan dalam *Utusan Malaysia* dan ini adalah mengenai apa yang ada dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Saya harap dia ada di sini, tidak ada. Dia ada cabar saya untuk letak jawatan dan sebab yang ada diberi oleh dia adalah saya ada mengkritik hakim-hakim dalam negara ini, walaupun ada banyak kes dalam mahkamah khasnya kes *habeas corpus* yang saya ada menangani.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bila-bila masa dalam Dewan yang mulia ini, saya tidak mengkritik hakim-hakim.

Apa yang sebaliknya saya ada kritik adalah tidak menerima perintah-perintah dari mahkamah oleh kerajaan. Dalam satu sidang akhbar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa kerajaan ada menerima keputusan daripada mahkamah di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu jawapan yang telah diberi dalam Dewan yang mulia ini bertarikh 19 Disember 1996, saya ada bertanya Tuan Yang di-Pertua, selepas beberapa keputusan mahkamah, di mana ada beberapa orang yang telah dilepaskan oleh mahkamah berikutan berjaya dalam keputusan *habeas corpus* dan pada tarikh itu 19 Disember 1996, apa yang telah dinyatakan sebagai jawapan kepada soalan itu adalah seperti berikut:-

“Di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri jumlah yang dibebaskan oleh mahkamah – 15, jumlah yang ditangkap semula – 7. Di bawah Akta Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah 1969, jumlah yang dibebaskan oleh mahkamah – 71, jumlah yang ditangkap semula – 36.

*Di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) jumlah yang dibebaskan oleh mahkamah – 395, jumlah yang ditangkap semula – 190.”*

Semua angka yang ditangkap semula adalah 233.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mengenai *habeas corpus* sahaja. Ada beberapa kes lain di mahkamah di mana di bawah Akta Dadah Berbahaya pertuduhan di bawah 39B apabila seseorang dilepaskan dibebaskan oleh mahkamah, beliau ditangkap semula. Walaupun angka dikatakan begitu tetapi dalam fikiran saya ada lebih kurang 30 orang yang ditangkap semula. 233 di sini, 30 tambahan lagi menjadikan lebih kurang 263 orang.

Apakah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan kepada surat khabar kerajaan ada menerima keputusan mahkamah, adakah itu satu kenyataan yang ikhlas atau satu kenyataan daripada seorang hipokrit, 'tidak serupa bikin'. Adakah itu benar, adakah benar apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Dalam kes saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, pada 9 Mac 1988, saya berjaya dalam satu kes *habeas corpus*, yang dilepaskan oleh Yang Arif Hakim Peh Soo Chin. Saya ditangkap, itu perkara lain, itu tidak apa, itu jadi satu habuan seorang dalam pembangkang. Tapi akibat daripada itu, dalam Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berdiri di sini dan menghentam hakim itu, mana boleh, hakim ini menyatakan dengan alasan bahawa saya seorang yang cuai, saya seorang yang membuat apa yang dikatakan *mala fide* Tabiat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *mala fide* adalah niat jahat, ini seorang doktor, dia tidak faham apa undang-undang. Barangkali ada banyak peguam dari Barisan Nasional di sini, barang kali dia pun tidak faham apa jadi *mala fide* dalam konteks di mana Yang Arif itu melepaskan saya.

Adakah baik seorang Perdana Menteri menghentam seorang hakim. Barangkali Tuan Yang di-Pertua ada membaca laporan dalam surat khabar pagi ini, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, ada banyak Timbalan Menteri di sana khususnya Datuk Haji Mohamed Nazri, dia pun tidak ada di sini hari ini. Dalam laporan, apa yang dikatakan oleh dia, dilapor dalam beberapa surat khabar. Dia menyuarakan Hakim Augustine Paul yang mengendalikan kes Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang bermula pagi ini, harus letak jawatan. Tidakkah Tuan Yang di-Pertua, ini interference in the judicial process? Bolehkah seorang Timbalan Menteri atau pihak-pihak yang lain menyuarakan perkataan-perkataan seperti itu? Itu adalah menghina mahkamah, itu

adalah apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris 'contempt of court,' pagi ini Tuan Yang di-Pertua di mahkamah yang mengendalikan kes Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ada bangkit perkara ini, ada membuat permohonan lisan kepada hakim itu untuk memerintahkan Timbalan Menteri ini menghadiri dirinya dalam mahkamah untuk mendapat balasan selepas dia diberi satu peluang untuk membela diri dan masuk dalam penjara Kajang atau barangkali Sungai Buloh. [*Tepuk*]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bolehkah kelakuan seperti itu oleh seorang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dipertahankan? Tidakkah wajib Dewan yang mulia ini mengambil tindakan terhadap dia, kerana orang ini dengan apa yang dia menyuarakan terjejas imej Dewan yang mulia ini dan saya harap.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jika sekiranya perkara ini telah pun dibawa ke mahkamah dan perkara apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi sedang ditimbang oleh mahkamah, Yang Berhormat janganlah bercakap dalam perkara itu sekarang kerana perkara itu akan jadi sub judice.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kes Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Tuan Yang di-Pertua, ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat!

**Tuan R. Karpal Singh:** ...bukan ini lain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, bukan kes Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebagaimana ucapan Yang Berhormat tadi kata, telah pun ada permohonan supaya Timbalan Menteri itu dibawa ke mahkamah, kalau sekiranya ada permohonan itu, maka perkara itu sedang ditimbang oleh mahkamah. Jadi biarlah perkara ini diputuskan oleh mahkamah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dan barangkali dari segi itu Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju tetapi.....

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tengok wakil dari Jelutong dia tidak faham

undang-undang pasal itu wakil Tanjong Karang suruh dia letak jawatan. Sekarang wakil Tanjong Karang sudah datang, jadi eloklah jawab hendak letak jawatan ke tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita mesti bercakap berkenaan dengan.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini bukan penjelasan Tuan Yang di-Pertua.... **Tuan**

**Yang di-Pertua:** ....Timbalan Menteri tadi ini ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Lebih baik letak jawatan sebagai Timbalan Menteri dahulu, lepas itu barangkali dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya balik kepada tajuk apa yang saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibuat oleh mahkamah terhadap Datuk Haji Mohamed Nazri. Itu adalah perkara yang mahkamah ada kuasa. Tapi bagi Dewan ini, tidakkah harus Dewan ini mengambil tindakan atas dia? Mengajar dia untuk menyuarakan apa yang tidak melanggar undang-undang. Barangkali itu boleh dibuat oleh Dewan yang mulia ini. Balik kepada Tanjong Karang

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan Yang Berhormat dari Jelutong.

**Tuan R. Karpal Singh :** Saya belum habis lagi penjelasan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak bagi jalan ke tidak Yang Berhormat?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hendak bagi tidak bagi?

**Tuan R. Karpal Singh :** Mengenai apa?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Mengenai mahkamah dan bahasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Jelutong. Saya berpandangan yang lain. Mungkin Yang Berhormat dari Jelutong berpandangan dari segi perundangan dan mahkamah. Saya bukan seorang peguam tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa Bahasa Malaysia adalah bahasa yang didaulatkan di tanah air kita ini. Di Dewan Rakyat sendiri kita menggunakan bahasa Malaysia. Yang Berhormat sendiri menggunakan

bahasa Malaysia walaupun kadang-kadang tersilap tetapi tidak apa dan kita boleh gunakan bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa lain kecuali diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi pada pandangan saya, Timbalan Menteri kita yang berucap itu ialah memastikan bahawa kedaulatan bahasa Malaysia itu perlu dipertingkatkan tinggi daripada lain-lain. Kalau kita tidak mendaulatkan bahasa kita bermaknanya dengan tersendiri kita menjatuhkan maruah kita. Jadi tidak semestinya pada pandangan saya mahkamah itu kadang-kadang semuanya betul. Ada yang tidak betul tapi ini adalah urusan mahkamah, kita terima. Tetapi sebagai menasihati, kita boleh menasihati pada pandangan saya supaya pihak mana sekalipun perlu mendaulatkan bahasa kerana bahasa ini menunjukkan budaya kita. Bahasa Malaysia adalah bahasa yang didaulatkan di tanah air kita dan perlu kita bangga, perlu kita pertingkatkan.

Kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke France, kita bercakap bahasa Inggeris, dia tak layan kita, kerana dia hendak kita bercakap bahasa dia dahulu, kalau kita tak faham bahasa Inggeris tak apa, itu pandangan saya. Ini hendak memberi penjelasan untuk mempertahankan Timbalan Menteri saya. Terima kasih.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya terima, Tuan Speaker, bahawa Bahasa Malaysia harus diutamakan. Itu tidak boleh dinafikan itu ada termaktub dalam The National Language Act, tetapi ada provi so Tuan Speaker kepada seksyen 8, walaupun semua perbincangan harus dijalankan dalam Bahasa Malaysia tetapi boleh apabila satu permohonan dibuat oleh seseorang atau oleh hakim sendiri, boleh perbincangan itu dijalankan partly in English dan partly dalam Bahasa Malaysia. Jika tidak ada provision itu di sana itu perkara lain. Di sini pun kadang-kadang boleh menggunakan dalam bahasa Inggeris dengan persetujuan Tuan Speaker. Bagi apa yang dibuat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, walaupun dia boleh mempertahankan Bahasa Malaysia, bolehkah apabila hakim ini sedang dalam perjalanan satu perbincangan menyatakan dia harus letak jawatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, pada bacaan saya dalam surat khabar itu dia minta menarik diri bukan meletak jawatan, menarik diri daripada bicara kes itu. Pada bacaan saya dalam surat khabar bukan meletak jawatan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang saya baca pagi ini dalam *Star*, adalah Nazri ..... ‘Judge should step down’,..

**Tuan Yang di-Pertua:** Step down...

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Step down from the case ...

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Setahu saya barangkali perkataan yang saya baca itu ialah dia menarik diri, bukan dia meletak jawatan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam *Star* ‘step down’, barangkali surat khabar *Star* tidak memahami Bahasa Malaysia itu saya tidak tahu. Tetapi itu yang apa ada di sana.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, kita tinggalkan perkara ini di sini. Biarlah, Yang Berhormat, ada perkara lain yang hendak dibincang.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada beberapa perkara lain, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, dalam perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim, haruslah hakim itu tidak diganggu oleh mana-mana pihak. Dalam masa lampau beliau ada menerima satu telefon daripada satu senator, US senator, sekarang satu ugutan daripada satu Timbalan Menteri di sini. Bukan itu sahaja, Kelab Senator Malaysia, baru-baru ini seorang yang dikatakan dia Dato' Rahim Baba dalam satu kenyataan akhbar menyatakan, “saya ada menghina mahkamah apabila saya berbangkit kes Anwar Ibrahim dalam Dewan yang mulia ini”. Selain daripada itu, dalam satu dokumen lain saya salah gunakan privilege atau keistimewaan saya sebagai Ahli Dewan Rakyat, berbangkit perkara di mana saya ada satu interest. Tuan Speaker, dalam dua-dua perkara ini apabila saya memberi penjelasan kepada Tuan Speaker, penjelasan itu ada diterima. Tuan Speaker bolehkah Kelab Senator ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya belum habis atas tajuk ini, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia bukan orang Senator, apa dia mahu kacau ini, barangkali kalau dia kalah dia masuk dalam senate itu perkara lain..

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Point of order, saya tadi tak berapa dengar, dia cakap sebab Bahasa Malaysia dia tidak betul, apa Yang Berhormat cakap tadi pada saya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cukuplah, cukuplah. Saya ada dengar.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of Order, apa...

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya dengar tadi Yang Berhormat kata “otak tak center”, Yang Berhormat cakapkah tidak?

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of Order apa?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Point of Order, .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Okay, point of order, nombor berapa?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** .....mengeluarkan perkataan yang biadab Yang Berhormat kata saya “otak tak center”.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa perkataan itu?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat kata ‘otak tak center’. Yang Berhormat fahamkah maksud itu? Kalau .... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Yang di- Pertua:** Cukup-cukup Yang Berhormat. Apa yang dia kata, Yang Berhormat bukan Senator, Yang Berhormat nak keluarkan perkara itu. Cukuplah jalanlah, Yang Berhormat dari Jelutong, sila teruskan.

**Seorang Ahli:** Jauh Beza.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Kalau dalam *Handsard* besok betul Yang Berhormat kata saya “otak tak center”...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Jelutong sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika tidak ada dalam *Hansard*, perkataan itu ..... letak jawatan. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong, sila, teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Okay, saya letak jawatan jika ada dalam *Hansard*. Berani?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Jelutong sila.

**Tuan R. Karpal Singh:** Mahu lawan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh macam itu Yang Berhormat, bukan caranya.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Letak jawatan Tanjung Karang, jika tidak ada dalam *Hansard*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat dari Jelutong.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya mahu tengok dalam *Hansard*.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah!

**Tuan R. Karpal Singh:** Penakut, jika penakut jangan menghadiri mesyuarat dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Barangkali 'otak tak center'.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Barangkali ..... bukan....

**Seorang Ahli:** Otak tak center.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia sendiri bangkitkan perkara ini, saya pun tidak tahu 'otak dia tak center' *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tarik balik perkataan itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Sekarang ada sedikit keraguan, itu barangkali.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta tarik balik Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Okay, saya tarik balik perkataan ‘barangkali otak dia tak center’.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang saya menyuarakan, saya tarik balik, apa yang saya telah.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, kawal sikit Benggali, dia belah pagi angin dia naik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Orang ini inconsequential, tak ada bermakna, tak payah beri perhatian kepada dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa Yang Berhormat mahu ucapkan itu sudah. Sila teruskan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Pasal Yang Berhormat dari Jelutong bukan sahaja “otak”, semua tak center, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh teruskan tetapi diganggu oleh seorang yang inconsequential, null and void batal, perkataan yang digunakan dalam bahasa Inggeris, the legal phraseology - inconsequential.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jelutong dia gila talak, kerana kawan dia seorang masuk dalam, dia gila talak, depa hobby sama Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bagi senator, Tuan Speaker, siapa senator-senator? Orang yang tidak layak masuk Dewan Rakyat, tidak layak dipilih oleh rakyat. Walaupun dalam Perlembagaan ada peruntukan senator-senator boleh dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Dalam masa lampau Yang Berhormat dari Tanjong ada menyatakan “semuanya ini adalah dead wood”. Saya ingat apa yang ada, saya quote.....

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, tarik balik perkataan, mana boleh dia kata senator kita “dead wood”...ini unconstitutional menghina senator-senator kita...

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini ada disuarakan oleh rakan saya dari Tanjong.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Point of order. Tuan Speaker, itu dah melampau.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, dua-dua Tanjong dan Jelutong ini “gila”, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ha..itu boleh digunakan Tuan Speaker, “gila” ..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat perkataan “gila” tak boleh gunakan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, cakap baik dia tidak faham, jenis ini - pekak.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tarik balik perkataan yang menghina senator tadi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jenis ini, boleh digunakan Tuan Speaker, ini double standard di sini jika tidak tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Yan, tarik balik perkataan gila itu tolong!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di Pertua, kalau dia tarik balik “dead wood” kepada Senator saya tarik balik, kalau tidak sorry!

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan buat syarat dekat saya tak bolehlah .....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Pasal dia kurang ajar, dua-dua ekor ini melampau-lampau sangat...

**Tuan R. Karpal Singh:** “Kurang ajar”, “dua ekor” Tuan Speaker itu semua boleh digunakan?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Boleh, saya hendak kata lagi apa Yang Berhormat mahu, kemudian saya tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Yan, tarik balik. Nanti saya gunakan, saya akan timbang, sama ada “dead wood” boleh digunakan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia menjatuhkan maruah Senate, Senate lebih tinggi dari Dewan Rakyat. Faham dah Bai, kalau tak faham pergi balik negeri asallah. Kurang ajar Benggali.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, bolehkah kawal dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yan cukup, tarik balik Yang Berhormat..

**Tuan R. Karpal Singh:** “Benggali, standard” Tuan Speaker boleh dipertahankan semua itu,....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di Pertua, kalau saya kata dua-dua ini “gila, kurang ajar, dua-dua ini bodoh”, saya tak peduli Tuan Yang di-Pertua ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perkataan “dead wood” tak boleh digunakan kepada ahli-ahli senate kita, tolonglah tarik balik perkataan itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya quote apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tanjong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham. Saya faham. Jadi Yang Berhormat quote pun seolah-olah Yang Berhormat kata juga.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya quote apa yang dikatakan di luar Dewan dan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat seorang yang tahu undang-undang. Jikalau sekiranya kita quote perkataan libel, orang yang quote itu juga bertanggungjawab.

**Tuan R. Karpal Singh:** Betul, apa yang jadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong ada menyuara luar dari Dewan dan ada cabar senator untuk mengambil tindakan ke atasnya, sampai hari ini tidak ada apa-apa tindakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak usahlah, ini berkenaan yang kita hadapi sekarang ialah perkataan ‘dead wood’ Yang Berhormat sebutkan itu dan perkataan

'dead wood' itu saya telah beri ruling kata tidak boleh disebutkan. Perkara yang lain-lain tidak relevant, Yang Berhormat. Minta tarik balik, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Relevant, Tuan Yang di-Pertua, kerana dalam masa sekarang, kemelesetan ekonomi, bolehkah adakan satu senate, lebih baik mansuhkan senate.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan Dewan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ruling ini, ini telah melanggar Perlembagaan, Tuan Yang di-Pertua, dia menghina Perlembagaan negara kita. Macam mana Yang Berhormat boleh menghina Perlembagaan, seorang peguam.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak minta tarik balik perkataan itu. Jangan banyak-banyak sangatlah, kalau tidak, susahlah. Yang Berhormat Jelutong, minta tarik balik perkataan 'dead wood' itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tidak cakap itu, dia yang cakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tahu tindakan undang-undang. Kita pun tahu, saya tahu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia yang cakap, saya dihukumkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sekiranya Yang Berhormat repeat ataupun mengulangi sesuatu perkataan yang libel ataupun defamatory, orang yang mengulangi itu juga bersalah, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dead wood, itu bermakna .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah buat ruling kata 'dead wood' itu ialah perkataan unparliamentary.

**Tuan R. Karpal Singh:** Okaylah, Senate adalah setengah mati, setengah hidup. Itu boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat. Minta tarik balik perkataan 'dead wood'.

**Tuan R. Karpal Singh:** Allright, 'dead wood' saya tarik balik tetapi the null or dead, no alive dan oleh itu tidak harus diwujudkan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu harus dimatikan. Perlembagan dimansuhkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan ucapan. Cuba cakap fact, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu cadangan saya kerana tulis surat seperti ini, tidak tahu apa yang jadi dalam Dewan yang mulia ini, membuat tohmahan yang tidak ada asas. Ini senator or centaur, apa dia?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tidak, saya hendak minta penjelasan lain. Saya tidak tanya kes ini. Saya hendak minta penjelasan yang lain. Saya hendak minta yang adil. Boleh beri jalan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak tanya yang adil, yang fact.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak, Jelutong?

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia mahu kacau.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tak ada, tak ada. Yang Berhormat, saya tiak kacau, saya hendak minta cara jalan yang betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Dia takut. Saya tidak hendak bangkit fasal senator. Saya hendak tanya fasal lain. Yang Berhormat ...

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia kedekut. Dia kedekut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjong Karang, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Allright, cakap, cakap apa mahu cakap, boleh.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Boleh, ha begitulah, [*Ketawa*] barulah jadi lawyer yang gentleman. Saya hendak tanya Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Jelutong ada sebut bahawa hakim Augustine ini ada menerima panggilan daripada senator. Tetapi kemudian dia sebut fasal senator Malaysia, bila kutuk dia, dia marah. Saya hendak tanya, kalau Yang Berhormat betul-betul ingin menegakkan keadilan apakah

reaksi Yang Berhormat mengenai panggilan, kalau betul, itu panggilan daripada senator Amerika. Saya cabar Yang Berhormat supaya mengutuk senator Amerika ini, kalau betul mereka cuba campur tangan kehakiman di dalam negara kita. Mengapa Yang Berhormat tidak berani kutuk, hanya cakap sekali sahaja. Bila senator kita tegur, Yang Berhormat hendak marah, mana ada keadilan macam ini.

Saya cabar Yang Berhormat kalau berani, DAP kemukakan, mengutuk sekeras-keras panggilan, gangguan yang dibuat oleh senator Amerika itu. Saya cabar, kalau tidak, DAP penakut, tidak adil, hanya berani kutuk negara sendiri sahaja.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kenapa dengan emosi seperti itu? *[Ketawa]* Seorang senator atau pihak lain yang ganggu seorang hakim tidak boleh dipertahankan oleh sesiapa? Ini bukan hendak mempertahankan tindakan itu.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak tanya, berani atau tidak DAP buat kenyataan dalam Parlimen ini, mengisytiharkan bahawa DAP mengutuk sekeras-kerasnya?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak payahlah. Ini perkara kecil.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat Naib Presiden. Takut Ketua Pembangkang marah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya. ....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Kutuklah, kalau nak kutuk, kutuk semua pihak kalau hendak menegakkan keadilan. Jangan hendak mengutuk senator kita sahaja. Senator luar mengacau kita, Yang Berhormat tidak berani hendak kutuk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Allright, kami..... cukup, cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah. Cukuplah, Tanjong Karang.

**Tuan R. Karpal Singh:** Cukup, selepas itu kutuk awak. Apa lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Timbalan Menteri sudah sampai, barangkali ia boleh memberi penjelasan apa yang saya bangkitkan tadi.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Sedikit penjelasan. Semalam saya pergi ke Pulau Pinang.

Saya merasmikan satu majlis iaitu Majlis Khidmat Nasihat Guaman. Dalam ucapan saya, bila kita ber`rhetoric`, dia biasa, kita bercakap iaitu bahawa kalau dah hakim tidak boleh faham Bahasa Malaysia lebih baik letak jawatan. Dia tidak bermaksudkan kepada hakim yang bicara budak ini. Sebab itu kalau Yang Berhormat tengok bahawa keratan akhbar hanya *Star* sahaja yang menulis, *Straits Times*, *Berita Harian*, mereka tidak menulis sebab mereka tahu, saya berucap dalam majlis yang bukan majlis dibuka untuk orang umum tetapi kepada ahli UMNO. Jadi kepada mereka yang datang berjumpa dengan saya selepas majlis, mereka bertanya soalan kepada saya. Sebab itu, apa yang ditulis oleh *Star* itu cuma laporan akhbar, yang tidak saya menyebut bahawa hakim berkenaan iaitu hakim pada hari ini, patut letak jawatan. Sebab itu dalam perkara seperti ini Yang Berhormat kena tanya saya dahulu. Yang Berhormat pun tahu surat khabar, mana kita boleh control dia dan selepas saya berjumpa dengan pemberita, saya beritahu, benda ini, sebab itu cuma *Star* sahaja yang keluar, surat khabar yang lain tidak keluar. Jadi ini penjelasan sayalah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya terima itu tetapi saya baca apa yang ada dalam *Star*. Jikalau tidak betul, betulkan itu. Barangkali boleh tanya the predicable from *Star*. Dia ada di sini, dia boleh .....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, dia ada sini, bukan dia yang menulis di Pulau Pinang, saya bercakap di Pulau Pinang. Sebab itu kalau *Star* mahu, saya boleh buat penjelasan. Saya tidak pernah menuntut supaya hakim letak jawatan. Dalam ucapan saya, “rhetoric” saya tidak bermaksud pada sihakim yang pada hari ini menghakimi kes ini patut letak jawatan, tidak, saya tidak cakap demikian. Sebab itu kalau *Star* hendak buat penjelasan, hari ini buat penjelasan bahawa saya tidak pernah menuntut supaya hakim berkenaan untuk letak jawatan. Itu sahaja, sebab surat khabar lain tidak tulis, *Straits Times* tidak tulis, *Berita Harian* tidak tulis, *Utusan* pun tidak tulis. Satu surat khabar sahaja, mungkin dia tidak faham Bahasa Malaysia, itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat, Jelutong, perkara ini kita tutuplah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia beri penjelasan, saya terima.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, apa yang Yang Berhormat hendak ucapkan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dan saya harap hakim itu tidak mengambil tindakan atas awak kerana saya ada bangkit perkara ini tadi dan beliau ada menyemak itu, ada kemungkinan boleh masuk penjara. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak menjadi masalah, sebab kalau dia hendak ambil tindakan terhadap saya pun, ambillah tindakan sebab saya boleh membuktikan dalam apa juga perbicaraan bahawa saya tidak pernah sebut nama hakim itu untuk letak jawatan. Jadi saya harap supaya janganlah Yang Berhormat panjangkan perkara ini lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Perkara ini jikalau sekiranya ada tindakan dalam mahkamah akan jadi sub judge. Saya ingat perkara ini kita berhenti di sini. Yang Berhormat Jelutong, sila teruskan apa yang Yang Berhormat bercakap tadi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Baiklah, saya merayu kepada Yang Arif Hakim itu jangan mengambil tindakan atas Timbalan Menteri itu *[Ketawa]*. Saya tarik balik permohonan saya pagi ini dan tidak ambil tindakan untuk keselamatan dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan ucapan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna Jelutong ada hubungan dengan hakim Augustine.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah. Sila teruskan Jelutong.

**Tuan R. Karpal Singh:** Orang yang inconsequential, bercakap apa yang inconsequential. Tidak payah jawab, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, ..

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Pasal Jelutong kata dia akan beritahu nasihat. Maknanya dia ada hubungan baik dengan hakim itu. Ini sudah tidak betul, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jangan buat tohmahan seperti itu, tidak boleh macam itu. Sila teruskan Yang Berhormat dari Jelutong.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tidak kacau, awak yang kacau. Saya tidak pernah kacau sesiapa tetapi kalau awak kacau saya, habis. Itu sahaja.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong sila teruskan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bai! Ini Melayu tidak takutlah, jangan main-mainlah. Ini bangsa tidak takutlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Yan, cukuplah. Sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Mengapa orang Melayu, orang bai, orang Malaysia di sini. Orang seperti ini langsung tidak menerimanya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, keturunan, saya keturunan Melayu Aceh, ini keturunan Bai, murtad pula kerana tidak memakai turban.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan cara mesyuarat dalam Dewan Rakyat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tetapi dia seorang yang inconsequential, saya tidak mengambil berat apa yang dia kata, saya tidak akan mengambil berat. Saya teruskan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** You bai hendak cakap apa? Dia bai yang jiwa dia kurang tenang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya. saya teruskan, tidak payah buang masa ke atas dia. Another inconsequential.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Sila teruskan Yang Berhormat dari Jelutong, jangan tunggu apa-apa.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kurang ajar seperti ini boleh diterima, 'bai' dan sebagainya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, 'bai' ini 'brother', apa salahnya? Saya anggap you brother, what's wrong?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jikalau keadaan begini saya hendak tangguhkan mesyuarat. Tidak boleh seperti ini mesyuarat Dewan Rakyat begini tidak boleh.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya bukan cakap banyak. Who major a lawyer.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat dari Jelutong. Yang Berhormat Timbalan Menteri biarlah, beri dia mulakan. Ya, Yang Berhormat dari Jelutong sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Macam ini boleh jadi peguam, lebih baik saya keluarkan nama saya dari senarai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, hari Khamis saya ada membuat cubaan untuk membaca satu surat. Satu surat dari Sukma Darmawan walaupun saya telah membaca dua, tiga perenggan yang ada di dalam Bahasa Inggeris dan saya telah terjemahkan kepada Bahasa Malaysia. Saya ingin mendapat satu ruling daripada Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mengikut Peraturan Mesyuarat 36(2) di mana ada disebut: *“Tidak boleh disebut apa-apa perkara yang sedang di dalam pertimbangan mahkamah, sekiranya pertimbangan Pengerusi akan merosakkan kepentingan pihak yang berbicara itu”*.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan absolute kerana terjemahan harus diberi kepada Peraturan Mesyuarat ini adalah saya baca dalam Bahasa Inggeris: *“Reference shall not be made to any matter is subjudice in such a way...”*. Bukan fullstop - subjudice. *“...in such a way as might in the opinion of the chair prejudice the interests of parties thereto”*. Tuan Yang di-Pertua, ada budi bicara untuk menentukan selepas satu penjelasan diberi untuk mengatakan ‘boleh’, jika tidak akan menjejaskan ‘the interests of the parties thereto’.

Tuan Yang di-Pertua, surat ini tidak ada kena mengena dengan pertuduhan terhadap Sukma atau Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ini adalah mengenai apa yang terjadi kepada dia selepas tangkapan dan penahanan. Bolehkah perkara itu dibangkitkan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jika diberi saya baca dahulu, boleh? Beri saya baca dahulu. Sepatutnya saya baca dahulu. Yang Berhormat ucap perkara yang lain-lain dahulu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, lebih baik saya dapat ruling.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak ada masa hendak baca ini, panjang.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, boleh menerimanya, can accept my word, ini bukan yang melibatkan pertuduhan tetapi apa yang terjadi kepadanya sebelum pertuduhan itu dihadapi olehnya.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Cakap lainlah dahulu, tidak ada modalkah? Tidak ada modal, duduklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa lebih selamat saya rulekan perkara ini tidak usah diucapkan kerana apa kemungkinan yang berlaku dan di bawah caj yang ada sekarang saya baca iaitu caj yang bersangkutan paut dengan Sukma juga dan selepas daripada itu kes Sukma sendiri ada rayuan *habeas corpus*. Jadi yang demikian meliputi banyak aspek dan kita tidak tahu sama ada perkara yang dia tulis, yang dia ucapkan itu selepas penangkapannya itu akan terlibat di dalam perbicaraannya, dengan demikian saya beri ruling, tidak boleh diucapkan kerana perkara itu akan jadi *subjudice* dan barang kali ada kemungkinan akan melibatkan dirinya. Biarlah perkara ini kita biarkan kepada mahkamah yang akan menentukannya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, baiklah. Satu perkara lain yang ingin saya bangkitkan adalah mengenai APEC. Mesyuarat APEC yang akan diadakan pada bulan ini. Ekoran daripada apa yang disuarakan oleh Joseph Estrada, Presiden Filipina dan Presiden Indonesia, B.J. Habibie. Kedua-dua presiden ini adalah sebagai rakan Dato' Seri Anwar Ibrahim, ada menyuarakan perasaan beliau mengenai treatment yang diberikan kepada dia semasa di bawah tahanan. Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan beliau ada mengalami kecederaan, black di eye, bruisers, semua itu menjadi perkara perhatian di seluruh dunia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri termasuk menteri-menteri kanan yang lain ada menyatakan apa yang disuarakan oleh kedua-dua Presiden ini adalah *interfering in the domestic affairs of Malaysia*. Adakah itu *interference*? Adakah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menteri-menteri lain ada menyatakan mengenai Clinton dan Monica Lewinsky bukankah itu *interference*, bukan *presidential affairs* tetapi *domestic affairs of the United State*.

Adakah apa yang dsuarakan, mengenai apa yang terjadi di Bosnia oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional bukan interference in the domestic affairs of the country. Bukankah apa yang dibangkitkan oleh beberapa pihak dalam negara kita termasuk pembangkang, apa yang terjadi kepada wanita-wanita yang dirogol dalam rusuhan di Jakarta baru-baru ini, bukankah itu interference in the domestic affairs of the another country.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran dari apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi Presiden Clinton lawatannya had been down graded to unofficial. Adakah itu baik bagi negara membuat statement yang tidak berasas, tidak boleh diterima oleh international community, akhirnya barangkali APEC boleh ditukar ke satu tempat yang lain. Saya merayu kepada kerajaan khususnya kepada Perdana Menteri untuk 'don't talk too much'. Bukan di peringkat sekarang, sekarang kemelesatan ekonomi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanjong Karang bangun.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Boleh minta penjelasan? Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, itu tafsiran Yang Berhormatlah sama ada campur tangan ataupun tidak, tapi saya nak tanya pada Yang Berhormat, di samping Presiden Filipina ini ada bagi kenyataan mengenai kes Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, ada pula 14 rombongan, 14 senator nak datang sebagai pemerhati untuk melihat kes Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar ini. Jadi saya setuju Yang Berhormat kata tadi, tapi kalau kita memberi pandangan sebagaimana Yang Berhormat kata di Indonesia, kita tak pernah pun hantar orang kita pergi kacau, pergi kacau mahkamah ataupun menjadi pemerhati bebas tapi saya nak tanya Yang Berhormat, selama ini Yang Berhormat setujukah dengan rombongan 14 senator daripada Filipina untuk datang melihat dan mungkin selepas itu mereka memberi komen mengenai kehakiman di Malaysia ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Pemerhati dari Filipina ada datang. Pagi ini dalam kes Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, bukan daripada Filipina saja,

daripada Amnesty International, Internal Commission of Jurist. Ada seorang pemerhati yang datang tapi malangnya Hakim Datuk Augustine Paul tidak memberi status observer atau watching brief kepada sesiapa termasuk saya sebagai watching brief untuk Sukma. Tapi apa yang penting adalah ini, adakah datang dia di sini untuk observe, observe perbicaraan ini satu interference, satu ugutan. Hakim itu ada menyatakan ini is a direct or indirect interference. Dan apa yang dikatakan oleh beberapa rakan saya tadi mengenai Yang Berhormat Tun Ghafar bin Baba, Ahli Yang Berhormat dari Jasin, jarang di sini, tidak ada, langsung tidak datang. Beliau pergi ke Indonesia, kenapa? Untuk memberi penjelasan kepada rakyat di sana. Mengenai apa? Tindakan yang diambil terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim. Walaupun dia dihalau keluar, nasib baik tidak 'dimatikan' di sana kerana membuat satu ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** ...membuat satu statement yang tidak boleh diterima. Di Indonesia, jikalau seorang homoseksual boleh diterima di Indonesia, Dato' Seri Anwar Ibrahim boleh dihantar ke sana. Apa diplomasi ini, mana dia sekarang?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis:** Saya nak kata point of order pun boleh tapi penjelasan pun cukuplah. Bahasa Jelutong kepada sampai berdoa supaya dia mati di Jakarta, ini agak sudah below the beltlah Jelutong. Kalau kita sini mungkin tak bersetuju dengan Jelutong, macam dulu Ketua Pembangkang accident di jalan raya, kita tak ada berdoa supaya dia mati, tidak, kita bersyukur beliau mendapat rawatan daripada PLUS supaya beliau sihat. Tapi walau kita berbeza dalam pendapat politik, tapi tolong jangan guna bahasa begitu. Ini jauh benar standard, lari daripada Jelutong sebab kita nampak dia elok tapi hari ini luar biasa sikit. Mungkin di mahkamah tadi ada perkara-perkara yang beliau tidak bersetuju sampai dia dah merepek ini, minta dia tariklah kata-kata yang tidak begitu manis.

**Tuan R. Karpal Singh:** Nasib baik dia tidak 'dimatikan' oleh rakyat Indonesia, bukan oleh sesiapa kerana apa yang disuarakan oleh beliau. Seorang homoseksual boleh diterima oleh Indonesia yang jadi satu negara Islam. Bukankah ini

satu penghinaan atas rakyat itu? Dan jika ada kemungkinan boleh 'dimatikan' bukan saya bercakap yang dia harus 'dimatikan'.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjung Karang bangun pula.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, inilah gentlemen, kita pun tak mahu kacau sangat. Yang Berhormat, saya rasa confuselah dengan Yang Berhormat punya ucapan, baru sebentar tadi Yang Berhormat telah membuat tanggapan yang salah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bila Yang Berhormat baca surat khabar *The Star*? Bila Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan, Yang Berhormat kata okay. Yang Berhormat setuju, terima. Hari ini, kali ini tak sampai setengah jam Yang Berhormat pula telah membuat tanggapan yang salah kepada Yang Berhormat daripada Jasin. Saya mencadangkan mengapa tidak Yang Berhormat tunggu Jasin datang, minta penjelasan dengan baik daripada membuat tuduhan-tuduhan liar. Tadi dah terbukti tuduhan Yang Berhormat tak betul, hari ini Yang Berhormat membuat tuduhan kepada orang yang tidak ada. Ini tak adillah macam ini. Membuat tuduhan yang adil, berhak menjawab dalam Parlimen. Dia tak datang, Yang Berhormat membuat tuduhan. Jadi mana dia keadilan menuduh kepada orang yang tidak ada. Yang Berhormat kena terima fakta ini sebab Yang Berhormat dah terima fakta ini daripada Timbalan Menteri, hari ini daripada Jasin, kalau Jasin memberi penerangan Yang Berhormat mungkin tidak membuat tuduhan-tuduhan liar. Jadi saya minta supaya kita adil, jangan memberi tuduhan kepada orang yang tidak ada peluang untuk membela diri.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang saya ketahui tidak ada apa-apa penjelasan dari Yang Berhormat Jasin terhadap tohmahan itu ke atas dia. Jika itu saya terima, terima apa yang dilaporkan dalam surat khabar sebagai sah. Jika dia tidak ada di sini, itu bukan kesilapan saya. Dia jarang ada di sini, dia tidak peduli kepada Dewan ini, barangkali sudah tua, tidak ada minat lagi untuk menyertai Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada point of order Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya meminta Yang Berhormat Jelutong tarik balik. 36(6) Yang Berhormat. Seseorang tidak boleh

mengeluarkan sangkaan yang jahat ke atas ahli lain. Dia telah mengeluarkan sangkaan jahat bahawa Yang Berhormat dari Jasin dah tak berminat menjadi ahli Parlimen. Ini sangkaan jahat Tuan Yang di-Pertua, kena tarik balik. Dan tua tu memanglah tak boleh dinafikan, memang betul. *[Ketawa]* Tapi sangkaan jahat mengatakan dia dah tak berminat untuk menjadi ahli Parlimen, ini sangkaan jahat kepada ahli-ahli yang lain Yang Berhormat. Jadi kena tarik balik sangkaan jahat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarlah Yang Berhormat, Jelutong sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini buang masa, itu pandangan saya. Jika dia tak berminat, tua itu pandangan saya, itu bukan sangkaan jahat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila teruskan Yang Berhormat, apa lagi yang nak diucapkan itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Lagi satu perkara Tuan Yang di-Pertua, ini adalah bagi Parlimen, Dewan yang mulia ini. Walaupun ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka, kerusi dia, kelayakan dia, kekal dalam Dewan yang mulia ini. Tadi Tuan Yang di-Pertua, soalan 14 apabila nama dia ada disebut, kenapa menyebut nama dia? Semua mengetahui dia tidak mendapat kebenaran daripada Pengarah Penjara untuk menghadiri Dewan yang mulia ini. Bukankah ini satu hipokrasi? Kenapa masukkan dalam senarai soalan-soalan dia, jika tidak memberi dia peluang untuk menghadiri Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa Yang Berhormat cadang begitu, rasanya tidak masuk dalam senarai nama ahli-ahli yang bertanya, dia masih lagi seorang ahli. Jadi bagaimana yang kita nak mengatasi soalan ini? Bolehkah Yang Berhormat bagi cadangannya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dewan yang mulia ini, ini dewan yang terbesar, ada kuasa yang terbesar, ada dalam 'tangan' Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi apa yang patut kita buat, Dewan ini buat?

**Tuan R. Karpal Singh:** Membawa satu usul, barangkali Tuan Yang di-Pertua sendiri boleh, on your own motion, sebagai Tuan Yang di-Pertua untuk menentukan kehadiran Ahli Yang Berhormat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya, soal pertanyaan. Pertanyaan berkenaan kehadiran telah pun diputuskan iaitu kuasa yang ada kepada Ketua Penjara itu adalah muktamad.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tiada apa yang muktamad apabila Dewan ini membolehkan kehadiran dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya telah buat keputusan iaitu siapa-siapa saja boleh membuat usul. Kalau Yang Berhormat nak buat usul .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Buat usul pun tidak mendapat sokongan daripada Barisan Nasional, itu buang masa saja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila teruskan, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Kalau kata buang masa, duduklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berucaplah, apa lagi yang hendak diucap.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kekosongan jawatan Timbalan Perdana Menteri. Walaupun tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan bagi jawatan itu, tapi bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempertimbangkan perkara itu sendiri. Dalam satu masa beliau menyatakan ya harus ada satu Timbalan Perdana Menteri, selepas itu apabila pada satu mesyuarat, dia tukar fikiran. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan seorang muda, saya tidak mahu berucap apa-apa yang boleh di`misunderstood`. Tetapi jika, if something happen to him dan dia sendiri ada menyatakan if I drop dead, apa jadi? Jika tidak ada seorang yang boleh mengambalalih, seterusnya apabila dia menyatakan drops dead. Apabila Presiden Kennedy Tuan Yang di-Pertua, ditembak, meninggal dunia seterusnya Lindon Johnson sebagai deputy menjadi Presiden.

Itu apa yang harus diadakan dalam keadaan sekarang Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dikatakan Tuan Yang di-Pertua the king is dead long lived the king - harus

ada continuity tidak boleh ada satu gap. Adakah kerana tidak ada menteri-menteri lain yang layak? Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas, adakah dia tidak layak, jika tidak layak apa yang dicadang oleh rakan saya, Ketua Pembangkang boleh jadi Timbalan Perdana Menteri [*Ketawa*].

**Seorang Ahli:** Mimpi di siang harikah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia orang layak. So saya harap, saya harap jawatan itu harus dipenuhi dengan secepat mungkin. Dalam keadaan sekarang apa pun boleh jadi Tuan Yang di-Pertua, bukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tetapi kepada negara. Jika sesuatu keadaan wujud di mana tidak ada orang yang boleh terus mengambil alih untuk memerintah negara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yan.

**12.01 tgh.**

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya bangun untuk menyokong belanjawan negara pada tahun ini yang saya kira belanjawan yang adil walaupun dalam keadaan yang begitu sukar kita hadapi. Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I yang telah memandang jauh ke hadapan yang pentingnya ialah untuk memastikan walaupun dalam keadaan ekonomi yang gawat ini kerajaan masih prihatin, masih akan terus membantu rakyat supaya rakyat tidak menghadapi kesukaran dalam keadaan ekonomi yang gawat. Walau bagaimanapun kita memerlukan kerjasama daripada keseluruhan rakyat untuk membantu kerajaan untuk memahami keadaan ekonomi supaya kita sama-sama mengatasi keadaan kesukaran ini supaya pertumbuhan ekonomi ini dapat kita pulihkan dengan secepat yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin mengucapkan, merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada pihak polis yang telah bekerja begitu kuat terutama sekali kepada Ketua Polis Negara dan juga Ketua Polis Wilayah Persekutuan Dato'

Kamaruddin yang telah bekerja begitu kuat dengan anggota-anggotanya untuk mententeramkan keadaan di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa pihak polis menghadapi kesukaran yang amat sangat untuk meleraikan tunjuk-tunjuk perasaan yang berlaku di ibu kota. Tunjuk perasaan ini Tuan Yang di-Pertua merugikan rakyat, merugikan negara, menjatuhkan imej negara dan juga menyekat rezeki kepada peniaga-peniaga, pemandu-pemandu teksi dan juga orang-orang yang mencari rezeki di ibu kota.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, penunjuk-penunjuk perasaan ini adalah pengkhianat kepada negara, pengkhianat kepada bangsa dan pengkhianat kepada generasi rakyat Malaysia di masa akan datang. Mereka ini saya anggap sebagai manusia yang tidak waras, manusia yang tidak bertanggungjawab, manusia yang ingin merosakkan negara Malaysia yang telah memperjuangkan kemerdekaan oleh datuk nenek kita dahulu.

Kalau kita kaji sejarah Tuan Yang di-Pertua, datuk nenek kita memperjuangkan kemerdekaan dengan keadaan yang agak tersepit, dengan keadaan yang sukar tanpa wang, tanpa kedudukan, tanpa senjata. Mereka memperjuangkan kemerdekaan, menghalau penjajah keluar dari negara semata-mata ingin melihat generasi bangsa kita ini menjadi bangsa bermaruah. Kini disebabkan untuk membela seorang pemimpin mereka itu, mereka sanggup melakukan sesuatu, sanggup ingin melihat tumpah darah berlaku di negara kita ini kerana ingin membelakan seorang pemimpin yang telah melakukan perbuatan yang tidak bermoral tetapi kerana diputarbelitkan fakta kerana ethos dan mukanya itu seolah-olah mereka itu ulama, maka rakyat yang terpesong pemikirannya sanggup berarak dan sanggup melakukan perbuatan-perbuatan yang keji. Perbuatan-perbuatan yang tidak bermaruah.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, menggunakan wanita dan kanak-kanak sebagai pembenteng kepada kelakian mereka itu, mereka ini adalah dayus. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, seorang lelaki dalam Islam itu patut mempertahankan maruah wanita dan anak bukan ambil anak dan wanita di hadapan dan mereka di

belakang, bacol namanya Tuan Yang di-Pertua, kalau bahasa daerah Tuan Yang di-Pertua, bahasa Yan ini 'tak dak telok' minta maaf Tuan Yang di-Pertua, ini bukan bahasa tidak elok, 'tak dak telok' orang lelaki jenis itu dia boleh pakai kain batik berjalan di bandar Kuala Lumpur Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan mereka ini guna kain batik berjalan dalam pekan kalau hendak menggunakan wanita di hadapan, kanak-kanak di hadapan dan mereka duduk di belakang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai rakyat, sebagai bangsa Melayu dan sebagai bangsa Malaysia Tuan Yang di-Pertua, kita mementingkan negara ini. Negara ini adalah sebuah negara demokrasi, semua orang melaung-laungkan demokrasi. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, undang-undang kita dipertikaikan, undang-undang yang dilulus oleh rakyat dipertikaikan oleh rakyat. Undang-undang yang dilulus oleh Permatang Pauh sendiri di Dewan Rakyat ini juga dipertikaikan. Undang-undang yang diluluskan yang disokong oleh Jelutong dan Tanjong oleh parti-parti pembangkang dipertikaikan pada ketika ini. Adakah wajar undang-undang yang kita lulus di Dewan yang mulia ini, yang kita ini mewakili rakyat, secara tidak langsungnya undang-undang dan negara ini adalah undang-undang rakyat. Rakyat yang menentukan dan menguruskan undang-undang. Apakah kerana undang-undang ini tidak memihak kepada mereka, maka undang-undang itu adalah undang-undang yang tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, UMNO sendiri biasa digugurkan, UMNO parti memerintah biasa dibatalkan oleh mahkamah, pemimpin-pemimpin UMNO tidak tunjuk perasaan, Perdana Menteri tidak mempengaruhi mahkamah, rakyat penyokong-penyokong UMNO tidak langsung turun ke jalan raya, menghentam kerajaan, meneriak-riakkan reformasi, adakah adil Tuan Yang di-Pertua apabila kita mendapat sesuatu kekayaan, apabila kita berada dengan kerajaan kita menyokong kerajaan tetapi apabila kita ditolak menjadi pemimpin kita menentang dan memaki kerajaan, apa jenis manusia ini Tuan Yang di-Pertua. Saya mencabar mereka ini, mereka ini adalah bacol dan tidak 'bertelur' untuk mempertahankan negara kita ini Tuan Yang di-Pertua .

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada ertinya kalau satu ketika kita berada di dalam kepemimpinan tertinggi negara, kita berada di barisan yang kedua kepimpinan negara, kita mempertikaikan hak Perdana Menteri, macam tadi Jelutong mempertikaikan hak Perdana Menteri, dia hendak lantik siapa dia punya pasal, dia hendak pecat siapa dia punya pasal Tuan Yang di-Pertua, itu hak dia. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, di kampung, orang kampung pun faham kalau pengerusi JKKK dia hendak lantik siapa jadi setiausaha, hendak lantik siapa jadi bendahari hak dia, dia hendak pecat siapa itu hak dia, apakah orang boleh mempertikaikan hak kita memberi kepercayaan kalau dia hendak lantik siapa menteri, timbalan menteri itu hak dia sebagai Perdana Menteri. Masa dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri tidak bunyi soalan mengapa saya dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Apa kelayakan saya, kenapa tidak tunjuk perasaan di jalanan menentang perantikan sebagai Timbalan Perdana Menteri. Apabila dipecat menjadi Timbalan Perdana Menteri turun di jalanan, guna bangsa, guna agama, guna anak-anak menunjuk perasaan kerana membela dirinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya memandang hina dan jijik pemimpin yang sedemikian dan tidak layak memimpin negara ini di masa akan datang. Maruah bangsa kita tercemar Tuan Yang di-Pertua, maruah bangsa kita tercemar, agama kita tercemar kerana agama Islam tidak menyuruh umatnya menunjuk perasaan di jalanan, maki hamun kepimpinan, sedangkan negara kita ini negara Islam tidakkah boleh perundingan dilakukan malah perundingan telah dilakukan sebelum pemecatan tetapi kerana hendak menunjuk anak jantan, kerana hendak menunjuk "I am a fighter, I will fight,". maka Tuan Yang di-Pertua, mereka memperalatkan generasi-generasi muda, memperalatkan pelajar-pelajar universiti, memperalatkan orang-orang yang tidak tahu menahu di jalanan dan merosakkan imej negara dan menghalang orang daripada mencari rezeki, menakut-nakutkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai rakyat Malaysia yang mengamalkan demokrasi, kalau kita tidak boleh terima, tunggu pilihan raya! Bertandinglah parti mana kita hendak bertanding kerana demokrasi, hari ini kita boleh bentuk parti, besok boleh,

lusa boleh, peraturan undang-undang ada, kemudian semasa pilihan raya, maka berkempenlah, masa itu kalau undang-undang tidak betul, perbetulkanlah dan kita menang majoriti bentuk kerajaan, buatlah cara yang hendak buat.

Apakah demonstrasi di jalanan ini boleh meruntuhkan kerajaan? Apakah Gerak – kumpulan yang tidak sah, kumpulan yang haram! Dalam surat khabar hari ini, Tuan Yang di-Pertua, surat khabar *Star* yang dipelopori oleh PAS – saya dapat tunjuk, Tuan Yang di-Pertua, [menunjukkan satu muka surat akhbar tersebut] muka budak-budak umur 15-16 tahun menggunakan lambang Gerak di kiri kanan dikapit dengan lambang PAS. Seekor ahli PAS pun tidak ada dalam Dewan hari ini, saya hendak sapu puak-puak ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini pun satu, Tuan Yang di-Pertua, menanggung di air yang keruh, yang ini yang Nik Aziz kata memang PAS buat begitu. Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam kita tidak boleh mengambil kesempatan apabila seseorang itu berada dalam kesusahan, kalau PAS boleh menanggung di air yang keruh dan pemimpin mereka mengakui PAS menanggung di air yang keruh bermaknanya mereka bukan parti Islam. Islam tidak menyuruh umatnya berbuat demikian, malah kalau orang itu mengalami kesusahan atau kesukaran, kita kena tolong, bukan kita buat lingkup lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, mungkin kanak-kanak ini mereka tidak tahu menahu, tidak tahu perit, susah payahnya generasi datuk mereka. Peristiwa 13 Mei yang melakukan peristiwa gelap ini, susahnyanya mereka pada ketika itu. Mereka ini adalah anak-anak yang lahir dalam Dasar Ekonomi Baru, dalam dasar yang kerajaan bentuk. Mereka lahir dalam tahun 70-an ke atas, mereka tidak melihat peristiwa-peristiwa susah, mereka tidak melihat datuk nenek mereka makan ubi kayu, mereka tidak melihat orang kampung menderita, penyakit. Hari ini anak-anak ini, Tuan Yang di-Pertua, dibiayai, diberi peruntukan kewangan untuk berarak memaki hamun kerajaan – kerajaan yang menyuap nasi ke mulut mereka. Kerajaan yang memberi tempat pendidikan kepada mereka, kerajaan yang memberi kerja kepada mereka, Tuan Yang di-Pertua tetapi mereka ini sanggup untuk membela seorang ‘hero’ yang dayus dalam perjuangan menegakkan agama, bangsa dan tanah air, mereka sanggup bersama-sama

dan menjadi alat dan apabila polis mengambil tindakan, Tuan Yang di-Pertua, mereka memaki hamun polis dan kerajaan.

Di manakah keadilan, Tuan Yang di-Pertua. Polis juga seorang manusia macam saya, macam tuan-tuan, macam yang tunjuk perasaan. Mereka makan nasi, Tuan Yang di-Pertua, mereka ada anak isteri, kalau mereka dimaki hamun keterlaluan, kalau mereka dicabar, kalau mereka dikeji, Tuan Yang di-Pertua, seorang bangsa Melayu mengeji bangsa lain, adakah polis hendak suruh tangkap “mai chek, mai, mai elok-elok naik van, kita pergi balai polis”. Jenis itu siapa yang mahu, yang dok tunjuk perasaan ini adalah kaki-kaki yang pemikiran mereka tidak waras. Jadi, polis terpaksa bertindak menjaga keamanan, memastikan rakyat yang tidak berdosa tidak menanggung penderitaan kerana membela seorang pemimpin yang telah terlanjur.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang Islam kita kena menerima qada' dan qadar dan kita kena menerima dugaan. Ini semua kerja Tuhan, kita boleh merancang, saya boleh merancang, saya merancang hendak menjadi Perdana Menteri, saya boleh merancang, saya merancang hendak menjadi menteri, saya rancang, saya atur, susun itu dan ini, atur kawan dan rakan saya tetapi yang hendak menentukan adalah Tuhan, bukan kita, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, bila ketentuan itu telah dibuat oleh Allah S.W.T. Tuhan telah menunjuk kepada kita, kita terimalah nasib qada' dan qadar ini. Kalau dalam ucapan kita boleh kata “kita kena menerima qada' dan qadar, kita merancang, Tuhan menentukan” dalam ucapan, Tuan Yang di-Pertua tetapi apabila berlaku kepada diri kita mengapakah kita tidak menerima ini dengan penuh kesabaran? Mungkin ini dugaan Allah S.W.T. kepada kita, mungkin kerana kita melakukan sesuatu yang manusia tidak nampak tetapi Tuhan nampak, maka Tuhan qadar kita, malah pintu taubat sentiasa terbuka, kita boleh bertaubat, kita boleh memohon maaf kepada Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, Tuhan menjatuhkan manusia dan Tuhan mengangkat, kalau kita terima ini semua, insya-Allah, kita boleh bersabar. Tuan Yang di-Pertua, ini kadang-kadang masa kita senang kita lupa, masa kita senang kita lupa akan Tuhan, masa kita susah bukan setakat kita tidak ingat Tuhan tetapi mengamuk, kita mengamuk di jalanan, kita mengoncong negara kita, kononnya kita menjadi seorang hero.

Parti-parti pembangkang, insafilah, bersabarlah. Pilihan raya bukan lama lagi, Tuan Yang di-Pertua, tidak lama lagi. Apakah Fadzil Noor – Presiden PAS ini layak untuk suruh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bubar Dewan Rakyat ini – taras mana sangat Fadzil Noor? Saya tahulah saya orang Kedah, dia orang Kedah, Tuan Yang di-Pertua. Anak dia sendiri belajar di universiti gunakan biasiswa kerajaan, anak-anak dia semua dapat biasiswa kerajaan. Oh, kerana dia rakan baik kepada Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, hendak jadi hero menggerakkan seluruh kampung, menggerakkan seluruh rakyat, hendak gerak apa, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang kita hendak gerak, apakah rakyat hari ini tidak makan? Adakah rakyat Malaysia menderita? Adakah rakyat Malaysia hari ini tidak bersekolah? Apa lagi yang kita hendak di negara Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua? Apa lagi? Tidak bolehlah kita hendak beri semua jadi millionaire, sepatutnya yang millionaire itulah tolong yang tidak millionaire – bantu membantu, dalam Islam dia suruh bantu membantu, bukan tarik menarik. Ini kawan naik kita tarik, Tuan Yang di-Pertua. Kawan gayat hendak naik kita tarik, jadi tidak adil yang ini.

Kita kena terima hakikat bahawa hidup dalam sebuah negara Malaysia ini adalah sebuah negara yang boleh dikatakan ibarat syurga dunia, Tuan Yang di-Pertua. Tuhan beri kesemua kepada kita. Bayangkanlah surat khabar hari ini, tuan-tuan tengok front page, taufan di negara itu, negara ini, beribu rakyat mati, beratus rakyat mati. Di Bangladesh sekali-kali bah, beratus ribu mati. Negara kita ini Tuhan lindung, kepulauan-kepulauan yang wujud ini adalah pendinding kepada negara kita. Ribut datang pertahan, kena sikit-sikit bah pun tidak apa dah. Mana ada bah, hujan naik air berapa kaki sahaja wakil rakyat sudah turun pergi tengok, apa khabar, bawa gula, bawa beras beri kepada orang kampung. Negara lain habis rumah ranap, rumah jadi sungai, pun kita tidak bersyukur, saya tidak faham sangat-sangatlah, Tuan Yang di-Pertua.

Di sini saya ingin menyatakan UMNO ditubuhkan pada tahun 1946, bermaknanya usia UMNO sudah menjangkau 51 tahun, kita merdeka daripada tahun 1957 bermakna usia negara kita 41 tahun, bermaknanya UMNO ini matured lebih daripada negara. UMNO wujud 10 tahun sebelum kita mencapai kemerdekaan dan UMNOlah parti yang menggerak untuk kita mencapai kemerdekaan, parti gabungan untuk mencapai kemerdekaan dan sebagai ahli UMNO hari ini, ahli UMNO yang tulen, ahli UMNO yang tidak bertopeng dalam UMNO, kami memang susah kerana parti kami susah, parti kami dicabar, parti kami dikeji. Orang yang masuk UMNO kerana hendak mencari sesuatu mereka boleh masuk hari ini, kaut kekayaan dan keuntungan,

esok keluar! Kami tidak buat macam itu, Tuan Yang di-Pertua. Tidak semua ahli UMNO boleh dibeli, tidak semua ahli UMNO masuk UMNO kerana kekayaan. Kami masuk UMNO hanya kerana memperjuangkan perjuangan datuk nenek kami dahulu – memperjuangkan hak, memperjuangkan tanah air, bukan masuk parti untuk mencari kekayaan, bila sudah kaya, bila duit banyak kita maki kerajaan, kita maki UMNO, kita pergi luar negara bersekongkol dengan pemimpin-pemimpin luar negara, hentam balik negara kita ini, apa jenis bangsa Melayu yang ini, Tuan Yang di-Pertua. Apa jenis rakyat Malaysia yang jenis sedemikian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap mereka ini sedar walaupun keluar di Internet yang mengatakan saya ini celupar dan saya ini samseng. Saya akan samseng kalau bangsa dan negara saya tergugat, saya akan celupar kalau rakyat ini tidak tahu mengenang budi, rakyat negara ini tidak tahu hidup sebagai rakyat Malaysia dan perangnya macam ‘iblis’. Biar saya menjadi mangsa – tidak apa, saya tidak kira kerana ini adalah perjuangan. Tuan-tuan tengok dalam surat khabar, pukul polis – apa kawan itu tidak ada anak dan binikah di rumah, yang diketuk kepala mereka kerana mereka hendak menjaga keamanan. Bayangkanlah kalau anak saya seorang anggota polis dipukul oleh orang, macam mana saya rasa marah atau tidak marah. Kata polis macam-macam, kata ayat-ayat yang menghinakan oleh students kita yang tunjuk perasaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini, anjing kalau kita beri makan kepadanya dan kalau orang marah tuannya dia akan salak balik. Ini binatang – apakah kita ini manusia tidak tahu mengenang budi. Adakah kita manusia yang kerajaan didik daripada tadika dengan memikirkan masa hadapan mereka sampai hendak keluar universiti kita hendak beri kerja dan fikirkan apakah pekerjaan yang kita hendak beri pada students ini. Itu pun mereka sanggup turun di jalanan dan maki kerajaan – depa hendak kerajaan bagaimana?

Saya berpandangan bahawa gerakan dan reformasi ini mereka bercadang untuk menubuhkan Kerajaan Republik di negara ini. Inilah pandangan saya. Mereka bercadang untuk mengadakan sebuah Kerajaan Republik dengan mengetepikan kedaulatan raja-raja, mengeneipkan demokrasi dan meletakkan pemimpin mereka di atas. Inilah gerakan reformasi dan gerakan kumpulan PAS. Mereka akan ketepikan dan Dewan Rakyat tidak ada, mereka akan lantik maklumlah Presiden Filipina, Presiden Habibie, segala Estrada tidak Estrada semuanya itu. Keliling anak dia, bukan anak dia, Tuan Yang di-Pertua, itu pun jadi Presiden dan anaknya pun kerajaan hendak kena bela sehinggakan mereka tidak tahu pilih, ini anak siapa dan ini anak siapa. Habis rata masuk – ini macam mana cerita. Selepas itu mai nak hantar senator hendak tengok undang-undang negara kita. Apakah negara mereka itu sebaik negara kita? Beribu rakyat dia kita beri makan – di Malaysia ini 800,000 rakyat Filipina kita dok suap. Berpuluh ribu dan berjuta rakyat Indonesia kita beri makan di Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua. Apa pemimpin mereka tidak berterima kasihkah? Ini jenis apa punya pemimpin? Mereka tidak layak menjadi pemimpin bagi negara mereka.

Hari-hari di Indonesia ada tunjuk perasaan, baru-baru ini naik motor dan tarik mayat yang telah dipotong kepala. Adakah itu tamadun zaman sekarang yang orang buat? Itu pun rakyat Malaysia pergi ke sana dan hendak menjadi hero dan maki kita semula. Saya minta kepada parti PAS termasuk Arau tidak sepeataupun keluar, bangkit, sokong kerajaan. Bangkitlah kerana PAS adalah parti Islam dan negara kita adalah negara Islam. Pertahankan maruah Islam kita, adakah Islam menganjurkan tunjuk perasaan? Adakah

Islam suruh kita caci-mencaci pemimpin yang dok ada pemimpin kita adalah orang Islam dan yang bersyarah atas tiket PAS juga orang Islam. Yang Berhormat dari Arau juga Islam. Yang Amat Berhormat dari Kubang Pasu juga Islam. Dalam PAS adakah layak seorang Islam memaki orang Islam yang lain? Adakah layak seorang pemimpin Islam memaki seorang Islam yang lain. Kita patut tunjukkan kepada dunia bahawa agama Islam adalah agama yang baik. Agama Islam menganjurkan persaudaraan, agama Islam juga menganjurkan perpaduan...

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** *[Bangun]* .

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sila, saya dok tunggu hak itulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Dia bangun ya.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Arau disebut, saya rasa tercabar dan terpanggil untuk bangun bercakap bagi meminta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Yan.

Apakah patut terutama bagi kami, wakil-wakil rakyat PAS yang berada di dalam Dewan ini bangun ataupun memberi sokongan secara mutlak kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain walaupun daripada agama yang sama terutama kepada Ahli-ahli Parlimen daripada UMNO itu? Sokongan mutlak ini saya ingin sebutkan kita tidak boleh beri sebab ada perkara-perkara dan dasar-dasar UMNO – Barisan Nasional sendiri yang kita nampak bercanggah dengan hukum Islam. Oleh itu kami bersedia untuk memberi sokongan dalam isu-isu yang tertentu sahaja dan bukan sokongan secara mutlak. Jadi kerana itu peluang untuk kami bercakap masih ada dan ramai lagi di antara sahabat-sahabat yang belum bercakap. Kami akan cuba .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, apa soalan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Penjelasan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sepatutnya boleh soal sahaja tetapi bukan peluang Yang Berhormat untuk memberi penjelasan.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Baik. Saya akui dan apa yang saya hendak tahu ialah apakah Yang Berhormat dari Yan meminta kami dari PAS ini terus memberi sokongan secara mutlak kepada Barisan Nasional dan apakah Barisan Nasional juga sanggup memberi sokongan mutlak kepada kami? Terima kasih.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Yang di-Pertua, tidak rugi sebab kalau dia tidak bercakap rakyat Arau pilih dia, jadi rugilah rakyat Arau itu. Sebab itu saya minta Ahli Yang Berhormat bercakap sedikit.

Sebenarnya saya bukan kata sokong mutlak, saya tanya adakah agama Islam menganjurkan supaya seorang pemimpin yang lain memaki pemimpin yang lain walaupun dia bukan seorang pemimpin atau tidak. Adakah agama Islam menganjurkan kita maki-memaki di antara satu sama lain? Adakah Islam menganjurkan kita mengadakan tunjuk perasaan dengan mencaci, memaki, menghamun kepimpinan negara di mana di negara itulah kita cari makan, di negara itulah kita hidup, di negara itulah kita beribadat. Jadi maksud saya di sini PAS – seperti tadi Tuan Haji Nik Aziz mengatakan, “PAS menanggung di air yang keruh” memang dia setuju.

Adakah agama Islam suruh kita buat seperti itu kalau kawan kita susah, kawan kita sakit, kawan kita ada masalah dan kita pergi hentak pula -sepatutnya kita doakan dia dan tolong dia. Ini kita maki dan kita kata lebih kurang padanya. Adakah PAS ingin melihat Malaysia ini hancur? Adakah PAS ingin melihat negara ini susah? Adakah PAS ingin melihat rakyat kita menderita kehilangan rumah tangga dan sebagainya? Sedangkan PAS juga mengatakan hendak buat perubahan, apakah perubahannya? Di Kelantan, kalau tidak

ada agensi-agens kerajaan, Kerajaan Kelantan dan rakyat Kelantan hancur serta menderita. Oleh itu agensi-agens kerajaan masuk dan bantu itu, ini kepada negeri Kelantan. Kerajaan buat itu, buat ini dan perbetulkan. Air sahaja dan masalah sendiri tidak boleh selesai Yang Berhormat? Air Kerajaan Negeri Kelantan tidak boleh selesai – air itu adalah hak kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan buat jalan, buat itu, buat ini, itu pun datang mengundi pergi kawasan mengundi, pergi kawasan Jeli sehingga beribu-ribu. Apa jenis pertandingan ini – ‘gentlemen’lah sedikit. Dalam Islam dia kata, “Siapa naik kita akur, hak besar kita terima, hak kecil ikut”. Ini hak kecil hendak cuba menjadi besar – mana boleh!

Jadi PAS ini parti kecil dan Yang Berhormat kena sedar PAS itu wujud daripada UMNO. Kalau tidak ada UMNO, PAS tidak akan wujud pada hari ini. Jadi apabila PAS wujud daripada UMNO – UMNO ini lebih pengalaman, lebih experience daripada PAS. PAS ini baru belajar sedikit-sedikit.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** [*Bangun*].

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sila-sila, Yang Berhormat ....

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau PAS daripada UMNO. Apakah UMNO itu lebih baik daripada PAS kerana Nabi Muhammad S.A.W. itu wujud daripada bapanya Abdullah dan apakah Nabi Muhammad S.A.W. itu kurang baik daripada bapanya atau adakah bapanya lebih baik daripada dia? Terima kasih.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Jangan dok kait pergi kepada Rasulullah S.A.W. pula, Yang Berhormat. Saya cerita pengalaman. Maknanya UMNO wujud tahun 1946, sudah 51 tahun. Bermakna kalau jadi Tok Wan sudah ada cucu. Saya tidak tahu Yang Berhormat ada cucu atau tidak ada lagi. Saya tengok raut muka mungkin sudah ada cucu. Jadi, kalau sudah ada cucu sebab itulah kena baik. Sebab itulah UMNO tidak tunjuk perasaan, Yang Berhormat. Dia tunjuk fikiran. Kami tunjuk fikiran. Buatlah macam mana pun, kita guna fikiran. Kita tidak tunjuk perasaan. Adakah Yang Berhormat ingat ahli UMNO ini takutkah hendak turun ke jalan hendak tunjuk perasaan menyokong kerajaan. Kalau hendak gerak, kami boleh gerak. Tengah malam kalau gerak kami bangkit. Kalau hendak tunjuk perasaan di jalan raya, hendak tunjuk

perasaan menyokong kepimpinan negara, kita boleh buat. Jangan puak yang dok ada ingat kata kami penakut. Cuma kami tidak mahu buat fasal kami ada fikiran, kami guna otak, kami tidak guna perasaan. Dalam Islam pun kata guna otak yang Tuhan beri. Fikir baik-baik, jangan guna perasaan. Bila guna perasaan tahu sahajalah, perasaan itu nafsu. Itu yang mari macam-macam.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang Berhormat hendak tanyakah? Sila.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita hendak namakan perhimpunan di depan Kedutaan Filipina dan juga perhimpunan di depan Masjid Kampung Baru yang dipaparkan gambar-gambar menyokong Dr. Mahathir. Apakah itu bukan tunjuk perasaan?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang Berhormat, itulah Yang Berhormat tidak faham. Yang Berhormat tidak faham, baru masuk Dewan Rakyat, tidak mengapa, belajar. Tidak malu kalau orang tua-tua belajar kepada orang muda tidak mengapa. Ini untuk kebaikan. Saya hendak tanya Yang Berhormat mengenai masjid. Masjid adalah rumah Allah S.W.T., betulkah Yang Berhormat dari Arau. Yang ini tidak boleh nafi, rumah Tuhan. Di rumah Tuhan ialah tempat kita beribadat, kita beriktikaf, kita serah diri kepada Tuhan, kita memohon kepada Tuhan, kita mengagung-agungkan kebesaran Tuhan, Tuhan Maha Kaya, Maha Besar, Maha Kuasa. Ini kalau guna masjid sebagai dinding hendak mempertahankan supaya polis tidak boleh tangkap, ini memperalatkan masjid.

Macam Yang Berhormat dari Permatang Pauh, dia naik Masjid Negara, gunakan Masjid Negara untuk mempertahankan gerakan dia. Adakah dalam Islam Tuhan suruh buat begitu, guna masjid. Masjid tempat kita beribadat. Jadi, orang Kampung Baru mempertahankan, mereka tidak mahu kaki-kaki celaru mari serang masjid kerana mereka hendak beribadat. Malam mereka hendak sembahyang, hendak baca Yasin, yang kita dok pi kacau buat apa, bawa segala botol dan sebagainya masuk dalam itu.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sila, tidak mengapa saya gentleman, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat dari Yan tidak faham apa yang saya maksudkan. Saya maksudkan ialah perhimpunan yang dianjurkan oleh UMNO. Tadi Yang Berhormat kata UMNO tidak keluar ke jalan raya untuk tunjuk perasaan. Tetapi UMNO ada menganjurkan tunjuk perasaan di depan Kedutaan Filipina baru-baru ini yang diupah budak-budak sekolah. Budak muda-muda sahaja dalam gambar itu. Kalau Yang Berhormat dari Yan itu hendak tahu belilah *Harakah* tengok. Kalau tidak boleh beli, saya boleh tolong beri *Harakah* itu, ada gambarnya.

Yang keduanya, yang dianjurkan oleh Ketua UMNO Wilayah Persekutuan bersama dengan wanita-wanita di hadapan Masjid Kampung Baru, itu UMNO. Yang dibuat oleh penyokong Reformasi saya tidak bangkitkan. Tetapi yang saya bangkitkan apabila Yang Berhormat sebut bahawa UMNO tidak keluar begitu, tetapi nampaknya keluar. Apakah yang dianjurkan oleh UMNO bukan tunjuk perasaan, atau hanya dianjurkan oleh kumpulan pembangkang dan Reformasi untuk tunjuk perasaan? Itu yang saya hendak dapat penjelasan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang Berhormat orang Arau, jarang-jarang datang ke Kuala Lumpur, jadi macam itulah. Kita kena datang kerap sedikit, Yang Berhormat. Saya tahu yang tunjuk perasaan itu bukan UMNO, tetapi orang-orang Kampung Baru, Jawatankuasa Masjid. Macam di sebelah sana PAS dok ambil masjid macam itulah. Selepas ambil masjid dia cat warna hijau, kerja itulah. Jawatankuasa Masjid ini tidak mahu orang-orang tunjuk perasaan lari ke dalam masjid, menggunakan kawasan masjid. Sebab itu mereka tunjuk perasaan, bukan UMNO. UMNO hendak tunjuk perasaan apa. Yang kita tunjuk di Kedutaan Filipina itu, Yang Berhormat kalau orang mari geletek pungkur kita, kita hendak tonggeng beri lagikah? Saya hendak tanya Yang Berhormat. Nah, ambillah, sesuatu berikah. Estrada kata kepada kita macam-

macam. Estrada bukan Yang Berhormat tidak tahu, tidak bacakah sejarah dia? Berapa isteri dia ada. Yang isteri, isterilah, yang bukan isteri. Itu pun kalau pemimpin Gerak pergi dok sokong Estrada, eloklah, selepas itu 'keriau' Islam, Islam.

Saya hendak tunjuk kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat kata tadi *Harakah*. Ini surat khabar *The Star*, tarikh hari ini saya baca tadi, Yang Berhormat. Tengok muka budak-budak kanyak dok pegang Gerak kiri kanan lambang PAS. PAS dalam *Harakah*, saya hendak cerita kepada Yang Berhormat, saya tidak baca *Harakah* fasal beritanya semua menyakitkan jiwa kalau kita baca. Hak yang sakit jiwa elok pun jadi kelam-kabut, lebih baik tidak usah baca. Hak *Harakah*, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh dia ambil budak-budak dalam 'ndui' untuk tunjuk perasaan dan dikatakan ini orang UMNO. Dalam 'ndui' mereka tidak faham, saya fahamlah. Kita fahamlah 'ndui' sebelah Utara, dalam 'buaian'. Dia ambil gambar itu dan dia tunjuk ini UMNO. Yang Berhormat, UMNO tidak gunalah macam itu semua. Buat apa kita guna. Saya tidak faham PAS dengan UMNO apa beza sangat. Saya mengucap dua kalimah syahadat juga, Yang Berhormat. Saya pun pergi Mekah juga, dok keliling Ka'abah itulah, saya dok Sa'i di situ. Yang Berhormat pun pergi macam itulah, cuma Yang Berhormat bubuh kopiah putih, saya tidak bubuh kopiah putih. Tetapi tidak semestinya kopiah itu lebih alim daripada yang tidak bubuh kopiah putih. Pakaian macam ini pun tidak mengapa, asalkan hati sanubari kita, jiwa kita itu betul, kita tidak buat aniaya kepada orang, kita tidak mengata kepada orang. Tegur tidak mengapa. Saya bukan mengata tetapi saya tegur, sungguh. Dalam Islam dia suruh tegur. Tegurlah dengan mulut, dengan tangan, dengan hati. Ini saya tegur dengan mulutlah. Hendak tegur dengan hati kerana kita jauh, Yang Berhormat duduk di Arau, saya duduk di Yan. Dengan tangan takkan hendak bubuh penampar pula, kita orang tua-tua. Jadi, kita bercakap cara ini, kita tegur dalam Dewan Rakyat, Dewan yang mulia.

Sebab itu kalau boleh, Yang Berhormat, Yang Berhormat sebagai orang tua-tua, cuba nasihat. Barangkali Tuhan meletakkan Yang Berhormat sebagai Wakil Rakyat dari Arau kot-kot Yang Berhormat boleh mempengaruhi pemimpin-pemimpin PAS. Tak usahlah dok mengata hang-aku, kita ini bukannya orang Islam.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Saya minta dan saya berharap persoalan yang berkait dengan mengata (ribbah), sebenarnya apakah Yang Berhormat dari Yan faham bila kita boleh melakukan 'ribbah' ataupun boleh kita mengata. Kerana saya bimbang dia pakai pukul semacam kesemua bahawa mengata (ribbah) itu haram. Saya bertanya Yang Berhormat dari Yan, sedangkan ulama telah mengecualikan enam perkara, enam tempat boleh kita mengata kepada orang lain. Apakah Yang Berhormat dari Yan sedar bahawa yang enam perkara itu sedang kami gunakan dalam PAS dan itu tidak dikira sebagai ribbah, malahan sebagai teguran seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Yan tadi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih Yang Berhormat dari Arau. Saya hendak tanya sedikit, baik kita tanya-menanya fasal Yang Berhormat berumur lebih dari saya. Jadi, saya hormat orang tua-tua fasal ibu bapa saya mengajar kalau orang tua-tua kena hormat. Kalau tua sama tua dengan umur bapa kita, kita salam kita cium tangan. Kita disuruh buat macam itu. Saya hendak tanya Yang Berhormat, dalam Islam adakah ajaran Islam kita bangun di atas pentas di depan ratusan rakyat orang Islam, depan orang ramai kita menjatuhkan maruah seagama dan seIslam. Bukankah Tuhan kata, 'kalau kamu menjatuhkan maruah, Aku akan menjatuhkan maruah kamu.' Tuhan sudah beri warning.

Saya ingat lagi Yang Berhormat dari Kubang Kerian biasa dalam ceramah-ceramahnya, semasa Yang Berhormat dari Permatang Pauh menjadi Timbalan Perdana Menteri, dia kata, ini saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya kena tegur fasal dia kata betul. Dia kata, "Yang Berhormat 'Al-juburi'," itu dia kata. Semasa Yang Berhormat dari Permatang Pauh dok ada dalam kerajaan, dia kata macam-macam kepada Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Tetapi hari ini saya tidak faham.

Dahulu daripada PAS yang maki hamun Permatang Pauh, hari ini bila UMNO ambil tindakan, kerajaan ambil tindakan tolak dia daripada kepimpinan, tolak dia daripada parti, PAS pula pergi bela dia, PAS mempertahankan yang dahulunya katakan 'Al-juburi'. Ini yang ana tidak mengerti. Minta anta beri penjelasan sedikit kerana anta faham. Adakah Islam suruh kita begitu. PAS buat macam inikah? Yang Berhormat tahukah, Yang Berhormat dengarkah ucapan Presiden PAS. Saya ada tape benda ini fasal saya hendak kaunter balik dalam ucapan saya. Bangkit-bangkit kata Perdana

Menteri kita taghut, kafir, maki hamun lebih kurang. Itu menjatuhkan maruah seagama di depan khalayak ramai yang PAS dok buat terang-terang. Adakah yang ini Yang Berhormat kata tidak, adakah Yang Berhormat juga hendak bersubahat dan sama-sama hendak pergi neraka dengan mereka. Ataupun Yang Berhormat insaf hendak balik dengan UMNO, kita duduk sama-sama dalam syurga. Saya hendak tanya Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sila.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau itu yang diminta maka saya suka hendak menyebutkan bahawa 'al-jaburi' itu jangan salah sangka, itu adalah gelaran kepada satu daerah yang berada di Iraq. Jadi, kalau kita hendak faham kot tak elok, itu sangkaan kitalah, sebenarnya pensyarah saya dalam universiti dahulu pun gelarannya 'al-jaburi' dan orang tak marah. Jadi, itu yang pertama.

Yang kedua, bahawa kita menjatuhkan nama baik ataupun maruah seseorang di hadapan khalayak ramai memang dilarang oleh Islam jika sekiranya apa yang kita buat itu sesuatu yang terkeluar daripada enam perkara yang saya sebutkan tadi tetapi apabila termasuk dalam enam perkara itu dan saya kira ada ustaz-ustaz juga yang mewakili UMNO di sini yang faham dalam masalah itu.

Jadi, setakat ini saya tetap mengatakan bahawasanya pimpinan PAS menggunakan enam perkara ini untuk membuat teguran sama ada teguran itu menyebabkan seseorang terasa kecil hati ataupun menjatuhkan imej seseorang tetapi selama mana dibenarkan oleh agama, maka kami gunakan yang itu. Tidakkah saudara juga baca 'Tabbatyada Abi Lahab?' Dan ini salah satu saya hendak tunjuk contoh daripada enam perkara yang disebutkan, yang dibenarkan oleh agama kita. Sila rujuk kitab *Riatussalihin* karangan Imam Nawawi dalam masalah ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, pertama hendak selesai masalah 'al-juburi' ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu 'al jaburi' di Baghdad, yang Kubang Kerian kata 'al-jubori' belah Kedah utara itu tahulah kata 'jubuk' itu apa dia? Jadi, Ahli Yang

Berhormat jangan dok putar belit, benda ini tak usah dok pembohonglah. Dia kata betulkan, masa itu dia kata. Saya fahamlah ada kawasan di daerah itu dan pensyarah Yang Berhormat pun, harap perangai dia tidak macam itulah.

Satu lagi, fasal berkenaan dengan kata-mengata ini betul kalau macam mana pun silap Yang Berhormat, kan dalam Islam itu disuruh kita duduk berunding, bukankah Islam suruh kita tegur-menegur dengan tidak menjatuhkan maruah. Kalau saya keluar sakni, saya maki Yang Berhormat, Yang Berhormat macam mana? Tentu Yang Berhormat marah, Yang Berhormat ada perasaan, tetapi kalau saya pergi dan saya pegang belakang Yang Berhormat dari Arau: 'Ísy, bang haji, awat bang haji kasar macam itu, awat bang haji pi kata macam itu?' Tentu bang haji berasa malu balik kepada saya. Tetapi yang ini tidak, Fadzil Noor ini malam-malam lepas maghrib mengajar orang dalam masjid tafsir, bila datang hadir ceramah PAS dia bangkitkan orang UMNO ini semua kafir.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** *[Menggelengkan kepala]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya! Yang ini kita tidak boleh nafi. Bila sedikit-sedikit UMNO tidak buat kerja Islam, UMNO taghut, UMNO itu, UMNO ini. Tak tahulah daripada PAS semua kata macam itu Yang Berhormat. Saya tahulah, saya pun dok ceramah di merata kampung juga. Kalau puak ini masuk dia kata macam itulah. Jadi, itu saya minta Yang Berhormat, Nik Aziz nasihatkan mereka ini. Tak usah dok kata lebih kurang sangat, kita makan daging kita sendiri buat apa? Sesama Islam ini, bila kita sembahyang kita masuk satu saf, kita takbir, mengadap kiblat yang sama, mengucap dua kalimah syahadah, bila kita mati orang baca talkin, semua itu. Ini anjuran Islam, Islam agama yang cukup baik, agama yang cukup tinggi, kita sepatutnya sebagai parti yang melaung-laungkan Islam ini, kalau orang maki kepada kita pun, kita kata 'alhamdulillah', kita terima. Rasulullah s.a.w. orang duga dia macam-macam, baling batu, baling najis dan sebagainya. Dia bersyukur akhirnya orang itu datang kepadanya, hormat kepadanya akhirnya dan memeluk agama Islam.

Ini kita dok naik atas pentas maki, lilit kepala, orang pun naik takut, kemudian orang yang bukan Islam hendak masuk Islam, dia kata: “Wah, ini macamkah?” Dia tidak berani. Jadi, yang ini kalau betul PAS kata parti Islam, UMNO dia tak kata, UMNO dia tidak peralatkan parti Yang Berhormat dari Arau. Kita buat masjid di setiap kampung, masjid UMNO buat, PAS dok ambil alih, jawatankuasa masjid takkan Yang Berhormat tidak tahu. Kawasan kubu PAS pun kita buat masjid, kita tidak kira fasal apa orang Islam hendak sembahyang, kita buat masjid dalam kawasan kubu PAS pun kita buat masjid. Apabila siap sahaja masjid, jawatankuasa kariah masjid itu puak PAS ambil alih, kita pun tidak kata apa, tok imam PAS kita ikut di belakang jadi makmum tetapi PAS kalau imam itu orang UMNO, dia mulalah pergi bersembahyang ke kawasan yang lain pada hari Jumaat, perkara seperti ini berlaku Yang Berhormat. Yang Berhormat fikirlah, Yang Berhormat pun guru agama Isy! Takkan Yang Berhormat tidak fikirkan perkara yang seperti ini, saya ini tak mengaji sangat, tidak alimlah dari segi agama ini pun saya takut, saya faham, fasal kita dok baca kitab, tok guru mengajar.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Silakan Yang Berhormat, sila.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil lagi untuk bercakap kerana apa yang dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan itu, yang pertamanya UMNO buat masjid, betulkah UMNO buat ataupun kerajaan, itu beri penjelasan elok-elok.

Yang kedua, kalau orang UMNO jadi imam, orang PAS pergi cari masjid lain. Sedarkah Yang Berhormat bahawa imam yang jadi imam itu adalah disebabkan pengakuan yang dibuat oleh makmum. Itu mengikut hukum. Makmum yang mengaku dia imam dan makmum itu dia tidak boleh sembahyang di belakang seorang imam yang dia ragui tentang Islamnya. Jadi, haknya untuk memilih imam, bukan hak imam memilih makmum. Ini kita kena faham.

Jadi, kalau ada seorang ataupun individu ataupun kumpulan yang tidak reda dengan imam itu, itu hak mereka, kenapa kita hendak halang hak mereka untuk memilih imam yang mereka reda, sedangkan imam tidak ada kuasa untuk memilih makmum. Makmum ada kuasa untuk memilih imam. Jadi, ini kita kena faham, jangan kita pi marah begitu sahaja kepada orang yang tidak sanggup untuk menerima imam dan mungkin dia tidak terima itu berdasarkan perselisihan peribadi, bukan persoalan yang berkait dengan politik dan mungkin juga berkait dengan politik, ini adalah haknya untuk menentukan siapa imam yang dia hendak pilih dan ke mana tempat dia hendak sembahyang. Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Yan faham masalah ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Cuma saya hendak beri Ahli Yang Berhormat faham sedikit, kita ini negara demokrasi, UMNO menerajui Barisan Nasional. Bila UMNO menerajui Barisan Nasional tonggak parti yang memerintah. Jadi, secara tidak langsung macam saya Ahli-ahli Yang Berhormat dari UMNO kita selalu dok minta itu, minta ini, buat masjid di kawasan itu, buat masjid di kawasan ini, secara tidak langsung ki talah yang minta, walaupun PAS ambil alih selepas masjid siap kita tidak kata apa pun, tak apalah. Kita akur!

Tadi Yang Berhormat kata, mereka pertikaikan imam kerana keislamannya, adakah Yang Berhormat mempertikaikan orang masuk masjid macam duduk bersama bersembahyang dengan kita ini, dia itu Islamnya tidak 'taras' mana. Saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat kawasan saya ada satu nama Kampung Setar, tok imam itu, Tuan Yang di-Pertua, lari ikut tingkap rumah orang di tengah malam, terjun kot tingkap orang, imam PAS itu, dia 'kebat' anak bini orang. *[Ketawa]* Ha, itu dia saya hendak cerita – ada kes, bukan saya membohong, sebab itu saya berani sebut masjid Kampung Setar, Yan. Hah! 'Gageh' rumah orang tengah malam.

Jadi, kita jangan dok kata macam itu. Macam sebuah masjid saya tahu di Simpang Ampat sedangkan bila dahulu imam PAS semua orang PAS pergi bermakmumkan dia, tetapi bila imam itu ganti dengan imam orang lain, yang dia dahulu

bilal naik pangkat jadi imam, penyokong-penyokong PAS lari pergi sembahyang di luar dari kariah itu kerana tidak boleh menerima kawan ini sebagai imam. Kalau mereka yang jadi imam tidak mengapa.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sila, silakan.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Yan. Adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kalau saya katakan bahawa PAS mengajar orang-orang PAS supaya meragui orang-orang UMNO dari segi Islamnya, adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju begitu?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Itu dia Ahli Yang Berhormat dari Arau, itu dia Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu bertanya. PAS ajar orang macam itukah? Memang betul PAS ajar begitu. Saya kata PAS ajar tetapi kita tidak. Kita 'khabak' betul Yang Berhormat, kita duduk di Dewan Rakyat ini, Yang Berhormat dengan saya sakni kita pergi ke kantin kita boleh belanja 'hang dan aku', saya tak ada duit Yang Berhormat belanja saya minum. Saya pun dok bersembang dengan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat semua, walaupun Tumpat itu akal kurang baik sedikit, tetapi tak mengapa, saya bersembang dengan dia, saya berjalan dengan dia. Tetapi fasal apa di peringkat bawah itu sampai kenduri pun tidak boleh hadir. Orang UMNO buat kenduri ini, orang PAS pulau. Lembu orang UMNO tidak boleh sembelih, orang PAS juga yang kena sembelih lembu itu, 'awat' lembu itu ada brandkah? PAS atau UMNOkah – mana ada! Empat kaki dengan satu ekor itu jugalah. *[Ketawa]* Yang kita dok pi sampai ke situ buat apa kerana kita hendak meraihkan undi Yang Berhormat, kita gunakan agama itu habis-habisan, keterlaluhan, adakah Yang Berhormat sedar sebab itulah tak berkat PAS, sudah berpuluh tahun dah menyalak tak pernah jadi memerintah kecuali di negeri Kelantan, itu pun kita hendak cuba lihat kot-kot Nik Aziz sampai ke mana cekap dia.

Jadi, bermakna perjuangan PAS ini tidak diberkati Allah, Tuhan tidak terima kerana dok mengata, dok mengumpat, dok memecah-belahkan umatnya, sepatutnya kita orang Islam ini bersatu, dalam masjid kita buat cara masjid, anak-anak dan orang-orang tua sembahyang elok-elok, jangan dok hang aku.

Saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat, saya biasa bawa penyokong saya pergi menyokong pilihan raya di Changkat Jering, Perak, penyokong-penyokong PAS ini di atas bas ini semua orang-orang tua yang umur mereka lebih kurang umur Yang Berhormat yang terdiri dari ketua-ketua cawangan, saya ini bolehlah katakan muda sedikit kerana Yang Berhormat sudah beruban, tua sedikit daripada saya, dari segi itu saya hormat, penyokong-penyokong PAS ini mengepung bas itu, sudahlah kepung bas itu, takbir pula!

Ayat takbir ini hendak guna bila, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat. Adakah waktu pemimpin mengata kepada orang lain 'takbir'. Adakah ayat takbir Allahuakbar ini kita gunakan di jalanan-jalanan, di tempat-tempat bila kita maki orang, bila pemimpin PAS maki orang tahu-tahu bunyi 'takbir', pakat kata: "Allahuakbar!" Adakah iringan ayat Allahuakbar itu mengiring kata-kata ini, sedangkan kita tahu Allahuakbar itu Tuhan Maha Kaya, Maha Besar? Jadi, yang ini pun Yang Berhormat kena perbetulkan. Saya pun baru ini saya dengar tape ucapan bekas Timbalan Perdana Menteri, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dalam ucapan reformasi di Permatang Pauh, dia pun dah takbir. Ini apa ini? Takbir ini, Allahuakbar ini, Allah Maha besar, kita gunakan di tempat-tempat yang baik, ini Tuhan Yang Suci ini Yang Berhormat, bukan kita gunakan di atas pentas, bukan kita gunakan di tempat-tempat perarakan tunjuk perasaan, di jalan-jalan raya. Kita gunakan Allahuakbar itu, Tuhan kita Maha Kaya, Maha Besar ini Allah!

Jadi kalau kita perlu main 'Allah-huakbar' ini di mana kebesaran Allah? Adakah kita maki-maki hamun, lepas maki-maki sat lagi mari penjuru itu takbir Allah-huakbar, baru sudah pemimpin itu maki, bukan maki orang lain, maki orang Islam pula itu. Jadi di sini Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat balik, fikir sat, hendak tidur malam ini, buka mata tengok ke atas, fikir betul tidak betul ini, yang doktor guna Islam untuk

menegakkan ini. Kita guna parti untuk pertahankan Islam macam UMNO buat, kita gunakan parti kita, pertahankan agama kita, kita buat musabaqah, kita buat itu ini, forum antarabangsa pasal Islam, berniaga pasal Islam, bank pasal Islam, kita buat itu ini pasal Islam. Kita anjurkan forum-forum antarabangsa pasal Islam. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, pergi negara mana, negara-negara Islam akur kepada dia, kepimpinan dia, mai dalam negeri PAS pula tidak terima. Hendak banding Nik Aziz, nak banding Fadzil Noor dengan Dr. Mahathir bin Mohamed, bukanlah saya hendak kata ini, bukanlah menghina tetapi hendak membuat perbandingan Yang Berhormat. Bandingkanlah Datuk Fadzil Noor dengan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed. Bukan hendak memperkecil-kecilkan dak, saya hendak katakan, tuan-tuan fikir tengok kalau dia hendak suruh bubar kerajaan, dia hendak menjadi Perdana Menteri, eh tidak tahu hendak cerita dah, unta pun sampai tua di padang pasir, tapi tidak cerdik sampai itulah, itu unta.

Jadi Yang Berhormat kena faham, Yang Berhormat tolonglah, sebagai pemimpin, sebagai orang-orang tua dalam parti PAS ini, bagi tahu, tidak kesudahan kalau Islam sama Islam dok bertelagah antara satu sama lain. Akhirnya kita akan rugi. Kita pakat elok-elok, bila mai pilihan raya Tuan Yang di-Pertua, kita kempen. Ini tengok student-student universiti, PAS. Pilihan raya dok keluar ramai di peti-peti undi. Budak-budak universiti, Yang Berhormat sedar tidak, depa itu pergi belajar dengan biasiswa siapa? Biasiswa kerajaan.

Saya biasa duduk sebagai ahli MARA. Yang Berhormat saya pertahankan sekolah-sekolah agama yang budak-budak ini hendak pergi belajar luar negeri ke Mesir, ke Cairo sebab tidak dapat biasiswa dahulu. Yang dapat, yang hendak pergi ke London, ke Amerika dan sebagainya. Saya ini orang Islam, saya orang Melayu, duduk dalam MARA, saya pertahan, saya minta MARA bagi biasiswa. Kalau saya tengok budak-budak ini duk gelas periok belanga hendak pergi ke Jordan, pakai baju lengan pendek sahaja. Yang hendak pergi Amerika, ambil law, ambil engineering dan sebagainya dengan kot dengan briefcase, kita nampak, kita tengok, maka kita

perjuangkan. Alhamdulillah hari ini MARA bagi biasiswa itu, pergi ke luar negeri, tidak payah emak bapak gadai bendang pada orang kerana hendak hantar anak dia ke universiti. Yang ini kita buat Yang Berhormat, kerajaan buat, masjid Yang Berhormat tengoklah, macam mana lagi di Arau sendiri masjid semakin elok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun lagi Yang Berhormat

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak apalah, saya bagi.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Pertama, saya hendak menolak ataupun hendak bertanyalah iaitu bahawa PAS mengajak ahli-ahli supaya memandang tidak baik kepada orang-orang UMNO. Saya menafikan benda ini tetapi PAS hanya memberi pelajaran, perkara-perkara yang boleh membatalkan syahadah. Kalau sekiranya benda yang boleh membatalkan syahadah itu dilakukan oleh sesiapa sahaja, tapi apa yang kita nampak pemimpin-pemimpin UMNO banyak melakukan perkara-perkara yang boleh membatalkan syahadah dan kita ambil pembatalan syahadah ini bukan di tepi jalan, tetapi berpandu kepada hadis nabi, kepada ayat-ayat suci al-Quran. Apabila lakukan benda itu, batal syahadah seseorang itu. Jadi kenapa pula dituduh bahawa PAS telah menghasut ahli-ahli dia supaya membenci orang UMNO dan memandang serong pada orang UMNO. Kalau orang PAS sendiri pun melakukan perkara yang sama, maka hukumnya sama. Ini yang kita dok sampaikan.

Dan saya kira, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Yan ini tidak faham-faham lagi. Dia dok tuduh, mengatakan bahawa pemimpin-pemimpin PAS maki hamun, maki hamun kepada kerajaan dan sebagainya. Dia tidak faham mana maki hamun, mana dia tegur-teguran yang boleh dibuat, walaupun dia rasa dalam bentuk maki hamun. Tapi itu adalah bukan ghibah atau kalau ghibah pun, ghibah yang dibenarkan oleh agama. Ada pun membandingkan presiden PAS dengan presiden UMNO, saya rasa Yang Berhormat daripada Yan itu, dia belajar pada orang jual durianlah. Orang jual durian, belah buruk dia tidak akan tunjuk. Dia hanya tunjuk belah elok, dan di situ tempat dia belah, dia cucuk dengan pisau, dia cium, dia rasa di situ durian itu masak, dia belah situ tapi sebelah lubang yang ada ulat, dia tidak tunjuk.

Sebab itu Yang Berhormat ini berkali-kali dok sebut, kerajaan buat masjid, kerajaan bagi itu, ini betul tetapi apakah Yang Berhormat lupa kerajaan juga buka judi, luluskan lesen judi, kerajaan juga luluskan lesen arak. Kerajaan juga luluskan kelab-kelab malam dan pusat-pusat hiburan yang terus terang bercanggih. Tidak ada mufti, tidak ada ulama yang mengatakan bahawa pusat-pusat hiburan ini bertepatan dan menepati kehendak syariah. Jadi kenapa Yang Berhormat tidak tunjuk sama kalau tunjuk masjid di Shah Alam itu yang terbaik, yang elok kenapa tidak tunjuk hak sebelah kiri, kilang arak yang terbesar di Asia ini? Tunjuk pada semua, tunjuk di mana isi elok, di mana tempat ulat supaya rakyat boleh faham dan boleh tahu. Terima kasih.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kot, kot Yang Berhormat tidak cerdik beli durian, terkena. Saya beli durian, saya tengok keliling. Sudah tahu benda ditebuk elok, cari belah yang dia tidak tebuk itu. Kemudian hendak lebih cerdik lagi, kita kata bawa plastik, tupperware, hang buka durian ini. Aku malas hendak buka di rumah, dia koyak, habis kalau tidak elok, tidak usah beli. Jadi Yang Berhormat ini pun, tidak bolehlah banding Dr. Mahathir dengan buah durian, dengan orang jual durian ataupun nak banding Datuk Fadzil Noor dengan orang jual durian, depa pemimpin. Saya hormat Datuk Fadzil Noor sebagai pemimpin PAS, dia presiden parti PAS, saya hormat dia tetapi tidak hormat cara dia itu. Macam saya kata tadilah, saya hormat orang tua-tua, saya erti hormat orang, tapi saya tidak hormat cara dia.

Yang Berhormat fahamlah dalam pilihan raya kecil Arau, Yang Berhormat sendiri pun faham, bagaimanakah gengsterism yang dianjurkan oleh PAS. Semua ahli UMNO ini, kami tidak mahulah jenis-jenis hendak bertumpah darah, hendak bertumbuk, malu dengan orang. Kita sama-sama kita, mati tidak lama, baca talkin. Yang itu rakyat itu jugalah, mengucap dua kalimah syadah, kita juga. Jadi kalau hendak kata macam saya, saya orang yang boleh kata itu sama ada dia Islam atau tidak ini, macam saya ini bukan kerja macam ustaz, bukan kerja Yang Berhormat, ini kerja Tuhan. Selagi saya beribadat, mengucap dua kalimah syahadat, saya sembahyang, saya buat perkerjaan Tuhan suruh itu, keputusannya Tuhan, bukan PAS hendak menentukan orang UMNO kafir ke tidak. Kalau PAS boleh menentu macam itu, ini saya hendak

cerita Yang Berhormat, bagi borang PAS ini, dalam kawasan saya ini, bagi borang PAS, ini borang masuk syurga. Bolehkah guna borang itu masuk syurga? Kalau ada macam itu Yang Berhormat, iman masjid di Mekah itu, haram dia tidak kenal parti PAS. Dia itu hendak pergi nerakakah? Kalau dia tidak pergi neraka, dia hendak pergi syurgakah? Imam Majlis Nabawi, mufti-mufti di negara-negara Arab, di Mekah yang kita dok pergi itu. Ini mungkin Yang Berhormat tidak buat macam itu, tapi pemimpin-pemimpin PAS lain, bawa borang ini, borang masuk syurga, isi borang PAS masuk syurga. Bayar yuran PAS RM1.20, boleh masuk syurga, kelmarin baru curi ayam orang, petang kelmarin baru pergi tikam ekor, lilit ketayap, kriaau takbir, tau-tau masuk syurga. Oh! kalau macam itu, saya pun mahu masuk Yang Berhormat, mudah sangat. Tidak, Tuhan tidaklah buat syurga, neraka, pasal dia sudah tahu umat dia, dia hendak ajar yang mana tidak senonoh masuk neraka itu, lepas itu dia bubuh dalam syurga. Jadi Yang Berhormat tolong ini. Saya ingat Yang Berhormat ini boleh fikir banyak sikit, pasal Yang Berhormat orang tua-tua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah suntuk, Yang Berhormat diminta sambung petang.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sat lagi kita sambung balik, Yang Berhormat Arau masuk ya. Pukul 2.30 mai, jangan tak mai pula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**[Datuk Timbalan Yang di-Pertua [Ong Tee Keat]:** Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

\*\*\*\*\*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]**  
*mempengerusikan Mesyuarat*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]:** Tuan Yang di Pertua, saya ingin juga menekankan tentang Jabatan Perdana Menteri khususnya kepada Menteri

Hal Ehwal Agama supaya mempertingkatkan lagi iaitu pertamanya untuk menyelaraskan undang-undang pentadbiran Islam seluruh negara kita ini.

Memang hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi masalah kerana tidak ada penyelarasan pentadbiran undang-undang Islam, dan juga pentadbiran pejabat-pejabat Islam, pejabat-pejabat agama di seluruh negara. Oleh yang demikian saya menyarankan kepada Bahagian Hal Ehwal Agama Jabatan Perdana Menteri supaya mempertingkatkan kalau kita terpaksa menghadap Sultan-Sultan untuk memberi penjelasan, kita kena buat.

Kita sedia maklum Tuanku Sultan ini mereka adalah kepala agama di tiap-tiap negeri, tetapi mereka juga manusia macam kita, yang teringin juga masuk syurga, jadi kadang-kadang mereka tidak diberi penjelasan yang sebaik mungkin jadi menyebabkan mereka merasakan kita mungkin mengambil alih tugas ketua agama di tiap-tiap negeri. Oleh yang demikian, saya menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri khususnya supaya mempertingkatkan penjelasan kepada Sultan-sultan, mengemaskinikan pejabat-pejabat agama, pejabat-pejabat kadi, kadang-kadang kita lihat pejabat-pejabat kadi Tuan Yang di-Pertua, daif, tidak up-to-date, computer pun kena minta daripada wakil-wakil rakyat. Jadi bila perkara begini berlaku bagaimanakah mereka hendak menegakkan keadilan dari segi masalah-masalah pembicaraan yang timbul, contohnya, kes cerai berai Tuan Yang di -Pertua, mengambil masa yang sangat panjang, ini menyebabkan masalah si isteri yang menanggung dan juga anak-anak.

Jadi di sini, kita sedia maklum agama Islam itu adalah agama yang paling adil, agama yang paling suci, tetapi kadang-kadang pentadbiran menyebabkan ia menjadi syak wasangka dan pandangan yang kurang tepat terhadap perkembangan syiar Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat kadang-kadang pendakwah-pendakwah agama itu sendiri membuat syarahan dan juga membuat pendakwaan mereka itu mengikut kehendak fahaman dan juga politik mereka sendiri. Contohnya, kes yang hangat satu ketika dahulu di mana dia kata satu hamba Allah mati mukanya bertukar jadi khinzir. Jadi kes ini telah disebar ke seluruh negara, hingga menimbulkan satu tohmahan yang pelik kepada kerajaan. Kerajaan juga menjadi salah, kalau benar benda

ini berlaku, fasal apa kerajaan yang bertanggungjawab, ia hendak jadi apa, jadi kucing, jadi tikus, atau dia mati tumbuh ekorkah, itu antara dia dengan tuhan. Tetapi kerana diputarbelitkan syarahan agama tersebut, seolah-olah kerajaan juga yang menanggung beban masalah ini.

Jadi saya harap pensyarah-pensyarah yang bersyarah pasal agama ini, kerajaan kena beri tauliah kepada mereka. Tanpa surat-surat tauliah daripada mereka ini mereka ini tidak boleh dan tidak layak berceramah agama, masuk dalam masjid, masuk dalam tempat-tempat dewan dan sebagainya, memberi syarahan-syarahan agama yang kadang-kadang mereka ini tidak cekap tentang ekonomi pun cakap pasal ekonomi, tidak cekap tentang undang-undang pun cakap pasal undang-undang. Jadi, pertamanya, ini akan menunjukkan tidak kewibawaan seorang tokoh agama. Kalau dia pakar bahagian agama cakap fasal bahagian agama sahaja jangan yang lain, mengelirukan orang, orang-orang hendak bertanyakan dalam majlis takut malu. Jadi biar, jika ada yang terikut-ikut tentang ceramah agama ini. Apatah lagi Tuan Yang di-Pertua, orang-orang penyokong pemimpin PAS mereka kadang-kadang membuat ceramah agama terutama sekali bila mereka membuat syarahan tentang tafsir, mereka baca ayat tidak habis, tafsir sekerat jalan, ini mengelirukan masyarakat Islam itu sendiri. Jadi saya berharap, saya menyeru kepada kerajaan, memastikan bahawa orang-orang yang hanya ditauliahkan oleh Jabatan Agama Islam sama ada di peringkat negeri atau Pusat sahaja yang layak dan berhak untuk membuat ceramah. Bukan sebarang orang. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya perhati orang-orang politik mereka menghafal 10-15 ayat Quran, bangkit, kalau cakap tentang kemiskinan dia hafal ayat tentang kemiskinan, kemudian dia beri salam begitu kemas, dia lilit serban meleret, tetapi dia bukanlah pakar dalam bidang itu. Jadi, kita tidak mahu masyarakat merasa keliru.

Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi masalah sosial sekarang ini. Masalah sosial ini tidak cukup hanya dengan kita kempen, dengan hanya menteri beri nasihat, wakil-wakil rakyat beri nasihat, yang pentingnya pendidikan agama itu sendiri. Oleh yang demikian, saya menyarankan kepada kerajaan supaya memperbanyakkan lagi

peruntukan untuk mengadakan kelas-kelas, agama di setiap negeri, di setiap kawasan. Kadang-kadang saya lihat di ibu kota seperti di Taman Tun ada kelas agama yang private dan ibu bapa terpaksa membayar berpuluh-puluh ringgit - tidak apa sebab hendak belajar agama tetapi kalau kerajaan sendiri boleh menganjurkan, supaya beban ini dapat dikurangkan dan guru-guru yang kita beri tauliah ini adalah guru-guru yang benar-benar menjadi seorang guru yang menjadi pendidik yang tidak berat sebelah.

Saya tidak mahu melihat kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, macam setengah-setengah pondok terutama yang dikuasai atau yang dijalankan oleh parti pembangkang (PAS), mereka mengajar dan kadang-kadang akhlak penuntut-penuntut yang belajar di situ pun telah dipesongkan kepada dasar perjuangan parti mereka itu, bukan sebagai anak yang soleh atau solehan. Jadi di sini, saya bimbang kadang-kadang anak-anak yang kecil-kecil ini yang tidak sekolah, yang berada di tadika lagi mereka asuh pemikiran mereka itu pemikiran revolusi, pemikiran yang menentang establishment.

Saya menghormati kalau pemimpin itu mengkritik kerajaan, biarlah kritik itu kritik yang membangun, misalannya tadi Yang Berhormat dari Jelutong bila Tuan Yang di-Pertua bertanya apa yang patut kita buat, dia dah kelam-kabut. Jadi memang senang, hendak kritik ini cukup senang. Dekat saya kalau dibawa seorang gadis yang cantik, yang cukup cun, saya boleh kritik dia walau pun dia elok macam mana, saya boleh kritik dia, pasal kita hendak mencari kelemahan orang, saya boleh kata dia sungguhpun manis, dia kalau senyum mulutnya herot, atau kening dia tinggi sebelah. Ini kita boleh kata, pasal kita hendak kritik, tetapi saya hendak minta selain daripada kritik mesti kritik itu mempunyai satu pandangan. Begitu juga pihak parti lawan, kalau dia hendak kritik kerajaan kritik tetapi beri alternatif.

Contohnya masalah ekonomi yang kita hadapi ini, apakah saranan selain daripada pembangkang DAP, PAS hanya pandai hendak komen itu, ini, tetapi tidak langsung memberi cadangan. Ini tidak adil Tuan Yang di-Pertua. Mereka kena beri cadangan, jangan setakat kita mengkritik kerajaan, kerajaan membazir, kerajaan itu, kerajaan ini sedangkan mereka tidak pandai untuk memberi cadangan yang sewajarnya kepada kerajaan.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau boleh Kementerian Pendidikan berkerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Hal Ehwal Agama untuk memperbanyakkan sekolah menengah berasrama penuh ataupun sekolah-sekolah agama kerana boleh dikatakan, Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Melayu dan Islam ini kebanyakannya dahagakan pendidikan agama. Jadi kita dapati kalau kerajaan boleh membina sekolah-sekolah vokasional di rata-rata daerah, rata-rata negeri, apa salahnya menseimbangkan pendidikan dunia dan akhirat dengan kita memberi banyak sekolah agama ini supaya masyarakat Islam akan menjadi satu masyarakat yang menjadi contoh kepada masyarakat-masyarakat lain, akhlaknya baik, budi pekertinya tinggi, tutur bahasanya tertib. Tuan Yang di-Pertua, contohnya macam Universiti Islam Antarabangsa.

Apa gunanya anak-anak bangsa kita menuntut di Universiti Islam Antarabangsa, namanya sudah Universiti Islam Antarabangsa, tetapi kelaku dan perangai mereka itu tidak melambangkan sebagai anak Islam, tidak melambangkan sebagai penuntut Islam yang boleh menjadi pemimpin Islam di masa akan datang. Mereka mempunyai budaya yang tidak senonoh, mereka mempunyai budaya yang tidak tertib, mereka tidak menghormati kerajaan, mereka tidak menghormati pemimpin, sedangkan pemimpin besar di dalam negara kita ini, pemimpin yang menerajui negara kita ialah orang Islam. Mereka pun penuntut di Universiti Islam, sepatutnya tugas dan tanggungjawab mereka menasihati penuntut-penuntut universiti-universiti lain kerana mereka ini membawa imej lambang Universiti Islam. Tetapi bila saya lihat dalam surat khabar, bila polis bawa mereka ke mahkamah, pemberita ambil gambar, dia boleh tunjuk 'V' macam itu, seorang lagi tunjuk 'A1' macam itu.

Itu budak-budak yang kita sara mereka di universiti, Tuan Yang di-Pertua. Jadi jari yang menyuap nasi dia tokak jari itu. Ini Tuan Yang di-Pertua, adalah akhlak yang perlu kita bimbing anak-anak masyarakat kita supaya mereka ini menjadi seorang pelajar yang tertib, seorang pelajar yang bermaruah, seorang pelajar yang boleh kita harap memimpin negara kita ini. Bukan seorang pelajar yang radikal, pelajar yang agresif sedangkan mereka tidak sedarkah mereka ini orang kampung.

Saya hendak mencadangkan sekali lagi kepada kerajaan supaya bertindak tegas terhadap penuntut-penuntut universiti kita yang terlibat dalam antikerajaan, yang terlibat dalam menyokong kumpulan Reformasi dan kumpulan Gerak kerana mereka ini tidak patut dan tidak layak kerana masih lagi penuntut. Bukan kita hendak menyekat mereka daripada melibatkan diri dalam politik, tetapi biarlah mereka menuntut dahulu, menyelesaikan masalah pengajian mereka, setelah mereka keluar, lulus dalam peperiksaan, mereka sudah bekerja dan sebagainya maka bolehlah melibatkan diri dalam politik. Hendak masuk UMNO pun tidak apa, PAS, tidak apa, Gerakan pun tidak apa, DAP pun tidak apa, MCA pun tidak apa, parti makna dia hendak masuk, dia boleh masuk, hak dia.

Tetapi selagi mereka masih lagi menjadi penuntut, selagi mereka masih lagi mendapat rezeki Allah S.W.T. melalui Kerajaan Barisan Nasional ini, mereka kena tahulah hormat sedikit. Apabila saya bercakap dalam Dewan Rakyat, saya dapat surat Tuan Yang di-Pertua, surat marah kepada saya. Penuntut menyatakan “kami penuntut, kami tahu apa yang kami buat”. Ini ada surat mereka hantar kepada saya, budak-budak “kanyiar”. Budak-budak “kanyiar” universiti, Tuan Yang di-Pertua, kita yang berbahas dalam Dewan ini suruh naik biasiswa mereka, suruh tambah biasiswa mereka, suruh bagi universiti yang selesa untuk mereka, tetapi apabila abang-abang ini tegur sikit dalam Dewan Rakyat, mereka boleh tulis surat kepada saya, mereka kata kepada saya macam-macam, mereka kata saya mulut celupar, samseng dan sebagainya.

Jadi budak-budak yang tidak cukup umur ini, nak ajar abang-abang ini, saya ingat tidak patut sangatlah. Saya cabar mereka, cabar mereka pertamanya supaya lulus peperiksaan, keluar universiti kemudian takdir masa itu saya masih jadi wakil rakyat, masih lagi dicalon untuk bertanding, ha, mai bertanding dalam kawasan saya. Pasal dia sebut di situ, dia kata Yan pun belum tentu lagi. Memanglah Yan tidak tentu, kita dalam dunia pinjaman sahaja. Betul, tidak betul?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun.

**Datuk Lim Si Cheng:** Macam mana Yang Berhormat dapat tahu surat ini sebenarnya dari pelajar-pelajar yang berkenaan, mungkin orang yang sengaja buat surat layang. Macam mana Yang Berhormat boleh pastikan yang surat itu daripada pelajar-pelajar universiti?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang ini saya tulis, pasal saya dapat fotostat daripada Internet, kemudian dia sebutlah di sini P12 Yan, dia kata 'jangan bodek sangat'. Saya bukan bodek, saya menjalankan tugas, without fear and favour. Bermakna sebagai seorang pemimpin yang diamanahkan oleh rakyat, saya akan bercakap, hak tak betul pun saya kata, hak betul saya puji. Bila hak betul, saya puji, takkan saya bodek? Hak tak betul pun, saya kata macam tadi, kita banyakkkan sekolah agama, itu, ini, yang itu kita kena tegur. Kalau kita jadi wakil rakyat, kemudian mai duduk senyap dalam Dewan, apa pun tak kata, kemudian pergi di luar, maki habis-habis, jadi kita wakil rakyat kelas apa? Macam saya, depa nak kata kat saya, katalah. Depa kata buat baik sikit, memang saya buat baik, perangai saya baik, Tuan Yang di-Pertua, tak pernah lagi pukul orang. Tetapi benih saya Tuan Yang di-Pertua, benih saya tidak jenis takut, yang saya takut pada Tuhan sahaja. Harap manusia ini mailah macam mana pun, habis sangat kita mati. Bukan lapar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun lagi.

**Dr. L. Krishnan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata lebih baik penuntut-penuntut jangan masuk politik hingga keluar daripada universiti dan sebagainya. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang UMNO sekarang ingin mencadangkan mengurangkan/menurunkan umur memasuki sebagai ahli parti politik, apakah pandangan?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Itu Yang Berhormat Telok Kemang ya? Itu pandangan dan cadangan. Saya sendiri pun tidak setuju, umur 16 tahun Tuan Yang di-Pertua, 'kanyiar' lagi, orang-orang tua kata, bukan dia reti apa lagi, hingus dok meleleh lagi. Jadi kita tidak mahulah kalau student umur 16 tahun, dok ada tingkatan 3 atau 4. Dia bukan reti apa sangat politik. Jadi biar hak politik ini bagi orang yang

baligh, orang matured macam kita dalam Dewan Rakyat yang dok ada ini, we are being matured tetapi tak tentu umur kita ini matured, kadang-kadang dok ada dalam parti pembangkang macam Jelutong tadi, macam budak-budak, Tuan Yang di-Pertua. Saya, lain kali mai ke Parlimen ini, saya hendak bawa coklat, mai pi letak atas meja dia. Bagi coklat senyaplah, budak-budak jenis ini, sungguhpun nampak macam bapak Benggali, tetapi dia merungut, bukan ada pasal, kadang-kadang sikit saja, menyakiti hati orang, jawab elok-elok, apa salahnya.

Jadi saya mintalah pada student, tidak payahlah tulis surat pada saya, ataupun dalam *Harakah* hendak kata lebih kurang kat saya, tak usah kata macam itu, makna kita ini sama-sama memperjuangkan kekuatan kita, jadi kalau setakat nak pi kata dalam surat khabar, nak maki hamun saya, nak warning saya, Tuan Yang di-Pertua, saya ini keturunan Aceh. Tuan Yang di-Pertua, Orang Aceh ini, saya nak beritahu, perang tidak berhenti, walaupun tidak pernah menang, sampai la dok perang, yang kata Aceh ni. Ha, jadi saya benih itu, Tuan Yang di-Pertua, maknanya saya hanya takut kepada Tuhan, kemudian mati, hidup ini Tuan Yang di-Pertua, kerana kehendak Tuhan. Takdirnya saya mati, saya matilah, tapi kalau takat mai nak warning, saya, nak gertak saya, saya ingat Tuan Yang di-Pertua, pi cari orang lainlah. Saya pun bukan budak, dah nak boleh cucu, Tuan Yang di-Pertua, menantu boleh dah, cucu tengah proses.

Jadi maknanya saya ni bercakap bukan kerana apa, kerana Allah S.W.T. saya bercakap ni. Kalau nak harap elaun - perit, bukan semua ni mai bukan kerana gaji sangat, Tuan Yang di-Pertua, mai nak khidmat, dah khidmat bolehlah gaji sedikit sebanyak, elaun sedikit sebanyak, itu pun berhenti-berhenti belum tentu, saman mana nak mai pulak Tuan Yang di-Pertua. Wakil rakyat bukan tak tau, kadang-kadang kita sign guarantor, bukan kita ingat.

Sepuluh tahun kita jadi wakil rakyat kita sign guarantor penjamin bukannya kita ingat. Turun dari jadi wakil rakyat dok seminggu surat A.R Register sampai. Ini nasib wakil rakyat sebab itulah wakil rakyat ini tidak pernah minta bonus, tidak pernah minta ganjaran walaupun pegawai-pegawai kerajaan dapat bonus dan sebagainya, alhamdulillah, buat kerja elok-elok tetapi bila negara susah, pakat-pakat susahlah. Jadi

pertamanya saya ingatkan kalau kita susah, kita ingat orang lain lagi susah dari kita. Kalau kita lihat surat khabar *Utusan Malaysia* hari ini, lihat orang di Jakarta naik di atas roda kayu dok minta sedekah di merata tempat, hendak mencari makan sedangkan kita di sini orang gila pun kita bela. Kita lihat orang gila yang merayau dalam pekan pun kerajaan tangkap, bela elok-elok beri makan.

Jadi nikmat yang kita dapat di sini, kalau tahun ini tidak dapat bonus pun pegawai-pegawai kerajaan itu sabar-sabar sahajalah. Itu pun Perdana Menteri telah berikan hari Sabtu cuti sehari. Wakil rakyat ini tidak ada cuti, sungguh, bukan melawak, tidak ada cuti. Adalah seorang dua yang kaya-raja jadi wakil rakyat sebab mereka berniaga dan sebagainya. Itu pun ada yang kaya-raja duduk dalam kerajaan, bila silap sedikit, short sedikit sahaja maki pula kerajaan, tidak apalah, hendak buat macam mana, selepas itu mereka insaf, itu eloklah. Tetapi kita wakil-wakil rakyat ini Tuan Yang di-Pertua, bukan semuanya senang kadang-kadang orang kata “amboi hangpa jadi wakil rakyat senang” memang jadi wakil rakyat orang panggil Yang Berhormat, saya kalau boleh hendak mencadangkan kerajaan tukarlah panggil ‘Yang Berkhidmat’. Panggil Yang Berhormat ini pun naik pening, bila Yang Berhormat ini, serba-serbi kita. Contoh saya hendak beri ialah kadang-kadang musim kenduri, sepuluh kenduri sehari, ini bukan melawak kalau tidak percaya tanya wakil-wakil rakyat kampung. Sepuluh, itu minimum, sepuluh kenduri kalau kita tidak pergi nanti ‘jauh hati’. Kita pergi, kita sakit. Bayangkanlah sepuluh kenduri sehari makan sepuluh kali, binatang pun tidak makan seperti itu [*Ketawa*], tidak makan ‘jauh hati, makan sakit, bukan setakat sakit diri keluar duit poket lagi, kalau sepuluh takkan Yang Berhormat hendak beri RM5.00. Habis-habis tidak ada pun kita tengok penyokong kuat sedikit RM50.00, yang kurang sokong sedikit kita beri RM20, kalau sepuluh tidak RM200, penat.

Jadi masalah wakil rakyat ini pun Yang Berhormat sedia maklum, saya tidak perlu ceritalah. Pembangkang tidak apalah, saya membangkang sahaja bukan dapat apa. Elaun dapat untuk mereka semualah, rakyat tidak beri sekupang pun, yang kerajaan ini bayangkanlah kalau dahulunya dia guru besar gaji RM3,000, berhenti, bertanding dalam

negeri dapat RM3,000 juga. Dahulu dia boleh RM3,000 bayar koperasi, bayar hire-purchase kereta dan sebagainya. Sekarang ini RM3,000 pula dia kena share dengan orang kampung, dengan orang kawasan. Kadang-kadang baju pun jadi kelabu, tetapi orang dok panggil Yang Berhormat nampak kemaslah.

Jadi saya hendak mencadangkan tukarlah panggil 'Yang Berkhidmat' instead of Yang Berhormat kepada semua Ahli Yang Berhormat ini jadi kerja kita berkhidmat. Jadi bila kita berkhidmat kita tidak kiralah yang mana tidak betul kita perbetulkan. Saya minta Kementerian Pendidikan mengkaji balik pelajar-pelajar kita yang berada di universiti tidak usah beri warning. MARA begitu juga, Pengerusi MARA tidak masuk lagi. MARA juga kaji balik biasiswa kepada penuntut-penuntut yang tidak bersyukur dan yang menentang kerajaan. Biar mereka rasa bila kerajaan tarik balik biasiswa, mereka hendak belajar tidak mampu, masa itu baru mereka rasa perit. Sekarang ini mereka pergi UIA biasiswa diberi, kerajaan berhabisan beratus juta Ringgit buat universiti dengan tempat tidur, tempat makan semua cukup elok. Beratus juta yang kita luluskan dalam Dewan Rakyat, baru-baru ini supplementary pun kita lulus lagi.

Jadi tidak patutlah, tidak adil, kalau kita beri kemudahan-kemudahan kepada mereka dan mereka akhirnya berarak di jalan raya dengan penuh megah, dengan berasa bangga dan megah menentang kerajaan. Selepas berarak balik ke universiti makan malam nasi itu nasi kerajaan. Baru-baru ini saya juga kecewa ada pegawai kerajaan yang memukul polis, yang bekerja di pejabat ukur. Dia pergi ketuk polis, itu janggut 'merambu' tidaklah macam saya, saya trim elok seperti Tuan Yang di-Pertua trim elok nampaklah segak sedikit. Ini 'merambu' janggut, orang tengok janggut lebih panjang dari tasbih tetapi buat perangai ketuk polis. Polis menjalankan tugas, dia pegawai kerajaan, bila hujung bulan dia sains baucar gaji di atas itu tulis 'Kerajaan Malaysia' dia sains di bawah dah terima gaji, sungguhlah dia beri khidmat tetapi terima gaji dari kerajaan, dia pergi 'hentam' kerajaan buat apa. Polis itu pun orang kerajaan juga.

Jadi kita gunakan demokrasi dalam negara kita ini. Gunakan demokrasi untuk kebaikan rakyat bukan gunakan revolusi, bukan gunakan reformasi, ini tidak kena, tidak kena cara dan jalannya. Jadi saya berharap pihak Kementerian Pendidikan kaji balik

student universiti yang terlibat dalam ini, ubah balik akta-aktanya pastikan mereka ini belajar baik-baik. Kadang-kadang saya perhatikan bapa mereka ini orang kampung pergi ke laut sahaja. Masuk universiti tahun pertama dok bodoh lagi, tahun kedua cerdik sedikit, tahun ketiga terlampau cerdik, tahun keempat naik angin itulah yang keluar atas jalan. Ini budak-budak kampung, bapa pergi ke laut dok harapkan budak inilah pass peperiksaan bolehlah bela adik-adik pula, aku sudah tua, tidak larat pergi ke laut. Tetapi kena tangkap, keluar universiti ijazah tidak ada, apa pun tidak ada, balik jadi 'ular air' di kampung, marah kerajaan pula, kerajaan kejam, kerajaan zalim, tambah pula Parti PAS 'boh' pulak lagi, zalim, kejam, jadi serba serbi tidak kena, saya pun tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak minta juga di Kementerian Kewangan. Saya mahu kerajaan siasat Kementerian Kewangan, siasat dan kalau BPR kena masuk dan siasat balik Kementerian Kewangan. Banyak yang saya tidak puas hati sangat tentang pemberian projek-projek kepada syarikat-syarikat yang kononnya berwibawa. Syarikat-syarikat ini mendapat projek berbilion Ringgit, bias hanya sesuatu kumpulan yang dapat. Saya difahamkan lebih kurang 200 yang didaftarkan sebagai syarikat wibawa tetapi yang dapat projek itu beberapa orang sahaja. Jadi menggunakan wibawa tetapi pemberiannya itu tidak adil, agihan kekayaan itu tidak sama. Bukan bermakna kerajaan tidak sama tetapi mungkin ada kesilapan yang berlaku di dalam Kementerian Kewangan yang saya harap pihak kerajaan, pihak kementerian siasat balik.

Saya hendak tahu juga kalau Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan senarai penswastan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pun telah mengeluarkan senarai penswastan dan pemberian peluang-peluang perniagaan, saham dan sebagainya. Begitu juga Kementerian Pembangunan Usahawan sudah pun list, sebab apa Kementerian Kewangan sehingga hari ini tidak mengeluarkan lagi. Saya pun hendak tahu, kalau saya ada sama tetapi saya tidak dapat apa, bukan kerana saya dapat apa tetapi hendak tahulah list-list orang yang dapat saham ini. Bagi adillah kalau kementerian lain sudah keluar sebab apa Kementerian Kewangan sehingga hari tidak

boleh dikeluarkan, adakah komputer tidak cukup ataupun teknikal komputer rosak, kalau rosak kita ganti komputer baru bagi senarai itu keluar supaya kita dapat tahu.

Saya minta kalau boleh pihak kementerian beri respons kepada pertanyaan saya ini. Saya mahu siasatan-siasatan berlaku dan saya minta juga kerajaan pada masa hadapan, Bahagian Kontrak Kementerian Kewangan berlaku adil dari segi pemberian, mengagihkan kekayaan dengan seadil-adilnyalah kepada peniaga-peniaga kita ini dan dalam keadaan ekonomi yang kurang selesa ini kita kena beri kerjasama. Agensi kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan, badan-badan kerajaan pun kena beri kerjasama untuk kita menjayakan supaya syarikat-syarikat ini hidup, perniagaan berjalan, mereka mendapat keuntungan, kita boleh cukai kemudian rakyat akan senang. Kalau seperti sekarang ini bila syarikat rugi, kerajaan akan menanggung kesusahan.

Saya juga berharap Bank Negara kena konsistenlah sedikit dalam membuat keputusan-keputusannya. Kita menghadapi masalah, apabila bank dahulu membuat non-performing loan daripada enam bulan turun kepada tiga bulan, interest rate dinaikkan, pinjaman dibekukan. Bila benda ini berlaku serentak Tuan Yang di-Pertua, maka pusingan perniagaan terputus. Bila pusingan perniagaan terputus dengan sendirinya orang yang tidak bermasalah - bermasalah. Jadi saya harap Bank Negara ia lebih konsisten dan pastikan lebih profesional dari segi mengeluarkan peraturan-peraturan.

Satu ketika dahulu bila kita pergi ke bank komersial, bank komersial kata kita tidak ada surat-menyurat daripada Bank Negara. Bank Negara pula kata “kita sudah hantar kepada bank komersial”. Jadi, dia blamed di antara satu sama lain. Saya mahu supaya konsisten dari segi menjalankan tugas, dia punya rule atau peraturan mesti clear – black and white keluar, supaya orang yang berniaga dapat memahami sistem yang ada dalam negara kita ini, supaya orang ramai faham sistem kewangan.

Hari ini parti pembangkang mempertikaikan benda-benda ini, tetapi mereka tidak langsung memberi cadangan. Macam saya hari ini, saya mempersoalkan atau mempertikaikan, tetapi saya mencadangkan supaya kerajaan mengadakan peraturan-peraturan yang lebih clear dan sebagainya. Kadang-kadang kita melaung-laungkan ketelusan (transparent). Apa dia transparent Kangar?

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Ketelusan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ketelusan. Apa yang telus. Kita pun tidak faham. Jadi saya mahu benda ini clear betul-betul, yang telus, teluslah, yang tidak telus – tidak telus. Jangan hak yang tidak telus boleh jadi telus, akhirnya tidak telus, jadi problem bagi kita. Yang tidak telus jadi fulus – fulus, masya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta Kementerian Pembangunan Usahawan kaji semula sistem-sistem pemberian permit teksi ini. Saya dapati Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kasihan pemandu teksi ini, mereka bekerja lebih daripada kita, siang malam, berhempas-pulas di bandar raya. Sekarang ini dengan ada LRTnya, dengan ada transport yang agak efficient dan sebagainya, pendapatan mereka dah berkurangan. Jadi kita dapati kadang-kadang yang untungnya tauke-tauke teksi ini. Tauke-tauke teksi ini dia mengaut keuntungan, jalan tak jalan aku nak sehari berapa puluh ringgit. Saya biasa naik limousin, depa kata kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, dari pagi sampai petang baru nak cari duit bayar duit teksi, duit tauke. Saya minta kerajaan kaji balik, kerajaan kena menetapkan kos bayaran daripada pemandu teksi kepada tauke teksi. Macam tauke teksi airport kita yang baru ini, kebanyakan dahlah teksi itu berjambul, betul-betul tengok, semua teksi airport itu berjambul. Saya pun tidak tahu jambul itu buat apa, kononnya nak memudahkan pihak kontrol ini nak detect teksi ini pi mana. Nak detect teksi ini pergi mana apa, teksi ini dia sewa daripada tauke. Dia nak pi mana, dia punya pasallah, janji dia bayar sehari duit berapa-berapa, dia ikut peraturan. Kononnya kerana pasal pasang jambul itu kena bayar lebih, takkan Sikh dalam negara kita pakai turban kecuali Jelutong dia tak pakai, kena bayar lebih pula, agaknya pasal apa? Hak itu jambul dia, dia punya pasallah.

Jadi yang ini banyak saya dapat kompelin dari pemandu teksi ini kerana kes jambul, sewa naik tinggi. Kemudian depa kerja pagi itu Tuan Yang di-Pertua, sampai ke petang baru nak boleh bayar duit ini, duit teksi, duit tauke, kemudian petang sikit tu baru nak cari duit makanan di rumah. Jadi saya minta kerajaan, begitu juga teksi bandar raya hak yang merah putih ini, begitu juga teksi airport lama, saya minta Kementerian Pembangunan Usahawan dan juga Kementerian Pengangkutan mengkaji

semula kos sewaan teksi kepada tauke-tauke teksi ini. Jangan bagi tauke teksi atau syarikat teksi ini menentukan kos kepada pemandu-pemandu teksi.

Tuan Yang di-Pertua fahamlah, bila kos depa nak kena bayar tinggi, depa bawa teksi kadang-kadang tak ikut peraturan, depa kira nak cepat. Kita bayar mahal, duduk belakang pula tiga suku nyawa betul-betul, celah-celah pun dia masuk, kita nak kata lebih pun nanti dia kata encik boleh turun, tak kacau kita. Jadi yang ini Tuan Yang di-Pertua, saya minta kementerian kena ada timbang rasa (balance) antara pemandu teksi dengan tauke teksi. Kita tak boleh nak kerat depa ini, kesian kat depa, depa cari makan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya harap Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Pengangkutan kaji balik kos teksi ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, iaitu tentang Kementerian Pertahanan. Kementerian Pertahanan saya berharap dapat memberi sedikit penjelasan di Dewan yang mulia ini kes-kes kapal terbang Singapura dok terbang di dalam kawasan kita ini. Adakah kita nak kena tarbil dia turun ataupun kita nak hantar roket kita pi turun dia, atau hantar kapal terbang kita hambat dia balik dalam kawasan dia, atau macam mana. Jadi saya nak tahu Tuan Yang di-Pertua, berapa kali orang-orang sebelah Johor ini cukup marah. Saya ada adik beradik di sebelah Johor dia kata, tolong cakap sikit, setengah-setengah kampung, bela ayam pun tak bertelur Tuan Yang di-Pertua, dok dengar bunyi kapal terbang tu punya deras, jet, nak mengeram pun tak boleh, terkejut.

Jadi saya berharap pihak Kementerian Pertahanan dapat memberi sedikit penjelasan kepada Dewan yang mulia ini, berapa banyak penerbangan curi masuk ruang angkasa kita, begitu juga kawasan-kawasan perairan kita ini. Pasal depa nak ek sangat, depa berasa depa negeri kecil, depa rasa besar, ha jadi kita guna sikit kita punya ini. Sungguhpun Menteri dok kata semangat Asean-semangat Asean, kalau dok semangat itu Tuan Yang di-Pertua, kemudian kita dok beralah selalu, tak patutlah Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kita tekan orang, jangan sampai ke dinding, kalau dia sampai ke dinding, dia nak lari tak boleh dah, kemudian dia lompat balik mari kat kita. Jadi saya berharap kepada Kementerian Pertahanan supaya memberi penjelasan kepada saya berkenaan dengan penerbangan-penerbangan Angkatan Tentera Singapura yang

memasuki ruang udara kita. Saya juga berharap pihak kerajaan tegas dengan pembelian-pembelian orang Singapura di Malaysia ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah memperkemaskan perat uran. Apabila kita bayar subsidi untuk harga minyak, harga gula, harga tepung, orang Singapura ini yang dok ek ini depa mari beli harga subsidi kita, itu pun bercakap ek dengan kita. Jadi dok mari tumpang kekayaan kita, kemudian dok ek dengan kita. Jadi saya berterima kasih kepada pihak Kastam, jangan susah hati, jangan bimbang, rakyat Malaysia dok ada belakang depa. Bayangkanlah kalau dia ambil satu botol minyak masak bawa pi negeri dia, rakyat kita dah hilang sebotol. Sebotol itu bolehlah kita makan di sini, jadi kalau dia ambil gula 10 kilo seorang, di sini dan 10 kilo short. Jadi pasal apa pula kita nak jadi kerajaan nak bantu depa. Depa kata depa kaya, depa kata depa kelas lagi tinggi daripada kita, tapi mai tang makan, mai tang nak kurang duit, depa mai kat kita. Jadi saya harap kerajaan bertegas pasal ini supaya jangan mereka memperalatkan kita dengan mendapat nikmat daripada harga-harga murah ini dan akhirnya kita yang menanggung kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sebelum saya duduk ini, saya nak menekankan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I kerana tidak memotong peruntukan untuk pembangunan luar bandar. Saya berharap kerajaan dapat mempertingkatkan kerana Tuan Yang di-Pertua, keperluan pembangunan luar bandar agak tinggi lagi. Kita amat memerlukan peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar, terutama sekali dari segi membasmi kemiskinan.

Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada membuat sistem bukan lagi bantuan terus kepada orang miskin, tetapi dia buat sistem kelompok di mana yang ini agak mengelirukan kerana budaya orang miskin ini Tuan Yang di-Pertua, dia nak berpakat, dia tak reti. Contohnya, dia akan bagi pada satu projek kelompok besar, kemudian peserta-peserta

miskin ini dia mari tumpang, jadi menimbulkan masalah kerana dia orang ini bukan biasa berpakat. Depa tak reti nak pakat, tak reti nak bersyarikat, yang depa reti kalau kita bagi mesin galas, dia galas mesin itu, dia pergi cari makan. Kemudian dia dapat sedikit sebanyak duit, dia balik dia belah anak bini dia. Kita katakanlah macam FAMA kita buat pasar tani dan sebagainya, kita asuh mereka, mereka boleh berniaga, sikit-sikit akhirnya depa berjaya keluar daripada skim PPRT.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita buat skim besar kemudian mereka hendak tumpang kita tu saya dapati agak sukar. Jadi banyak sistem ini kita hendak jalankan di peringkat daerah ini susah malah sesetengah pegawai daerah pun dia mendapati agak confuse dan susah juga untuk menjalankan skim/program ini. Jadi saya mencadangkan supaya kalau boleh kementerian balik kepada skim asal iaitu memberi bantuan secara direct kepada mereka terutama sekali untuk skim bantuan ekonomi supaya mereka dapat berdiri di atas kaki sendiri dan satu lagi Tuan Yang di-Pertua saya minta supaya kerajaan memastikan pakar-pakar luar negara kita ini kalau boleh dihenti, hentikan. Saya ingin menegur Petronas sedikit kerana Petronas banyak menggunakan pakar luar. Saya tidak ingat tarikh tetapi biasa Timbalan Menteri Kewangan mengatakan defisit kita ini salah satu sebab ialah kerana kita membayar banyak duit kepada foreign consultant untuk mendapat khidmat nasihat dari mereka.

Saya hendak mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua, Petronas dia hendak buat Universiti Petronas di Malaysia yang dia ambil konsultan dari Britain itu buat apa? Apakah perlu kita hendak konsultan hendak buat universiti sedangkan kalau ikut balik rekod anak-anak tempatan kita, jurutera-jurutera kita, arkitek-arkitek tempatan ini sudah buat berbagai-bagai universiti, hendak buat universiti bukan buat highrise tower, bukan hendak buat highrise building, hendak buat universiti tinggi sedikit dari sekolah menengah sahaja kawasan luas dan besar sedikit. Kalau projek RM500 juta kita bagi dekat foreign consultant dia sudah dapat senang-senang RM20 - RM30 juta dia punya fees. Kemudian akhirnya point balik local punya konsultan, dia datang sebulan sekali dari overseas, dok yes no, yes, no balik boleh

RM30 - RM40 juta. Pasal apa, pasal kita berasa dia Mat Saleh. Kita berasa dia Barat. Dah kita kata, kita tidak mahu darling, darling from the West, so get lost darling from the West, we don't want them, we got darling in Malaysia, a lot darling we have here, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua banyak darling kita ada, apa jenis darling kita hendak pun ada. Jadi buat apa kita ambil foreign consultant, bayar fees mereka. Saya minta semua badan kerajaan kalau boleh, yang ini Kementerian Kewangan kena kajilah sebelum membuat keputusan, kaji balik [*Yang Berhormat Arau berjalan masuk ke dalam Dewan*]. Sila Arau, saya tunggu dari tadi. Amboi, lambat datang, pergi mana? [*Ketawa*] Ini yang saya slow ni, yang lain mereka tidak berani, yang Arau sahaja berani.

Jadi Tuan Yang di-Pertua kalau kita biarkan foreign consultant nasihat kita, kadang-kadang nasihat itu tidak bersesuaian dengan keadaan negara kita ini maka peluang-peluang ini bila anak-anak kita hendak boleh belajar, is better for us to learn by mistake, Tuan Yang di-Pertua. Daripada kita waste money bawa masuk foreign consultant dia duduk kapal terbang dia naik 1<sup>st</sup> class mereka charge kita, hotel five star dia charge kita, dia naik kereta besar charge kita akhirnya we are paying them for nothing. Macam universiti ini saya boleh sebut berapa univerisiti semua local consultant buat. Airport kita Tuan Yang di-Pertua JKR buat, JKR orang kita sahaja, rakyat Malaysia buat, tersergam indah. Orang Putih orang Barat datang masuk, sesat Tuan Yang di-Pertua. Itu baru domestic flight boleh sesat, international flight tidak tahulah. Dia turun satu flight dengan saya, kita cari tempat ambil beg, dia masuk bilik air, dia sesat. Saya ingat dia hendak pergi buang air, sekejap lagi dia keluar balik, rupanya dia sesat, dia termasuk ke bilik air. Itu dia, punya canggih airport kita. Itu pun kita masih percaya kepada Mat Saleh lagi.

Jadi saya harap Kementerian Kewangan saya hendak juga penjelasan kalau boleh, tahun sudah berapa banyak kita belanja untuk bayar foreign consultant. Saya hendak tahu juga berapa banyak, berapa milion kita bayar. Jadi yang ini tahun ke depan-depan ini kita stoplah benda-benda macam ini. Gunakan anak-anak tempatan, pegawai-pegawai kita yang tempatan all are good officer, pegawai kerajaan tuan-

tuan bukan tidak cerdik, pandai semua tetapi kadang-kadang kita tidak beri opportunity kepada dia. Jadi bila duduk mesyuarat, macam saya ambil contoh ini, Rector UIA ini, Tok Sheikh ini Tuan Yang di-Pertua dia bukan arkitek, dia bukan jurutera, dia bukan tahu pasal construction. Mengajar, dia tahulah tetapi hendak cat UIA pun kena ambil kebenaran dia. Bayar pula berpuluh-puluh ribu kepada dia, Tok Syeikh ini. Ambillah Tok Syeikh kita di Malaysia banyak, Tok Syeikh belah PAS kalau dia masuk belah kita, bolehlah kita bantu mereka balik. Ini mereka pun serang kita, nak bubuh dekat situ buat apa. Ini asyik ambil Tok Sheikh di UIA. Kementerian Pendidikan tolong siasat, Timbalan Menteri ada, tolong siasat saya hendak tahu berapa ramai pensyarah luar negara yang berada di Universiti Islam Antarabangsa ini. Tidak bolehkah anak-anak tempatan kita menjadi pensyarah di situ, ramai anak tempatan kita yang pergi belajar di Universiti al-Azhar, belajar di universiti-universiti di Cairo, sudah dapat ijazah cukup tinggi, cakap Arab macam cakap Melayu, takkan mereka tidak boleh mengajar. Sekurang-kurangnya mereka belajar Bahasa Arab dengan orang Melayu, dia faham. Kalau 'naam', makan, kalau ditanya dia tahu jawab. Ini datang Tok Arab ajar Bahasa Arab bila orang Melayu tak faham Bahasa Arab, dia hendak translate tidak boleh. Dia sudahlah bukan Orang Putih, Bahasa Inggeris pun tidak tahu. Jadi kita pula hendak cari interpreter betulkan dia pula, tidak kacau jadinya.

Saya minta UIA ini dikaji balik oleh Kementerian Pendidikan. Kaji balik UIA, restructur balik, dia punya set up. Pastikan dia berjalan sama macam universiti-universiti lain jangan bagi kelebihan kepada universiti ini. Nama Universiti Islam Antarabangsa, saya hendak tanya juga kepada pihak kementerian berapa banyak sudah negara-negara Islam ini bagi duit untuk menjalankan Universiti Islam ini dan berapa banyak Kerajaan Malaysia mengeluarkan duit untuk menyiapkan Universiti Islam Antarabangsa ini. Saya pun hendak tahu juga sebab mereka kata universiti ini antarabangsa bagi duit tetapi yang kita tahu Dewan Rakyat asyik-asyik tambah, tambah duit. Jadi siapa bagi siapa ini, hak yang bagi tak masukkah, macam mana, kita hendak tahu juga.

Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian kaji balikhlah Univerisiti Islam Antarabangsa dan pihak Kementerian Kewangan pastikan penasihat-penasihat luar ini kerana sudah 41 tahun kita merdeka, mereka hendak nasihat kita apa lagi, tidak payah nasihat, kita sudah tahu buat kerja ini, hendak bina universiti, hendak buat bangunan-bangunan lebih kurang, bangunan-bangunan canggih kita tahu. Kereta kita boleh buat, lapangan terbang kita boleh buat, menara pun kita boleh buat, kontraktor tempatan buat, macam-macam tempat kita boleh buat. Ini hendak buat Universiti Petronas ini kita hendak ambil konsultan luar. Pada saya, is not that logic Tuan Yang di-Pertua, is not that logic, we are advance now Tuan Yang di-Pertua dengan izin and yet we need this foreign consultant I thing something is wrong somewhere [*Ketawa*] dengan izin. Please do site investigation on that. Thank you.

Tuan Yang di-Pertua, [*Disampuk*] belum lagi, itu baru bab itu, cuma akhir Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah kepada rakyat Malaysia pertama bersatu padu, kedua menghormati kedaulatan undang-undang kita, biasa undang-undang kita buat kita hormat. Kemudian macam kes-kes hari ini biar mahkamah menentukan dan kita sebagai rakyat yang moden ini, rakyat yang maju jaya ini yang lebih matured dan sebagainya kita menerima. Kalau UMNO boleh terima UMNO diharamkan tanpa tunjuk perasaan, kita boleh terima dengan hati yang cukup terbuka, kita tubuh balik, kita bubuh nama UMNO baru dan sebagainya. Jadi bila mahkamah buat keputusan kita terima keputusan tersebut. Kalau keputusan tersebut, macam mana pun kita terimalah, kita tidak usah pertikaikan undang-undang dan saya berharap kepada penyokong-penyokong Reformasi supaya balik ke pangkuan peraturan dan undang-undang negara kita, tiada maknanya kita tunjuk-tunjuk perasaan, ini tidak mendatangkan manfaat dan saya berharap kepada wakil rakyat Permatang Pauh supaya beliau lebih rasional dari segi membela nasib diri dia kerana kalau kita hendak main balik ayat-ayat, sokongan-sokongan, kata-kata beliau semasa beliau berada bersama dengan Barisan Nasional ini banyak, malah ada pantun pun - selagi bumi dan langit tidak bertangkup dia tidak akan ..... ini dengan ketua dan

sebagainya. Ayat-ayat ini masih kedengaran di telinga-telinga kami orang-orang UMNO.

Ayat-ayat ini masih bermain-main lagi di telinga kami ini, jadi janganlah kerana tidak dapat menerima qada' dan qadar daripada Tuhan, kita bangun dan mengajak rakyat menentang kerajaan – mengadakan reformasi dan memperalatkan generasi-generasi bangsa kita ke arah yang negatif. Sebagai pemimpin kita kena bertanggungjawab, kita kena bertanggungjawab!

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri menghormati beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri dahulu, saya hormat beliau, saya hormat beliau sebagai Timbalan Presiden, sebagai Timbalan Perdana Menteri. Kita memberi penghormatan kerana ini adalah kedudukan yang tinggi di mana kami di peringkat bawah ini sebagai penyokong perlu memberi penghormatan tetapi apabila beliau tidak dapat menerima dugaan Tuhan, kita dapat lihat gambaran kelakunya seorang manusia. Jadi, kelaku yang saya kira agak kurang sopan sebagai seorang pemimpin yang kita sayangi dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai ahli UMNO merasa amat sedih dan kecewa melihat pemimpin yang saya sokong dahulu apabila kehilangan jawatan bertindak sedemikian rupa sehinggakan menentang balik undang-undang yang dia lulus dalam Dewan Rakyat – menentang balik anggota-anggota polis, mengata anggota-anggota polis ini Nazi, mengata anggota-anggota polis ini ala Israel. Jadi, tidak boleh kata begitu, Tuan Yang di-Pertua, dulu kita yang mempertahankan.

Kemudian, ISA Tuan Yang di-Pertua, banyak pemimpin politik merasa megah kena tangkap di bawah ISA, Tuan Yang di-Pertua tahu atau tidak? Tidak, ini saya faham sungguh! Sungguhpun saya tidak kena lagi, saya tidak kena lagi fasal saya ikut peraturan, hendak kena apa, bukan? Bila bersyarah “saya biasa masuk dalam, saya biasa ditahan di bawah ISA” megah, bangga malah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kata hari itu, kalau tidak masuk ISA taubat tidak jadi lawyer, dok di luar jahat bukan main, merata pergi maki sana, maki sini mana boleh jadi lawyer. Masuk ISA tahan dua, tiga tahun dapat jadi lawyer. Macam Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, ini tertib sedikit selepas kita tahan setahun, dua, kalau tidak lagi celaru!

Tuan Yang di-Pertua, ISA sebenarnya adalah tempat untuk memberi pendedahan kelaku dan minda kepada mereka. Makan siapa tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beri contoh dalam hidup ini ada tiga – kalau hendak jadi popular duit tidak ada, jadi orang politik, duit bukan ada, harap claim elaun sedikit sebanyak sahaja. Kalau hendak hidup senang, kaya tidak hidup senang, jadi pegawai kerajaan – cukup bulan ada gaji belanja anak bini naik kereta lebih kurang, alhamdulillah, lega! Kalau hendak popular, hendak kaya, hendak nama terkenal, hendak senang, jadi banduan – duduk dalam jail, orang jaga kita, makan tanggung, orang pun kenal kita. Pilihlah yang mana satu. Jadi, ISA ini Ahli Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat pun tidak kena lagi! *[Ketawa]* ISA ini tempat merehatkan minda orang-orang yang kepalanya celaru.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Okaylah. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Arau bangun ya. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap ISA ini perbaik sedikit kepala Ahli Yang Berhormat Yan itu supaya minda dia betul sedikit sebab dia bercakap daripada kelmarin sampai sekarang tidak mahu berhenti-henti. *[Ketawa]* Dan saya pun tidak berhasrat untuk hendak mengganggu ucapannya tetapi nampaknya Ahli Yang Berhormat Yan ini hendak berhenti, hendak berhenti tetapi tidak mahu berhenti, jadi elok kena ISA sekali, baru dia tahu ISA ini elokkah atau tidak elokkah dan bagi kami PAS tetap menentang ISA walaupun belum kena lagi, sudah tentang dahulu! Kalau kena pun hendak buat macam mana! *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang ini nasihatkah, penjelasakah atau pertanyaankah?

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Semua boleh! *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sekejap lagi Ahli Yang Berhormat Pokok Sena tolong beri buku Standing Order, biar dia faham sedikit. Sebenarnya saya bercakap baru tadi, Yang Berhormat Arau silap, kelmarin mana ada persidangan Dewan Rakyat, Yang Berhormat pergi mana kelmarin? *[Ketawa]* Amboi, itu dialah, entah-

entah pasang dua, apa! *[Ketawa]* khabar hak yang tua kata mai Dewan Rakyat! *[Ketawa]* Bukan, ISA sebenarnya orang kata ISA kejam, saya hendak tanya satu, ada atau tidak orang keluar daripada ISA tangan tidak ada? Ada atau tidak keluar ISA jadi pekak? Ada atau tidak keluar ISA jadi bisu? Ada atau tidak keluar ISA jadi buta perut, dia tidak hairan sahaja, otaknya celaru, ada atau tidak? Tidak ada!

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya, ya. Yang Berhormat dari Permatang Pauh biasa masuk ISA, keluar jadi Timbalan Perdana Menteri, kemudian masuk pula Sungai Buloh, tidak apalah keluar masuk apa salahnya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Machang bangun.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Yan. Setahu saya peruntukan-peruntukan di bawah Akta ISA adalah khusus untuk kes-kes yang melibatkan kepentingan keselamatan negara dan kepentingan ekonomi negara. Setakat ini kes-kes yang ditangkap di bawah ISA semuanya melibatkan kes-kes yang berhubung kait dengan soal keselamatan negara. Jadi, bersetuju atau tidak dengan saya bahawa orang yang bimbang sangat dengan ISA ini ialah orang yang tahu bahawa dia melakukan sesuatu yang mengancam keselamatan negara sebab saya tidak pernah dengar orang kampung datang jumpa saya takut kepada ISA. *[Ketawa]* Fasal dia tidak pernah buat apa-apa yang mengancam keselamatan negara. Yang takutnya kumpulan Gerak, orang PAS, DAP, kumpulan-kumpulan tertentu yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang sememangnya bercanggah dengan kepentingan negara. Orang-orang kampung dia tidak bising hal ini, bersetuju atau tidak dengan saya?

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Setuju sangatlah. *[Ketawa]* Dengar itu Ahli Yang Berhormat Arau! Dengar peraturan-peraturan itu. Kalau Pak Man tengah dok semai padi di bendang, takkan polis mai tangkap, “jum pergi ISA”, dia tidak buat kerja macam itu, dia dok serak padi, dok tanam padi elok-elok, takkan polis hendak pergi tangkap dia. Ini dia dok berarak, orang dok cari makan jual burger tepi jalan tidak boleh cari makan. Macam malam itu berarak dalam masjid, maki hamun, seru naik nama, kemudian pergi kacau bangunan UMNO sana. Nasib baik masa itu saya ada di Alor Star, kalau saya ada di Kuala Lumpur – tumpah darah! *[Ketawa]* Jangan main-

main Ahli Yang Berhormat Arau! Nasib baik masa peristiwa itu berlaku saya berada di Yan, kalau tidak tumpah darah! Yang itu maruah UMNO siapa hendak beri. Orang UMNO dia tidak akan pergi tendang, terajang pusaka UMNO, macam orang datang ke rumah Yang Berhormat Arau, contohnya, datang ke rumah, naik terajang habis barang-barang, Yang Berhormat hendak biarkankah? Habis-habis dia tidak berani pun, dia beri penampar, kena tidak kena lain cerita. *[Ketawa]* *[Ahli Yang Berhormat dari Arau menggelengkan kepala]* Yang Berhormat jangan goyang kepala, benda ini berlaku. *[Ketawa]* Bila saya cerita, Yang Berhormat dok goyang kepala, tambah Ahli Yang Berhormat Tumpat dok tongkat dagu buat apa, hendak tanyakah? *[Ketawa]* Tidak mahukah? Jadi....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat dari Machang telah menimbulkan persoalan berhubung dengan ISA. Yang Berhormat pernahkah dengar suara dia dua, tiga tahun yang lepas? *[Disampuk]* Yang Berhormat Machang....

**Beberapa Ahli:** Itu dulu, dulu buat apa.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** ....di mana beliau telah mengecam ISA. Sekarang dia ampu dengan ISA. Orang macam ini kita boleh mengkategorikan jenis manusia yang macam mana ini.

Yang kedua, soalan yang kedua, minta penjelasan Yang Berhormat dari Yan, sebenarnya ISA ini bukan keselamatan negara, ISA ini keselamatan Perdana Menteri sebenarnya *[Disorak]* Yang Berhormat setuju atau tidak dengan pandangan saya? Tidak timbul keselamatan negara, negara aman, yang tidak aman sekarang PM!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ish, ish, ish...*[Ketawa]* Awatlah Tumpat cara tu teruk sangat ni.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Machang bangun pula.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sila, sila.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, dia mengatakan bahawa pembangkang dahulu, kita dalam Semangat 46 bergerak untuk menukar kerajaan secara demokrasi. Sebab itu dahulu PAS pun tidak liar tetapi apabila kita tidak bersama dengan PAS, ia bergerak liar sekarang. Jadi ini sudah mengancam keselamatan negara.

Yang kedua, seingat saya tidak pernah mencadangkan supaya ISA dihapuskan tetapi saya minta ISA dimodifikasikan. Kita masih memerlukan ISA dan pada masa itu saya masih ingat, saya berucap di dalam Dewan ini supaya beberapa peruntukan di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri dimodifikasikan mengikut keperluan semasa. Terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Setuju, pengetahuan Machang lebih baik. Saya harap Yang Berhormat dari Marang sebagai Timbalan Presiden PAS, pilihan raya sekali lagi hantar dia balik negerilah. Jadi ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan, duduk tang ni buat pening kami balik.

Jadi ISA ini betul-betul seperti Yang Berhormat dari Machang kata kalau kita tidak buat salah, kita dok berniaga elok-elok dan dok kerja elok-elok macam pegawai kerajaan dan pemberita yang kerja elok-elok, takkanlah polis datang “jom pergi ISA tak pasal-pasal”.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, pergi sembahyang berarak di Masjid Negara, bangkit dan maki kerajaan yang sebelum itu duduk sebagai Timbalan Perdana Menteri pergi naik atas mimbar Masjid Negara – maki kerajaan, bakar semangat, suruh pergi bakar rumah Perdana Menteri, serang Pejabat UMNO....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]* .

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Awat nanti sat, saya tengah dok hot ni, duduklah dulu. Saya tidak beri, Tuan Yang di-Pertua, sat lagi saya beri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Takut nanti saya lompat pi, dok,dok. Sekejap lagi saya beri, jangan susah hati.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya rasa .....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tak apa, tak apa, okay .....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya rasa tidak betul perkataan suruh bakar rumah Perdana Menteri. Saya tidak pernah dengar perkataan itu. Yan ini pembohong besar....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Dalam Parlimen berani bohong, apa lagi di luar lagi berani bohong.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Ketawa]* Orang tidak cukup akal, Tuan Yang di-Pertua, berani kata saya macam itu tidak patut. *[Ketawa]*.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Cuba Yang Berhormat buktikan kepada saya bila, pukul berapa, hari apa dan di mana bekas Timbalan Perdana Menteri menyatakan, “Pergi bakar rumah Perdana Menteri”.

Ini fitnah besar ini, pembohong besar ini. Yan ini tidak layak menjadi seorang Member of Parliament. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Ketawa]* Come on man, be gentleman, dengan izin, don't get mad. *[Ketawa]* Small matter, don't get mad, don't get mad. Tuan Yang di-Pertua, I still come don't worry.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, membakar semangat rakyat, mengacau fikiran rakyat supaya rakyat mengamuk dan merosakkan harta pusaka UMNO. Di situ ada bahan sejarah, bahan kemerdekaan kita, gambar-gambar pemimpin kita dahulu, pemimpin yang membawa kemerdekaan dan pemimpin yang menjayakan Malaysia. Kalaupun kita marah kepada seseorang pemimpin tidakkanlah kita pergi bakar dan terajang gambarnya seperti itu. Ini kerja revolusi. Orang-orang UMNO tidak buat kerja itu. Yang buat kerja itu pada hari itu adalah Kumpulan ABIM, kumpulan-kumpulan pelampau yang pergi bakar benda-benda itu. Nasib baik masa itu saya berada di Alor Setar, kalau saya berada di Kuala Lumpur tidak tahu hendak beritahulah. Tidakkanlah saya hendak duduk sahaja, ISA-ISAlah, kita kira apa kerana ini maruah. Tetapi UMNO tidak tunjuk perasaan tetapi tunjuk fikiran. Tidak macam PAS, tidak macam Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, kita melawak sedikit sudah naik angin. *[Ketawa]* Panggil saya macam-macam, saya tidak kata lagi. Tidak sporting, be sporting man. *[Ketawa]* Don't get mad, don't get mad, we are talking about law .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cakap Melayulah. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa] [Tepuk Meja].*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak marah Tuan Yang di-Pertua. Sebab dia mula, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan boleh orang mulakan. Saya duduk elok-elok dia kata saya lebih kurang. Tadi tidak apalah, saya ini jenis sabar .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang 'ejek', ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Ketawa]* Ya, jadi saya minta kepada rakyat Malaysia terutama sekali kepada pemimpin dari Permatang Pauh nasihat adik-beradik kita, kawan-kawan kita, balik ke pangkal jalan, tunjuk kepimpinan kita supaya walaupun kita inginkan perubahan pentadbiran negara ini kita gunakan demokrasi. Bukan lama – tahun 2000 kita pun akan adakan pilihan raya. Sabar sekejap sahaja. Selepas ini serah semula kepada rakyat. Kerajaan hari ini kerajaan rakyat, rakyat yang pilih kita. Jadi kalau parti pembangkang cuba hendak bercanggah dengan rakyat, ini adalah masalah besar. Saya minta pemimpin-pemimpin PAS begitu jugalah. Sebagai .....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun].*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, beri jalan ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Beri, tidak beri nanti dia naik angin pula. Baik, baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya atau pandangan orang ramai untuk menyelesaikan masalah kegawatan politik sekarang ini, kegawatan ekonomi sekarang ini dengan satu cara sahaja iaitu segera diadakan pilihan raya umum. Nampaknya sekarang ini tidak mahu buat pilihan raya? Setuju atau tidak dengan pandangan saya? Terima kasih.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, yang hendak bubarkan pilihan raya dan Dewan Rakyat ini pasal apa? Edah kita sampai tahun 2000, apa Yang Berhormat tidak mahu, kalau tidak mahu berhentilah dan buat pilihan raya

kecil kawasan Yang Berhormat. Yang Berhormat rasa tidak seronok lagi berhenti, saya teringin lagi .....

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Minta penjelasan, kalau Yang Berhormat dari Tumpat nampak berani sangat kenapa tidak jumpa dan nasihatkan Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan bubarkan Dewan Undangan Negeri Kelantan. Itu PAS berkuasa sekarang. Kalau Yang Berhormat dari Tumpat rasa itu pandangan orang ramai, pandangan itu mendapat sokongan ramai, setuju atau tidak kalau saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat supaya menasihatkan Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan – bubarkan Dewan Undangan Negeri Kelantan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha, itu dia, baru tahu. *[Ketawa]*. Dok jaga tepi kain orang tetapi tepi kain kita tidak jaga. Lain kali selak kain kita, tengok dahulu barulah selak kain orang. Jadi balik pergi beritahu kepada Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan, “Tok Guru ‘bubey’ (bubar) Dewan Negeri”.

**Beberapa Ahli:** ‘Bubey’, ‘bubey’. *[Ketawa]*.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak tahulah betul atau tidak betul. *[Ketawa]* Cara orang Kedah cakap bahasa Kelantan. Daripada hendak suruh bubar Dewan Rakyat – kita ada hak sampai tahun 2000. Ini adalah mandat rakyat beri kepada kerajaan untuk mentadbirkan negara sampai tahun 2000. Yang kita hendak pergi bubar buat apa? Hendak gunakan duit rakyat dan belanja tengah ekonomi gawat ini, hendak belanja untuk buat pilihan raya. Tidak boleh, Yang Berhormat. Tidakkannya apabila timbul masalah sedikit hendak bubarkan Dewan Rakyat, oh jenuhlah setahun berapa kali hendak buat pilihan raya?

**Seorang Ahli:** Very childish.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ush, Yang Berhormat ini dahulu ada masuk tadika atau tidak? Kalau tidak ada, pergilah balik. *[Ketawa]*

Jadi kita minta sepatutnya dalam keadaan seperti ini parti pembangkang dan parti kerajaan duduk semeja dan berfikir macam mana hendak menyelesaikan masalah. Yang Berhormat tahu atau tidak kita ini diserang oleh peringkat dunia, bukan dalam negeri ini. Dunia dok serang kita, dahlah dunia dok serang kita, kita pertahan, hak dalam negeri pula dok kacau. Jadi yang hendak manfaat siapa? Mahu tidak satu hari Yang Berhormat beras tidak ada, lauk tidak ada hendak dimakan, mahu tidak macam itu, mahu tidak kita berbalik di zaman Jepun dahulu. Sungguhpun saya tidak bersama dengan zaman Jepun dahulu tetapi saya tahu orang-orang tua dok cerita kepada saya. Yang Berhormat kena fikir, jangan kita dok harap diri kita ini, anak-anak cucu kita ini, macam mana? Orang duduk berniaga tepi jalan macam mana hendak hidup. Anak depa pun hendak sekolah, anak anggota polis depa pun makan nasi juga dan hendak pergi sekolah juga. Jadi ini semua kita sebagai pemimpin yang waras, perlu fikir bahawa ketenteraman awam itu lebih penting daripada perkara yang lain.

Jadi saya menyeru kepada Yang Berhormat dari Permatang Pauh supaya menggunakan platform demokrasi yang dilaung-laungkannya dahulu digunakan sebaik-baiknya. Insya-Allah, pilihan raya tidak lama lagi kita berhadapan, hari ini jangan, tahun ini persidangan APEC hendak dibuat di Malaysia .....

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Apa pasal...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan dari Yan iaitu mengajak Yang Berhormat dari Permatang Pauh menggunakan platform demokrasi untuk mengambil balik ataupun mendapat kuasa. Tetapi saya inginkan penjelasan dari Yan, bagaimanakah Yang Berhormat dari Permatang Pauh boleh melakukan perkara itu sedangkan beliau telah dipecat daripada UMNO? Sekarang beliau pula berada di dalam penjara. Jadi, bagaimana dia boleh buat perkara itu? Boleh minta penjelasan?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itu senang sahaja, bukan susah. Itu bahasa depa, Tuan Yang di-Pertua.

Dia inisiatif perkara ini sebelum masuk penjara, tidakkanlah Yang Berhormat tidak tahu? Pada masa itu Yang Berhormat berada di mana? Tidak ada di Tuarankah?  
.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, jangan tanya macam itu. Ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat tidak faham, dia ketinggalan masa. Jadi saya hendak merayu supaya Yang Berhormat dari Permatang Pauh memberitahu penyokong-penyokongnya bersedia untuk menghadapi pilihan raya dan biarkan kedaulatan undang-undang itu perlu dijaga dengan elok

Kalau negara ini sudah tidak ada undang-undang, kita ini tidak bermakna di sini lagi bermakna kuasa undang-undang diambil alih oleh rakyat, itukah yang dikehendaki oleh kumpulan reformasi?

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Rule of law.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Rule of law, ya, betul Larut ya. Jadi, kalau kita mengetepikan undang-undang yang kita lulus bermakna kita yang tidak betul.

Kita mempertahankan undang-undang, polis menjalankan tugas dengan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat, sedangkan reformasi, kumpulan Gerak adalah wakil-wakil rakyat juga, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri yang meluluskan undang-undang.

Begitu juga Permatang Pauh tetapi bersama dengan kumpulan-kumpulan yang membuat undang-undang akhirnya marah pula kepada kerajaan menjalankan undang-undang yang ditugaskan kepada pihak keselamatan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia bangun pula.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya beri dia last.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tindakan Perdana Menteri terhadap bekas TPM berdasarkan kepada rule of law yang mana ini?

Dan yang kedua, soalan daripada Machang tadi, dia cabar Kelantan untuk buat pilihan raya, kita anytime boleh buat pilihan raya, tetapi syaratnya Perdana Menteri isytiharkan buat pilihan raya, anytime kita follow ikut belakang. Terima kasih.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional dia tak main belakang-belakang, dia gentleman, hak kecillah yang kena tunjuk dahulu, ada pula adik kecil khabak kepada abang yang besar: "Abang hang ni dahulu, aku kemudian." Tak bolehlah! Adik buat dahulu, kalau adik berani tunjuk hero adik itu, ini hendak tumpang orang mana boleh? Kemudian rule of law apa? Kita yang lulus undang-undang di sini. Yang Berhormat mewakili rakyat dalam kawasan Tumpat, bila kita bentang rang undang-undang dalam Dewan Rakyat, kita sokong, kita bahas sebelum rang undang-undang itu diluluskan, bermakna rakyat yang meluluskan undang-undang, Yang Berhormat kena faham. Polis hanya menjalankan tugas.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya tindakan Perdana Menteri terhadap bekas TPM berdasar kepada rule of law yang mana?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang ini hak dia!

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tolonglah jawab.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Duduk sekejap, saya hendak jawab.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya bersetuju, rule of law itu saya bersetuju.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Duduk sekejap, saya hendak jawab. Ini hak Perdana Menteri, hak dia, tahu atau tidak hak? Macam kita seorang bapa, bila isteri itu bersalin, hak dia hendak namakan anak dia, Awang, Meel, Samion, Bong dia namakanlah anak dia, hak dia, fasal apa pula Yang Berhormat persoalkan: “Fasal apa hang letak nama Mat?” Dia kata: “Anak aku, yang hang hendak ambil tahu fasal apa?” Yang ini masalah hak dia, Perdana Menteri, masalah kami dalaman, Yang Berhormat duduk di luar itu dok kacau apa? Yang Berhormat tidak kera pecat daripada PAS pun rahmat dah. Kalau saya jadi Presiden PAS tengok perangai macam Yang Berhormat, saya buang lama dah. *[Ketawa]* Sungguh! Tak layak!

Ini hak dia Perdana Menteri, dia hendak lantik sesiapa, esok dia hendak lantik saya jadi Timbalan Perdana Menteri, itu hak dia! *[Ketawa]* Saya doklah tang tu. Hah, itu hak dia, kalau rezeki saya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat sedar atau tidak dalam PAS juga soal pemecatan ini berlaku. Saya masih ingat lagi dalam Kerajaan Negeri Kelantan, seorang Exco dipecat kemudian pengerusi balak ditukar tiga, empat kali, perkara itu berlaku, tetapi orang UMNO tidak pernah mempertikaikan, malah parti Melayu Semangat 46 pada masa itu pun tidak mempertikaikan siapa yang PAS hendak tukar, siapa yang PAS hendak naik, siapa yang PAS hendak jatuhkan, itu soal dalaman parti dia, berlaku dalam PAS perkara ini. Pengerusi balak sebagai contohnya, tiga, empat orang ditukar dalam masa lima tahun, fasal katanya yang ini makan rasuah, yang ini dok berniaga balak, yang seorang Exco

itu berkuasa sahaja dua tahun buat rumah melaut besarnya. Mereka pernah ditukar perkara seperti ini berlaku juga dalam PAS tetapi tidak ada kecoh dan orang tidak mempertikaikan. Malah komponen sendiri pada masa itu, parti Melayu Semangat 46, kita tidak pertikaikan keputusan PAS, itu hak dia.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itu dia, Yang Berhormat dengar itu? Itu setakat Machang, saya tidak selesai lagi. Yang Berhormat kena faham, kita kena faham tugas, tanggungjawab dan hak kita. Saya tidak boleh pertikaikan Perdana Menteri saya kalau dia hendak lantik siapa yang jadi TPM, duduklah. Jadi, Yang Berhormat pun macam itu juga, jangan pertikaikan, ini hak dalaman UMNO .....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Nanti sekejap, tidak selesai lagi. Belum jawab lagi. Duduk sekejap, ini hak dalaman UMNO. Hak dalaman UMNO, biar UMNO yang menentukan, hak dalaman kerajaan biar kerajaan yang menentukan, Yang Berhormat duduk di luar itu jagalah di luar itu elok-elok, oh ini kita lantik sesiapa pun, Yang Berhormat hendak masuk campur buat apa, bukan Yang Berhormat beri sekupang pun kepada parti, bukan Yang Berhormat jadi ahli parti pun. Tak malukah dok jaga tepi kain orang. Tak malukah Yang Berhormat? Hendak letak muka di mana? Kalau misalnya Presiden PAS dok tegur UMNO, hang jagalah rumah tangga hang dahulu, rumah tangga hang berselerak, hendak jaga rumah tangga orang. Kain carek rata perbetulkan kain itu dahulu, tampung kain itu, ini hendak jaga apa rumah tangga kami? Perdana Menteri hak dialah, dia hendak letak sesiapakah, mana tahu dia teringat-teringat esok, dia teringat Machangkah hendak dijadikan Menteri Dalam Negeri, dia bubuhlah. Hah, siap, Tumpat kita bubuh dalam ISA dahulu. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Yang Berhormat Yan, memang hak itu, seseorang itu ada hak dia, tetapi kalau hak itu disalah gunakan .....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk][Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Ha, ini persoalannya, hak yang disalah gunakan ini yang dipersoalkan sekarang ini, yang menjadi question mark sekarang ini, hak yang disalah gunakan, Yang Berhormat faham perkara itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Cukuplah, jangan buang masa. Saya pun hendak berhenti, Tuan Yang di-Pertua sudah penat. Saya pun penat sudah lama bercakap, orang lainpun hendak bercakap juga.

Jadi, saya hendak minta .....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Lailahailallah! Isy! Orang tua ini.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Yang Berhormat Yan!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, di mana yang dikata disalah gunakan?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Sebagai contohnya, misalnya kita ada hak untuk menceraikan isteri, itu hak suami bukan hak suami. Tidak tahu fasal cerai sahaja isteri itu, kononnya ada berita-berita yang menyatakan isteri kita ini, itu dan ini, maka terus kita cerai. Menceraikan seorang isteri tanpa bukti dikutukkan oleh Allah S.W.T. Ini tidak betul! Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat dari Tumpat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini dia kena pergi Kedah sekarang ini, kita dok buat kempen cabut uban, pi cabut biar cerah kepala dia kot cerdik sedikit. *[Ketawa]*

Yang Berhormat kena faham, macam tadi kata suami isteri, itu hak suami, kadang-kadang dia naik 'cemuih' kepada isterinya dia tak mahu, dia datang balik, baik balikkah, fasal 'cemuih' sahaja. Tambah sekarang ini kadang-kadang, perkara ini kita telah serahkan kepada mahkamah, mahkamah dok bicara semua kes kilang kunyit dan sebagainya yang berlaku semua ini, jadi dok bicara.

Jadi, kita tidak boleh kata, tetapi sebagai Timbalan Perdana Menteri, dia merasakan timbalan ini tidak boleh lagi bekerjasama dengan dia, tidak sejalan dengan dia, barangkali tidak secocok dengan tanggungjawab dia, maka dia berasa dia tak mahu dah kawan ini jadi Timbalan Perdana Menteri. Pergilah elok-elok, hendak bergaduh apa? Kemudian kalau esok lusa dia teringin pula hendak ambil orang yang lain pula, dia ambil pula, tidak ada masalah. Kadang-kadang dia itu tidak jadi wakil rakyat pun, ambil jadi Senator terus jadi menteri, habuan dia, rezeki dia. Tuhan gerak hati Perdana Menteri hendak letak orang itu, terimalah! Yang Berhormat faham atau tidak qada dan qadar, faham atau tidak? Jangan dok bersyarah sahaja, faham tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat sudah cukuplah perkara ini, Yang Berhormat beralih kepada perkara lain pula ya, sudah cukuplah perkara itu.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, sabar ini, saya pun terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah tidak mahu pergi panjang-panjang lagi, penat dah ini pun, fasal hendak ajar orang-orang tua ini berasa penat, kelas dewasa pun tak teruk seperti ini saya dok ajar. Tumpat ini kita sudah terangkan daripada tadi tak faham-faham juga, Arau 'kue-kue' faham dah. *[Ketawa]* Marang faham atau tidak faham saya pun tak tahu, dia dok senyap-senyap sahaja di situ.

Walau bagaimanapun, saya menyerulah kepada semua tokoh-tokoh politik dalam Dewan Rakyat ini ingatlah, bahawa generasi masa depan rakyat Malaysia mengharapkan kita hari ini, bermakna kalau kita bawa negara ini ke arah yang kucar-kacir maka insya-Allah anak cucu kita akan bangkit dan mereka akan menentang dan memaki hamun kepimpinan kita pada hari ini. Sekian, saya menyokong.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya ramai sangat yang hendak berucap ya. Bolehkah Yang Berhormat hadkan ucapan, kita ada tiga hari lagi, minta hadkan kepada, berapa minit yang elok?

**Seorang Ahli:** Setengah jam.

**Tuan Yang di-Pertua:** 20 minit ya. Ya, ya, saya hendak minta hadkan selama 20 minit, jangan melencong jauh-jauh sangat ya. Santubong.

**3.49 ptg.**

**Puan Rohani binti Haji Abd. Karim [Santubong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil bahagian dalam Ucapan Belanjawan 1999 yang telah dibentangkan pada 23 Oktober 1998 yang baru lalu.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan belanjawan yang berhemat dan memerlukan sokongan padu daripada sekalian rakyat jelata di Malaysia. Walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi, kerajaan kita masih lagi memberi pelbagai kemudahan kepada rakyat seperti cuti hari Sabtu pada setiap bulan dan cukai bagi tahun 1999 dihapus kira bagi membolehkan pekerja dicukai secara taksiran iaitu cukai berasaskan pendapatan tahun semasa dan sistem taksiran sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai isu dan masalah dalam industri pelancongan khususnya di negeri Sarawak. Sektor pelancongan telah diberi penekanan di dalam Belanjawan 1999 di mana sejumlah RM313 juta telah diperuntukkan untuk industri pelancongan di Malaysia. Daripada jumlah tersebut RM143 juta adalah untuk promosi di luar negara iaitu melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan sejumlah RM170 juta disediakan untuk industri pelancongan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia sedar akan kepentingan sektor ini dalam menyumbangkan kepada pendapatan negara iaitu dijangka menghasilkan pendapatan pertukaran asing kepada RM14.4 bilion. Tidak dapat dinafikan juga bahawa sektor pelancongan dapat membantu membawa masuk pertukaran asing walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi dan sedikit sebanyak dapat membantu membangunkan ekonomi kita.

Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memainkan peranan yang lebih agresif untuk menarik lebih ramai pelawat asing datang ke negara kita kerana merekalah yang akan membawa masuk pertukaran wang asing. Saya juga ingin menyarankan agar semua wakil rakyat dari Malaysia iaitu dari Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, yang menghadiri persidangan di luar negara dimestikan untuk memainkan peranan aktif menggalak rakan sejawat di luar negara melancong ke Malaysia dengan membawa risalah dan brochure mengenai Malaysia dan negeri masing-masing. Saya telah melihat sendiri akan keberkesanan cara ini, iaitu menggunakan dengan izin, interpersonal relationship iaitu kita dapat bercerita keindahan negara kita yang dicintai ini.

Selain daripada meningkatkan usaha membawa pelancong asing ke negara kita, usaha juga perlu digunakan untuk mengurangkan rakyat tempatan daripada melancong ke luar negara untuk mengelakkan pengaliran ke luar Ringgit kita. Oleh itu, pembangunan industri pelancongan mestilah juga menitikberatkan keperluan rakyat tempatan dan sebagai contoh seperti yang telah digariskan oleh Pelan Induk Pelancongan Kedua Negeri Sarawak. Pembangunan industri pelancongan haruslah ditujukan kepada menyediakan kemudahan-kemudahan dan aktiviti-aktiviti kepada rakyat tempatan terlebih dahulu kerana bila terdapat permintaan yang tinggi daripada rakyat, sudah tentunya kemudahan-kemudahan dan tarikan-tarikan lain akan dibangunkan. Justeru itu, langkah ini akan dapat menarik pelawat asing ke destinasi tersebut.

Langkah kerajaan untuk menjadikan cuti pada satu hari Sabtu setiap bulan amatlah dialu-alukan kerana ianya akan meningkatkan lagi peluang untuk rakyat kita mengadakan aktiviti beriadah bersama keluarga. Sehubungan itu, kerajaan perlulah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti pelancongan domestik. Dengan itu, selain daripada dapat mengurangkan rakyat kita bercuti ke luar negara kita dapat menghasilkan rakyat yang sihat bahkan hubungan kekeluargaan yang lebih erat akan lebih terjalin kerana ada masa hujung minggu yang terluang.

Pada tahun 1987, seramai 1,149,984 pelawat asing telah datang ke Sarawak iaitu peningkatan sebanyak 11.53% daripada tahun sebelumnya. Jika dibandingkan dengan setengah tahun pertama 1997, terdapat peningkatan sebanyak 22% dalam jumlah kedatangan pelawat asing ke Sarawak pada tahun 1998. Sehubungan itu, walaupun negara sedang menghadapi masalah ekonomi namun bagi negeri Sarawak kedatangan pelawat asing masih berada pada tahap melebihi 20 peratus seperti tahun-tahun yang lepas.

Untuk menjamin kestabilan pertumbuhan sektor pelancongan di Sarawak maka haruslah diambil kira beberapa masalah atau isu yang perlu ditangani seperti yang berikut, pertama, accessibility. Sarawak adalah negeri yang terletak di sebelah Selatan kepulauan Borneo di mana kemasukan melalui udara adalah merupakan laluan utama bagi pelawat untuk masuk ke Sarawak.

Walau bagaimanapun terdapat kekangan dalam kemasukan melalui udara kerana buat masa sekarang laluan udara di Sarawak dikuasai oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). MAS perlu mengkaji akan perkara tersebut dan mengambil langkah-langkah tertentu supaya musim-musim perayaan dan cuti sekolah di mana ramai rakyat tempatan akan balik ke kampung masing-masing atau melancong dalam Malaysia tidak akan mengganggu penempahan pelawat asing yang ingin datang ke Sarawak. Penerbangan tambahan atas permintaan musim yang diadakan sepatutnya tidak mengganggu jadual asal penerbangan harian.

Melalui maklum balas yang diterima, terdapat rungutan daripada penduduk Semenanjung Malaysia yang ingin melawat Sarawak mengadu bahawa harga tiket kapal terbang ke Sarawak adalah terlalu mahal. Ada yang menyatakan lebih baik ke luar negara seperti ke Hong Kong daripada ke Sarawak kerana pakej ke Hong Kong yang termasuk penginapan dan kemudahan lain adalah lebih murah. Sebagai contoh, untuk tiga hari dan dua malam bermula daripada RM1069.00 untuk seorang dewasa, jika dibandingkan ke Sarawak yang tambangnya pergi balik adalah RM534.00 untuk kelas ekonomi waktu siang dan tidak termasuk penginapan dan kemudahan lain.

Lain-lain pesawat yang mendarat di Sarawak adalah Singapore Airline iaitu dua kali seminggu, Royal Brunei Airline tujuh penerbangan ke Kuching dan empat belas ke Miri dan Air Asia tujuh pendaratan seminggu,

Kita bernasib baik kerana Royal Brunei Airline dapat membantu membawa ramai pelawat asing ke negeri Sarawak melalui Brunei. Royal Brunei Airline juga ada membuat penerbangan langsung ke Mulu iaitu tujuh kali seminggu dan ini sedikit sebanyak dapat membantu dalam usaha kerajaan negeri untuk membawa lebih ramai pelawat berkunjung ke Taman Negara Mulu.

Penerbangan tujuh kali seminggu oleh Air-Asia juga telah dapat membantu dalam membawa lebih ramai pelawat ke negeri Sarawak kerana tambangnya yang lebih murah.

Sarawak mempunyai dua pintu masuk yang utama iaitu melalui Kuching dan Miri. Sarawak masih belum mempunyai keupayaan untuk menerima pesawat jenis 747. Landasan kapal terbang yang terpanjang di Sarawak hanyalah di Kuching yang dapat menampung pendaratan Airbus A300.

Manakala Miri hanya mampu menampung pendaratan Boeing 737 dan pesawat kecil yang lain. Walaupun terdapat aktiviti pembangunan infrastruktur di lapangan terbang di Negeri Sarawak terdapat beberapa kekekangan yang harus diambil perhatian sekiranya industri pelancongan diberi penekanan untuk menyumbang kepada pendapatan negara seperti:

- i. Apron parking di Kuching dan Miri tidak mencukupi untuk pesawat bermalam;
- ii. isu keselamatan di Bintulu dan Limbang di mana kedudukan lapangan terbang adalah di kawasan bandar;
- iii. jumlah pelawat ke Mulu tersekat kerana terpaksa menggunakan pesawat yang kecil; dan
- iv. menambahkan lagi laluan antarabangsa melalui Kuching.

Sekarang saya hendak menyentuh sedikit mengenai perkhidmatan udara di pedalaman. Kebanyakan perkhidmatan udara di pedalaman tidak dilengkapi dengan

sistem penempahan MAS dan ini telah menimbulkan pelbagai masalah di kalangan pelawat untuk membuat tempahan seterusnya. Contohnya di Mulu sekiranya pelawat ingin ke destinasi lain mereka terpaksa menunggu sampai ke Miri untuk membuat penempahan seterusnya. Pembatalan tempahan melalui 'Rural Air Service' tidak dikenakan sebarang yuran. Oleh itu pihak-pihak tertentu membuat penempahan ini walaupun mereka tidak mempunyai pelanggan seramai yang ditempah. Ini menyebabkan orang lain sukar untuk mendapat tiket dan terpaksa beratur untuk waiting list dengan izin. Pembatalan dan penangguhan penerbangan juga kerap kali berlaku disebabkan oleh keadaan cuaca dan penerbangan yang dihadkan pada waktu siang sahaja. Sebagai contoh, ramai pelawat yang merungut mengenai penerbangan ke Mulu kerana mereka terpaksa menunggu lama jika penerbangan dibatal ataupun ditangguhkan dan ini sudah semestinya akan mengganggu jadual perjalanan mereka. Oleh itu, dicadangkan agar lapangan terbang di Mulu diperlengkapkan dengan Sistem Instrumen Pendaratan (ILS) untuk memudahkan pendaratan.

Diharap pihak berkenaan mengambil langkah yang tertentu mengenai masalah di atas kerana perkhidmatan yang diberi akan menentukan kualiti industri pelancongan. Melalui pengalaman yang baik para pelawat akan menjadi duta untuk mempromosikan sesuatu destinasi.

Sedikit mengenai pembangunan sumber manusia dalam pelancongan. Pada tahun 1997 seramai 123 orang pemandu pelancong dari Sarawak telah mendapat lesen daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Untuk 1998, cuma 73 sahaja yang telah memperbaharui lesen mereka. Jumlah pemandu pelancong adalah tidak mencukupi jika dibandingkan dengan luas kawasan negeri Sarawak. Tahap profesional pemandu pelancong juga didapati tidak memuaskan terutama dari segi kemahiran interpretasi.

- v. Pengendalian Kursus Asas Pemandu Pelancongan telah diserahkan kepada institusi yang diiktirafkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di mana ianya dianjurkan sekali dalam setahun. Walau bagaimanapun untuk tahun 1998 kursus tersebut belum lagi dianjurkan.

Maklum balas yang diterima daripada para peserta menyatakan bahawa sukatan kursus tersebut adalah terlalu umum iaitu tidak memberi penekanan kepada negeri Sarawak di mana graduan daripada kursus tersebut didapati kurang mahir dalam menginterpretasikan produk-produk yang ada di Sarawak. Oleh itu, adalah dicadangkan bahawa sukatan kursus tersebut haruslah difokuskan kepada input setempat. Jangka masa untuk menjalani kursus tersebut adalah juga terlalu panjang jika dijalankan secara serentak. Ini menyebabkan ramai yang berminat untuk menyertai tidak dapat hadir kerana komitmen kerja.

Oleh kerana sukatan kursus pemandu pelancong adalah daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan adalah diharapkan juga kursus lanjutan atau pengulangan diadakan dari masa ke semasa untuk menjamin kualiti pemandu pelancong secara keseluruhannya. Kalau boleh, setiap agensi pelancongan perlu diwajibkan menghantar pemandu pelancong untuk menghadiri kursus tersebut di atas sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.

Mengenai pembangunan produk pelancongan, banyak tempat-tempat atau aktiviti-aktiviti menarik dan berpotensi untuk dijadikan produk pelancongan terutamanya di kawasan luar bandar telah dikenalpastikan. Memandangkan jumlah peruntukan bagi pembangunan produk pelancongan adalah amat terhad, banyak tempat tidak dapat dibangunkan atau diperluaskan untuk tujuan pelancongan ini.

Jumlah peruntukan Kerajaan Pusat kepada Jabatan Pelancongan Sarawak untuk pembangunan produk pelancongan adalah sebanyak RM140,000.00 sahaja untuk tahun 1997 dan RM100,000.00 untuk tahun 1998. Jumlah peruntukan hanyalah untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti yang telah disenaraikan di dalam dengan izin, 'Tourism Calendar of Events'. Manakala untuk Jabatan Perhutanan Sarawak jumlah peruntukan adalah sebanyak RM285,940.00 untuk tahun 1997 dan RM650,000.00 untuk tahun 1998. Jumlah ini adalah tidak mencukupi untuk menyediakan kemudahan-kemudahan untuk kesemua Taman Negara di Negeri Sarawak iaitu terdapat 7 Taman Negara di Negeri Sarawak yang dibuka untuk orang ramai.

Diharap lebih banyak peruntukan dapat diberi kepada Jabatan Pelancongan Negeri Sarawak untuk membangunkan produk-produk pelancongan selain daripada yang diberikan kepada Jabatan Perhutanan Sarawak.

Sarawak juga mempunyai potensi yang tinggi untuk menganjur aktiviti-aktiviti sukan yang bertaraf antarabangsa kerana mempunyai kemudahan-kemudahan prasarana yang bertaraf antarabangsa yang pernah diadakan di Sarawak adalah seperti The Raid Galouises, Tour De Langkawi, FIFA/Coca Cola World Youth Championship 1997, Larian Saberkas Trans Borneo dan Trailthon. Kemudahan-kemudahan tersebut haruslah digunakan dengan sepenuhnya kerana dengan menganjurkan aktiviti sukan yang bertaraf antarabangsa secara tidak langsung akan membawa lebih ramai pengunjung datang ke negara kita dan selain daripada beraksi dalam aktiviti sukan, mereka juga berkesempatan untuk melawat tempat-tempat yang menarik.

Mengenai program Malaysia DestinasiKu, program ini adalah merupakan aktiviti tahunan Lembaga Penggalakan Pelancong Malaysia yang bertujuan untuk memperkenalkan produk pelancongan setiap negeri kepada pengusaha-pengusaha pelancongan atau kumpulan insentif yang terpilih.

Untuk memastikan program ini lebih berjaya, adalah dicadangkan supaya tuan rumah sendiri terlibat secara langsung terutamanya dalam menentukan siapa pengusaha peserta yang perlu dijemput dan tempat-tempat yang perlu dilawat atau didedahkan kepada peserta.

Tuan Yang di-Pertua, pelancongan di Sarawak akan memainkan peranan yang penting dalam ekonomi memandangkan kekayaan produk pelancongan yang ada di Sarawak terutama dari segi alam sekitar dan kebudayaan (CAN). Jika semua pihak dapat menerima kenyataan bahawa pelancongan adalah industri untuk semua, pihak yang bertanggungjawab terhadap promosi dan pembangunan produk haruslah sedar bahawa peningkatan ketibaan pelawat ke Sarawak haruslah bersamaan dengan peningkatan dalam ketibaan pelawat ke Malaysia iaitu bersamaan dengan kejayaan promosi oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 'Tourism Is People's Industry'. Ia merupakan industri yang memerlukan kerjasama dari setiap lapisan masyarakat.

Sekiranya industri pelancongan di Sarawak mendapat sumber-sumber yang diperlukan dan pengurusan yang baik untuk memajukan industri pelancongan, Insyaa-

Allah, kita akan dapat membantu mengurangkan masalah kegawatan ekonomi kita sekarang dan juga meningkatkan pendapatan negara di masa akan datang. Pengurusan berkekalan terhadap pembangunan produk pelancongan seperti alam sekitar dan kebudayaan akan membolehkan generasi akan datang menikmati keindahan semula jadi dan kebudayaan yang berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan sumbangan dan penyertaan wanita, saya mengucapkan setinggi terima kasih atas pengiktirafan yang telah diberi kepada wanita dalam pembangunan ekonomi negara. Seterusnya kerajaan telah mengambil iktibar bahawa adalah perlu bagi wanita dilatih dalam bidang perindustrian, kemahiran dan teknologi terkini selaras dengan keperluan industri dan bahawa adalah penting latihan kemahiran ini diberi secara berterusan. Saya sekali lagi, bagi pihak kaum wanita, merakamkan setinggi penghargaan atas peruntukan sebanyak RM50juta sebagai bantuan sokongan kepada program latihan tersebut.

Walaupun sokongan telah diberi kepada wanita tetapi ianya tidak mencukupi setakat melatih bagi meningkatkan potensi kaum wanita. Di sini saya ingin berkongsi pengalaman yang baru saya perolehi semasa menghadiri mesyuarat Commonwealth Women Parliamentarian di Wellington, New Zealand baru-baru ini, iaitu kami telah berbincang dengan rancaknya mengenai tajuk yang begitu relevan, iaitu dengan izin, Tuan Yang di Pertua, 'The Role of Women In Creating Prosperity Through Paid And Unpaid Work'. Yang menjadi perbincangan hangat adalah bagaimana hendak meletakkan nilai bagi sumbangan wanita, khasnya bagi sumbangan yang tidak bergaji, seperti mengasuh dan mendidik anak dan keluarga, menjalankan kerja-kerja kebajikan, memelihara mereka yang tua dan cacat, mengusahakan kebun bagi menampung perbelanjaan keluarga dan sumbangan terhadap kesejahteraan keluarga. Kebanyakan sumbangan wanita tidak diambil kira apabila membuat perkiraan dalam GDP negara. Saya berharap HAWA akan meneruskan kajiannya dan tindakan untuk cuba memberi nilai atas sumbangan wanita, khasnya dalam kategori dengan izin, 'unpaid contribution'.

Tuan Yang di Pertua, saya cukup tertarik hati dengan beberapa kajian dan tindakan yang telah dijalankan oleh beberapa negara yang ada di perbincangan tersebut yang mana saya sarankan agar HAWA mengambil tindakan susulan. Networking ini sangat penting untuk memperbaiki lagi tindakan yang telah diambil untuk memajukan wanita di Malaysia. Saya sarankan agar HAWA mendapatkan senaskah *Gender Based Analysis: A Guide for Policy Making* terbitan negara Canada. Mereka boleh dihubungi melalui internet Vilas swc-cfc.gc.ca. Satu perkara yang saya ingin rakamkan di sini iaitu dalam banyak negara di persidangan tersebut Malaysia adalah satu-satunya yang begitu serius mengenai pembangunan wanita khususnya dengan menyediakan Dasar Wanita Malaysia (National Policy on Women). Saya akan tetap membawa dan menyebarkan mengenai kepada negara-negara lain mengenainya dasar ini yang mementingkan kerjasama dan perkongsian peranan antara lelaki dan wanita dalam pembangunan negara sejak tahun 1989 lagi.

Tuan Yang di Pertua, saya berharap beberapa saranan yang telah diutarakan akan diambil kira oleh pihak kerajaan demi untuk memantapkan lagi pembangunan ekonomi negara kita, khususnya dalam masa kegawatan ini. Dan saya rasa cukup yakin bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengambil langkah dalam masa yang terdekat ini untuk memulihkan ekonomi dan mengekalkan kemerdekaan negara yang kita cintai ini. Se kian, saya turut menyokong.

**Tuan Yang di Pertua:** Bagan.

#### **4.11 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Mula-mula saya ingin membangkitkan berkenaan dengan cukai pendapatan. Pada sidang dua tahun yang lalu saya pernah membangkit di sini bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri perlu membekalkan kepada pembayar cukai satu statement of account iaitu penyata cukai pada tiap-tiap tahun bagi setiap pembayar cukai. Oleh kerana sekarang pekerja-pekerja atau penggaji-penggaji yang bekerja dengan majikan mereka perlu dipotong gaji bulanan mereka untuk membayar cukai pendapatan mereka dan ada di kalangan

pekerja-pekerja berpendapat bahawa mereka tidak perlu lagi mengisi borang taksiran untuk ditaksirkan cukainya dan kebanyakan pekerja-pekerja langsung tidak mengisikan atau tidak melengkapkan borang taksiran mereka itu. Dan mereka pun tidak tahu sama ada mereka ada wang baki dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri atau mereka masih hutang kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Semasa menjawab soalan saya itu, Timbalan Menteri Kewangan ada berkata bahawa beliau akan mengarahkan Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk mengkaji perkara ini dan sehingga sekarang tidak ada apa-apa tindakan diambil. Saya berharaplah supaya kerajaan mengambil berat tentang hal ini. Jikalau EPF, jikalau bank-bank komersial, semua boleh membekalkan penyata akaun mereka masing-masing, mengapa tidak boleh Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di Pertua, satu masalah berkenaan dengan Jabatan Pengakutan Jalan (JPJ) di Pulau Pinang ialah penyediaan tapak untuk pemohon-pemohon GDL iaitu setiap pemohon jikalau hendak memohon satu lencana memandu kereta perdagangan, misalnya van, lori kecil, mereka perlu memohon satu badge supaya layak berjalan di atas jalan, dan pada masa sekarang, kerana ada peraturan baru untuk menguji permohonan ini maka JPJ, saya tidak faham sama ada ini dipakai guna di seluruh negara, dan saya hanya mendapat pengaduan dari pemohon-pemohon di Pulau Pinang mereka tidak boleh memohon badge GDL ini kerana institut-institut memandu di Pulau Pinang tidak upaya atau belum siap lagi tapak-tapak untuk ujian ini. Oleh sebab itu, JPJ langsung tidak boleh menjalankan ujian terhadap pemohon ini. Saya tidak tahu sama ada di negeri-negeri Kedah, seperti Perak, Selangor, menghadapi masalah itu atau tidak, tetapi di Pulau Pinang ini adalah satu masalah.

Pada pendapat saya, tapak ujian untuk menguji pemohon perlu disediakan oleh JPJ. JPJ kalau hendak pihak swasta menyediakan tapak maka institut memandu perlu membelanjakan satu jumlah wang yang besar untuk menyediakan tapak dan tentu perbelanjaan yang besar ini akan discharge atas pemohon-pemohon. Pada masa sekarang seorang pemohon jikalau hendak meminta satu GDL mungkin akan belanja sehingga RM1,000, Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan satu lesen ini. Dan kebanyakan orang-orang yang hendak meminta GDL ini mereka mestilah golongan

pekerja, mestilah golongan yang tidak boleh menjalankan kerja-kerja kerani, tidak ada professional, mereka hanya buruh kasar, untuk memandu van, kereta, atau bas, atau van mini, untuk mencari satu rezeki.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu bulan yang lepas ini kami telah menyaksikan pihak polis telah tidak begitu sabar untuk menangani suspect-suspect yang bersenjata. Dalam beberapa peristiwa itu di Selangor, Balakong, lebih kurang lima atau enam orang telah ditembak mati, termasuk seorang wanita yang hamil, anak dalam kandungannya pun terus terkorban. Di Kelantan juga ada beberapa orang telah ditembak mati dan baru-baru ini di Nilai ini, seorang suspect juga ditembak mati dan di Nilai ini suspect ini langsung tiada senapang, atau tiada senjata api dan beliau cuma di suspect ada mencuri, dan satu masalah telah timbul di antara kalangan rakyat, bahawa mengapa polis hendak menghapuskan sekali suspect-suspect ini. Pihak polis ada kelebihan, mereka pergi mengurung atau mereka pergi cuba menangkap suspect ini dengan anggota yang ramai dan mereka ada senapang dan mereka ada berbagai-bagai senjata, takkan tidak boleh beri peluang kepada orang-orang dalam rumah itu yang disyaki adalah kumpulan yang jahat untuk menyerah diri. Senang sahaja apabila boleh dituduh, mereka menembak dahulu, tetapi jikalau mereka menembak dahulu pun bagi pihak polis mereka ada kelebihan. Mereka ada di sekitaran. Mungkin jauh jaraknya boleh ditembak dengan pistol, tetapi dengan rifle, dengan submachine gun, dengan bermacam-macam senjata yang canggih, jarak menembak mesti ada melebihi apa yang boleh dilakukan oleh suspect-suspect itu.

Saya pernah membangkitkan satu soalan dalam Dewan Rakyat ini sama ada kerajaan ada menjalankan siasatan terhadap kes-kes seperti ini atau adakan satu inquiry court untuk menyoal siasat, go deep into the inquest, dengan izin, tentang setiap kes, dan jawapannya ada, setiap kematian atau kejadian itu ada dijalani oleh satu inquiry court, tetapi jarang kami baca dalam surat khabar atau satu pengumuman yang dibuat oleh kerajaan berkenaan dengan apa-apa kes yang terjadi sama ada ini adalah salah laku oleh mana-mana pihak. Saya ingat rakyat meminta satu penjelasan dari Kementerian Dalam Negeri mengapa kelakuan kekejaman ini boleh berlaku sedangkan Malaysia ini,

semua rakyat cintakan nyawa, dan jikalau seorang pemandu di atas jalan ternampak seekor ayam melintasi jalan, beliau akan berhati-hati, cuba elak melanggar ayam itu, dan apatah nyawa seorang manusia dengan tiba-tiba ditembak sehingga mati. Saya ingat peristiwa ini perlulah direnung, perlulah diambil berat oleh kerajaan, supaya nama baik pasukan polis dan kerajaan dapat dipertahankan dan juga nyawa bukan begitu senang sahaja dikorbankan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan penjara, kehidupan penjara. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kami kebanyakan orang ada berpendapat bahawa penjara itu adalah satu tempat untuk mengurung orang jahat tetapi apabila Yang Berhormat Kota Melaka masuk ke penjara, Penjara Kajang, timbullah beberapa isu iaitu kehidupan-kehidupan dalam penjara, barulah saya rasa bahawa banyak perkara perlu diperbaiki dalam penjara.

Sebenarnya saya ada mengemukakan satu soalan pada sesi ini, saya cuba baca Tuan Yang di-Pertua, meminta Menteri Dalam Negeri menyatakan Peraturan Penjara 1953 untuk banduan-banduan. Sila beri keterangan khas mengenai layanan di dalam penjara terhadap Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng bagi tempoh 18 bulan yang beliau perlu alami. Jawapannya sangat mengecewakan iaitu layanan terhadap Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng sepanjang tempoh hukumannya di penjara adalah sama seperti yang diterima oleh lain-lain banduan. Ini adalah selaras dengan Peraturan Penjara 1953, Kaedah 3(1)(a)(b)(c).

Tuan Yang di-Pertua, bukan saya sengaja mahu membela nasib Yang Berhormat dari Kota Melaka kerana saya ada dengar aduan melalui beliau bahawa layanan mereka dalam penjara adalah sangat sengsara, sangat susah, misalnya dikata apabila ini cuma dipakai umum bukan untuk Yang Berhormat dari Kota Melaka sahaja. Beliau dihantar masuk ke penjara, beliau tidak diberi sebarang katil atau matress, dengan izin, dan beliau hanya boleh tidur di atas lantai simen. Cuba bayangkan seorang manusia jikalau tidur atas simen untuk satu minggu tidak payah cakap sampai berapa bulan, apa boleh terjadi kepada beliau, macam mana dengan pinggang dia, macam mana tulang belakang dia, tidak boleh tahan kadang-kadang dalam cuaca panas kami tidur di atas lantai, satu,

dua jam, buat dua, tiga kali sahaja kita pun rasa susah dan inilah antara yang di kempelinkan dan juga makanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar bahawa banduan-banduan diberi makanan yang kurang zat. Mereka hanya diberi nasi dengan sedikit sayur atau kadang-kadang sedikit ikan masin, itu sahaja. Tidak tahulah sama ada kerajaan membelanjakan jumlah satu tender atau satu jumlah yang besar kepada penender-penender atau pemborong pembekal makanan, sama ada ini ada dijalankan dengan mengikut keadaan-keadaan atau syarat-syarat, saya tidak tahu. Tetapi makanan di dalam penjara amatlah susah dinikmati oleh banduan-banduan dan juga pada hari minggu, mereka makan malam iaitu dinner diberi pada pukul 2.30 petang, jikalau banduan itu lapar pada 2.30 petang atau pukul 3.00 petang, dia makan terus nasi dia, malam langsung dia tidak boleh tidur kerana kelaparan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, satu ayat lagi. Jadi banduan-banduan menerima dinner mereka iaitu pada 2.30 petang, mereka kena simpan nasi itu sehingga pukul 6.00 petang atau 7.00 malam baru berani makan. Jika tidak, nanti larut malam kerana perut lapar tidak boleh tidur sampai esok pagi.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Minta penjelasan Yang Berhormat. Saya dengar cerita ini kasihan juga, seolah-olah semua banduan dalam penjara itu nampak macam kebuluran tidak ada makanan, mungkin kurus kering macam orang Somalia, tetapi yang saya lihat ialah kebanyakan mereka badannya tegap-tegap. Cuma yang saya hendak tanya Yang Berhormat, kenapa waktu sekarang sahaja baru Yang Berhormat bangun, bangkit bertanya mengenai makanan dan layanan, adakah ini oleh kerana Yang Berhormat DAP yang berada di dalam, kalau tidak ada ahli DAP maka Yang Berhormat tidak mungkin akan ambil peduli. Bermaknanya ini adalah satu self-interest bukan interest untuk orang awam. Ini minta penjelasan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, awal-awal tadi saya sudah cakap, kami ingat penjara itu satu tempat untuk mengurung orang-orang jahat dan tidak ramai

orang ambil perhatian kepada mereka ini kerana kemasukan Yang Berhormat dari Kota Melaka dalam penjara maka aduan ini telah disebar keluar dan saya bangkitkan hal ini bukan untuk meminta layanan yang khas atau istimewa hanya kepada Kota Melaka. Sebenarnya melalui kompelin yang dibuat oleh Kota Melaka, ada sedikit perubahan dalam penjara misalannya, mula-mula apabila Yang Berhormat Kota Melaka masuk ke penjara mereka tidak dapat minum air masak, air minuman cuma dapat diambil dari pancur, dari pancur terus ambil, terus minum. Oleh sebab itu beliau telah dapat cirit birit dan beliau membuat complain dan sekarang selepas pengaduan itu, baru sekarang penjara ada membekalkan air masak kepada setiap banduan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang ditimbulkan oleh Bagan itu, yang pentingnya adakah makanan dibekalkan mengikut standard yang diluluskan oleh kerajaan sebab pengalaman kami dalam Kem Kamunting dulu, peruntukan sama. Bila kami mogok dan memberontak barulah dapat ditukar ikan kembong kepada ikan senangin tanpa menambah peruntukan. Ertinya kontraktor itu tidak ikut spesifik yang diluluskan oleh kerajaan, eloklah ditimbulkan perkara ini sebab kita bimbang peruntukan misalnya ikan senangin atau ikan bawal tetapi yang diberi kembong pecah perut. Jadi ini setelah kami buat bantahan barulah diberi ikut spesifik yang ditentukan oleh Kem Kamunting. Jadi dalam penjara saya rasa lagi teruk perkara-perkara seperti ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya pun ada menyentuh perkara ini, mungkin kerajaan ada membelanjakan satu jumlah yang besar untuk menenderkan pembekalan makanan-makanan ini mungkin juga. Sebab itulah saya meminta kerajaan supaya menjalankan satu siasatan. Lagi pun Tuan Yang di-Pertua, peraturan penjara ini dirumus pada tahun 1953. Pada thun 1953 seperti masa saya masih kecil, apa makanan kami makan. Pagi, kopi O dengan biskut, satu sarapan pagi tetapi orang sekarang, mentega mahu, cheese mahu, butter mahu, semua mahu, itu keperluan sudah berubah. Tengah hari apabila makan nasi, dahulu nasi putih taruh kicap sahaja, lain tidak ada, makan begitu juga, itu tahun 1953. Tetapi sekarang apabila

makan nasi kena tambah lagi ini, tambah lagi itu, tambah lagi macam-macam, keperluan tidak serupa sekarang.

Jadi perlulah Peraturan Penjara 1953 ini dikaji semula supaya memberi satu layanan yang lebih baik kepada banduan-banduan. Tuan Yang di-Pertua, lagi pun ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa tidak panjang lagi

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, lagi sikit Tuan Yang di-Pertua, lagi pun kami haraplah banduan-banduan selepas menjalankan hukuman penjara mereka, keluar seperti seorang yang telah berubah sikapnya, keluar seperti seorang yang sihat dan fikirannya berubah baik dan boleh memberi sumbangan kepada masyarakat kita ini dan bukan hendak menjadikan seorang banduan itu seorang yang lemah, seorang berpenyakit dan keluar menjadi beban masyarakat pula. Sekian sahaja

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Lumut.

**4.30 ptg.**

**Dr. Yap Yit Thong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I kerana telah membentang dengan jayanya Belanjawan 1999 yang diterima baik oleh setiap lapisan masyarakat. Belanjawan tersebut tidak membebankan kerana hampir tiada kenaikan cukai walaupun terdapat satu defisit sebanyak RM16.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, selama sepuluh tahun negara kita telah mengalami kemakmuran dan kemajuan dengan kadar purata sebanyak 8%. Oleh kerana aktiviti spekulator mata wang negara kita dilanda oleh satu kegawatan ekonomi yang telah menyebabkan pertumbuhan negatif 4.8% pada tahun ini. Kegawatan ekonomi tersebut bermula di negara Thailand dan kemudian merebak ke negara lain di rantau Asia, negara Russia dan negara-negara Latin Amerika juga mengalami kesan kegawatan ekonomi yang buruk. Di semua negara berkenaan, kemerosotan ekonomi telah menurunkan nilai mata wang serta nilai pasaran saham mereka. Di pasaran saham Kuala Lumpur permodalan pasaran saham (stock market capitalization) telah jatuh

daripada RM900 bilion pada tahun yang lalu kepada RM300 bilion pada tahun ini. Nilai Ringgit jatuh kepada RM4.80 berbanding dengan US\$1.00. Oleh sebab keruntuhan ekonomi negara-negara seperti Thailand, Indonesia dan Korea Selatan terpaksa mendapat bantuan daripada IMF kerana kebanyakan rakyat mereka telah hilang pekerjaan dan berjuta-juta orang miskin terpaksa hidup di bawah paras kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, negara Hong Kong telah membiayai RM57 bilion untuk menahan pasaran sahamnya daripada serangan spekulator mata wang. Malangnya tindakan seperti ini tidak dapat diikuti oleh pihak lain kerana bukan setiap negara yang mempunyai simpanan wang asing yang tinggi serta mencukupi seperti Hong Kong. Sehubungan ini dunia kita memerlukan satu sistem untuk mengawal hedge fund serta membetulkan sistem kewangan antarabangsa supaya aktiviti spekulator mata wang dapat dikawal. Untuk melindungi ekonomi kita kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan kawalan pertukaran wang asing dan kawalan modal. Tindakan tersebut adalah baik dan sangat dialu-alukan kerana ia akan melindungi Ringgit serta pasaran saham kita daripada serangan spekulator mata wang. Walau bagaimanapun saya berpendapat bahawa tindakan ini hanya boleh dilaksanakan dalam masa jangka pendek sahaja dan tidak sesuai dikekalkan kerana ia boleh menimbulkan satu pasaran haram pertukaran wang asing (black market for foreign exchange). Tambahan pula kawalan pertukaran wang asing akan menyusahkan serta mengurangkan perdagangan Malaysia dengan negara lain. Buat masa ini Malaysia merupakan sebuah negara perdagangan ke-17 besar dalam dunia dan untuk mengekalkan kedudukan ini bukan senang khasnya dalam persaingan perdagangan yang hebat. Dalam masa jangka panjang kawalan modal serta kawalan pertukaran wang asing boleh menjejaskan perdagangan serta kedudukan kita sebagai negara perdagangan dalam dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan modal merupakan sebagai, dengan izin, the means to an end, it is not the end of itself. Pada masa pelaksanaannya pihak kerajaan perlu mencari langkah-langkah lain untuk mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi, contohnya kelemahan dalam sistem kewangan dan perbankan di negara kita harus diperbetulkan dan sebarang kesalahan dan kecuaiannya dilakukan oleh bankers perlu diberi

hukuman. Bank-bank kita mesti lebih bertanggungjawab serta telus. Walaupun saya mengalu-alukan penubuhan Danaharta, Danamodal dan CDRC atau dengan izin, Corporate Debt Restructuring Committee, saya ingin menegaskan bahawa pada masa yang sama kita perlu mementingkan pengurusan yang lebih cekap, telus dan berintegriti.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini saya ingin tahu jenis kriteria yang digunakan oleh CDRC untuk mengenal pasti syarikat-syarikat yang perlu distruktur semula. Pada pendapat saya hanya syarikat-syarikat yang mempunyai foreign earnings harus diberi keutamaan dalam pilihan pembentuk semula (restructuring) dan saya berharap proses pilihan akan dijalankan dengan adil dan perkara seperti perkauman serta hubungan politik tidak akan timbul. Selain daripada itu diharapkan, dengan izin, don't throw good money after bad money kerana modal yang digunakan terdapat daripada pendapatan pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) dijangka ekonomi kita akan pulih pada tahun hadapan dengan kadar pertumbuhan sebanyak 1%. Walau bagaimanapun pelbagai faktor yang boleh menjejaskan pertumbuhan tersebut telah dinyatakan juga oleh MTEN dan mereka termasuk:

- (i) kejatuhan permintaan global;
- (ii) kejatuhan keyakinan dan kepercayaan pelabur;
- (iii) kejatuhan nilai mata wang Yuan negara China; dan
- (iv) kemerosotan yang semakin teruk di negara Jepun.

Diperhatikan bahawa satu lagi faktor yang utama serta amat penting yang boleh menjejaskan telah tertinggal, ianya kestabilan politik di negara kita. Tanpa kestabilan politik pelabur sama ada asing atau tempatan tidak akan melabur di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Tuhan kerana Malaysia sedang menikmati keharmonian, kedamaian dan ketenangan tetapi buat masa ini suasana keamanan dan kestabilan ini diancam oleh penunjuk perasaan yang berlaku di Kuala Lumpur. Demonstrasi seperti ini akan menjejaskan imej negara kita dan boleh mempengaruhi keyakinan serta kepercayaan pelabur asing terhadap kerajaan negara

kita. Selain daripada ini, industri pelancongan serta perhotelan akan terjejas teruk kerana kadar penginapan di beberapa hotel di Kuala Lumpur telah jatuh dan sedang di dalam kelompok 15% hingga 40% sahaja berbanding dengan kadar 65% sebelum aktiviti rusuhan dan gangguan.

Rakyat jelata yang menghargai ketenteraman, kesejahteraan, keharmonian dan kemakmuran negara kita digesa jangan terlibat dengan rusuhan ini. Sebaliknya mereka digalakkan untuk menunjukkan dan menyuarakan perasaan tidak puas hati bukan dengan tindakan demonstrasi yang mengancam kestabilan politik. Diperhatikan penduduk-penduduk di Kampung Baru telah menunjukkan perasaan tidak puas hati dengan tindakan anasir-anasir subversif yang cuba menggunakan kampung mereka untuk memecah-belahkan kestabilan politik dan perpaduan rakyat kita. Tahniah dan syabas saya mengucapkan kepada mereka. Teladan dan contoh mereka patut ditiru oleh rakyat yang patriotik serta pihak organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk menentang pengaruh negatif yang boleh memusnahkan keamanan negara kita.

Saya percaya bahawa pertukaran dan perubahan dalam kerajaan tidak boleh dicapai melalui rusuhan dan kekerasan. Perubahan, kalau diperlu, boleh dijalankan melalui undi dan pilihan raya. Rusuhan dan kekerasan tidak akan menyelesaikan sebarang masalah dan jika diteruskan boleh mengakibatkan kehilangan nyawa dan penderitaan kepada semua rakyat kerana pemulihan negara kita akan dijejaskan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara saya ingin sentuh adalah berkenaan Kementerian Kesihatan. Saya mengalu-alukan penambahan peruntukan sebanyak RM474 juta yang telah diagihkan kepada Kementerian Kesihatan di bawah Belanjawan 1999. Buat masa ini, banyak hospital daerah dan pusat kesihatan sedang mengalami kekurangan doktor. Di kawasan saya, Pulau Pangkor yang mempunyai seramai 22,000 penduduk mendapat perkhidmatan seorang doktor perubatan sahaja. Seperti sedia maklum Pulau Pangkor merupakan satu destinasi pelancongan yang paling popular bukan sahaja di antara pelancong asing bahkan di antara pelancong tempatan. Pada musim cuti, bilangan orang di Pulau Pangkor akan bertambah menjadi 25,000. Sehubungan ini perkhidmatan seorang doktor perubatan memang tidak mencukupi

untuk menangani semua kes perubatan walaupun doktor berkenaan bekerja 7 hari seminggu dan 24 jam sehari.

Dengan kejadian bencana seperti La-Nina, beban kerja doktor ini dijangka akan bertambah lagi. Oleh itu, kerap kali kes perubatan di pulau ini terpaksa ditangani oleh pihak hospital assistant (H.A) dengan izin. Ini akan menjejaskan imej Kementerian Kesihatan khasnya di antara pelancong asing. Saya merayu kepada kementerian berkenaan supaya menghantar lagi seorang doktor perubatan ke Pulau Pangkor dan sebagai peringatan, pada tahun 1990 hingga tahun 1992, pulau ini mempunyai perkhidmatan dua orang doktor. Kekosongan jawatan ini harus diisi dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan doktor berlaku bukan sahaja di Pulau Pangkor tetapi di seluruh negara kita. Saya berharap kementerian akan bertindak dengan segera untuk mengisikan kekosongan jawatan bagi doktor perubatan dan doktor pakar khasnya pada masa kemerosotan ekonomi ini yang akan mendapat pertambahan bilangan pesakit. Difahamkan pada masa kemerosotan ekonomi pada tahun 80-an, bilangan pesakit yang menggunakan kemudahan hospital kerajaan telah meningkat sebanyak 20%. Masa ini, peratus pesakit di hospital besar dijangka akan menjadi lebih tinggi kerana bentuk krisis ekonomi yang melanda negara kita kali ini adalah lebih serius. Saya berharap Kementerian Kesihatan telah membuat persediaan serta persiapan yang mencukupi dari segi peralatan, ubat, dan tenaga perubatan untuk menghadapi dan menangani sebarang masalah pertambahan bilangan pesakit akibat krisis ekonomi ataupun daripada bencana seperti La-Nina.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya difahamkan Kementerian Kesihatan mempunyai satu skim untuk menarik balik ke tanah air kumpulan doktor pakar yang sedang bekerja di luar negeri. Saya ingin tahu sama ada skim ini berjaya atau tidak dan jika tidak, alasan kenapa skim tersebut telah gagal dan apakah tindakan ekoran yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ledang

**4.45 ptg.**

**Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut serta membahaskan dan menyokong Belanjawan Tahun 1999 yang telah dibentangkan di Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita. Belanjawan ini di samping bersifat mesra rakyat adalah juga amat diharapkan menjadi pemangkin untuk mencergaskan semula kedudukan ekonomi negara. Ekonomi negara sudah tentu amat memerlukan satu suntikan yang berkesan lebih-lebih lagi dalam usaha kita memulihkan keyakinan rakyat dan dunia seluruhnya terhadap kita. Selain daripada belanjawan yang sedang kita bahaskan ini, ekonomi negara juga telah menerima satu perubahan yang cukup drastik iaitu tindakan kerajaan mewujudkan kawalan terhadap pertukaran mata wang. Satu tindakan yang berani dan radikal walaupun dianggap songsang oleh sesetengah penganalisa ekonomi dunia. Misalannya akhbar *The International Herald Tribune*, keluaran 2 September yang lalu menyifatkan Malaysia turn its back on the free market, dengan izin. Akhbar itu juga meramalkan the measures could frighten away legitimate investors, dengan izin.

Walau bagaimanapun, kita yakin langkah ini sekurang-kurangnya untuk jangkamasa masa pendek telah dapat membantu menstabilkan ketidaktentuan Ringgit berhadapan dengan Dolar Amerika. Tindakan ini juga telah dapat membantu kita mengatasi masalah kecairan mudah tunai yang dihadapi oleh institusi perbankan negara. Ini terbukti apabila hingga setakat ini kita telah berjaya membawa masuk lebih daripada RM12 bilion daripada luar. Namun demikian untuk mengembalikan keyakinan dunia terhadap kita, kita mestilah berusaha menyakinkan mereka bahawa langkah drastik ini hanya perlu untuk tempoh tertentu sahaja kerana senario ekonomi sekarang amat memerlukan satu tindakan luar biasa yang tertentu pula. Seperti yang ditegaskan oleh Paul Krugman, extreme situation demand extreme measures dengan izin. Apabila keadaan pulih seperti biasa, apabila Ringgit telah stabil kembali, kita perlu memberi jaminan kepada dunia bahawa kita akan kembali kepada sistem pasaran bebas seperti yang kita amalkan sebelum ini. Kita tidak boleh terus kelihatan terasing

daripada arus perdana sistem ekonomi dunia kerana sebagai sebuah negara kecil yang banyak bergantung kepada perdagangan dan pelaburan, kita amat memerlukan kerjasama dan keyakinan negara-negara lain terhadap kita.

Sekarang ini pun, kita dapat melihat reaksi daripada beberapa syarikat asing, misalnya ada cadangan daripada beberapa syarikat asing sebagai contoh Henderson Investors Singapore Limited dan lain-lain syarikat untuk bertindak menurunkan nilai aset mereka dalam bentuk saham dan bon yang bernilai lebih daripada US\$10 bilion di Malaysia kepada kosong dengan izin, mereka mengatakan write down their Malaysian asset to zero. Ekoran daripada arahan kerajaan tidak membenarkan mereka menjual saham-saham mereka untuk tempoh setahun hingga selepas 1 September 1999 nanti kerana mengikutkan Kent Rosister, Penasihat Kanan kepada Asian Equities Securities di Hong Kong, no body wants to be locked into a market for twelve month before they can take their money out.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan adakah perkara ini benar dan apakah implikasi jangka pendek dan jangka panjangnya tindakan write down ini kepada ekonomi dan imej negara dan adakah tindakan ini menggambarkan hilangnya keyakinan pelabur asing terhadap sistem ekonomi negara kita

Tuan Yang di-Pertua, kita juga yakin bahawa seruan dan cadangan negara kita supaya diwujudkan satu kaedah atau mekanisme antarabangsa bagi mengawal perniagaan mata wang telah membuka mata dan minda pemimpin dan kuasa ekonomi dunia. Malah kegawatan ekonomi akibat daripada serangan spekulator mata wang antarabangsa telah banyak meninggalkan kesan yang cukup parah bukan sahaja kepada negara-negara rantau ini malah padahnya berjangkitan ke seluruh dunia sama ada secara langsung ataupun tidak. Pengalaman pahit ini seharusnya telah mengajar semua pihak termasuk spekulator itu sendiri supaya mengelakkan tragedi ini daripada terus berulang.

Kita juga menyokong langkah kerajaan dengan segala usaha bail-out untuk menyelamatkan syarikat-syarikat perniagaan yang terperangkap dengan situasi dan kegawatan ekonomi yang luar biasa ini. Kegawatan ekonomi yang berlaku secara mendadak dan memerangkap semua pihak secara pantas dan di luar kawalan ini merupakan satu fenomena yang tidak diduga sama sekali kerana sebelum Julai 1997 kita semua amat yakin dengan kekuatan fundamental ekonomi negara. Sebelum bulan Julai 1997 kita masih beranggapan bahawa kegawatan ekonomi seperti ini boleh berlaku di Mexico, di Thailand dan lain-lain negara tetapi tidak mungkin boleh berlaku di Malaysia kerana kita amat yakin dengan fundamental ekonomi negara tetapi akhirnya malapetaka ini sampai juga ke Malaysia. Ianya berlaku dengan amat pantas, amat mengejutkan dan memerangkap semua pihak dalam keadaan terpinga-pinga dan tidak bersedia. Dengan sebab itu di samping kita meletakkan kesalahan kepada spekulator mata wang antarabangsa sebagai penyebab kepada kegawatan tersebut kita juga perlu menganalisa kelemahan diri sendiri. Kelemahan cara kita menguruskan ekonomi negara kita sama ada gejala over spending dan over borrowing di zaman kita mengecapi kemewahan dahulu menjadi salah satu punca yang menyebabkan kita mudah tersungkur apabila diserang oleh penyangak mata wang.

Pakar-pakar ekonomi, Bank Negara, MTEN, MIER perlu membuat satu post mortem, satu kajian secara mendalam dan menyeluruh tentang gejala kelemahan dalaman ini untuk menjadi panduan kita menghadapi persaingan dan menghadapi keadaan ekonomi yang lebih kompleks di dekat-dekat yang akan datang ini. Tragedi yang bersejarah ini harus dijadikan satu pengajaran kepada semua pihak sama ada sektor awam atau sektor swasta supaya lebih bersedia, lebih matang dalam menguruskan kekayaan dan ekonomi negara supaya kita lebih memiliki ketahanan dan tidak mudah tersungkur berhadapan dengan serangan-serangan dari luar ini.

Tuan Yang di-Pertua, dua prinsip utama yang perlu kita hayati sentiasa iaitu amalan berjimat cermat dan pengurusan ekonomi yang berhemat akan terus menjadi teras kepada kekuatan prinsip ekonomi dan sentiasa relevan di sepanjang zaman

dahulu, sekarang dan akan datang. Teori ekonomi moden boleh terdedah kepada beberapa kelemahan dan perubahan tetapi teori dan prinsip berjimat cermat dan berhemat dalam menguruskan ekonomi dalam apa keadaan pun sentiasa betul, tepat dan benar. Inilah pengajaran yang terkandung dalam kisah Nabi Allah Yusuf a.s. tentang usaha dan langkah berjimat cermat di sepanjang tujuh tahun zaman mewah di Mesir sebagai persediaan untuk menghadapi putaran hukum alam iaitu tujuh tahun zaman gawat dan getir.

Apakah kita telah belajar sesuatu daripada pengalaman pahit di zaman gawat ini ataupun kita telah mengambil apa-apa iktibar daripada kisah dan contoh pengurusan ekonomi yang berhemat yang berlaku dalam kisah Nabi Allah Yusuf a.s. ini ataupun kita akan terus khayal dan leka dengan berbagai-bagai bentuk pembaziran daripada kemewahan yang dianugerahkan oleh Allah kepada kita semua di bumi Malaysia yang tercinta ini. Kita sudah tentu tidak mahu musibah ini berulang lagi di masa-masa yang akan datang dan jika kedatangannya tidak dapat dielakkan sekurang-kurangnya kita harus ada kekuatan dan ketahanan dan tahu bagaimana hendak menghadapinya. Pendeknya Tuan Yang di-Pertua, Soros dan boros kedua-duanya adalah buruk untuk ekonomi kita dan perlu dihindari.

Tuan Yang di-Pertua, dalam buku National Economic Recovery Plan, agenda tindakan ada dinyatakan iaitu di antara langkah untuk memulihkan keyakinan semua pihak ialah dengan cara meningkatkan lagi tahap ketelusan. Transparency diertikan sebagai letting the public know. Ketelusan ini bukan sahaja bererti perlunya lebih banyak data-data ekonomi didedahkan untuk makluman umum, ianya juga harus bererti lebih banyak peluang perniagaan, peluang-peluang untuk mendapatkan projek-projek besar kerajaan ataupun penswastaaan dan peluang-peluang untuk mendapatkan saham didedahkan kepada umum sekaligus memberi peluang kepada mereka untuk yang layak untuk bersama-sama berkongsi kekayaan negara ini supaya peluang-peluang seperti ini tidak dilihat sebagai hanya berkisar di kalangan orang-orang tertentu sahaja dan supaya pengagihan kekayaan negara kelihatan berlaku secara adil, lebih adil saksama dan lebih menyeluruh.

Demikian juga halnya dengan syarikat-syarikat yang telah dan akan di'baill'-out dan berapa jumlah yang diterima oleh setiap syarikat tersebut perlu juga didedahkan untuk makluman umum dan untuk mengelakkan sebarang kontroversi yang tidak perlu. Demikian juga dari segi ketelusan tentang orang-orang tertentu yang memegang banyak jawatan sebagai pengerusi berbagai-bagai syarikat kepentingan awam dalam satu masa dan untuk satu tempoh yang lama pula. Oleh itu nama-nama mereka ini, jawatan-jawatan yang disandangnya dan tempohnya sekali perlu dimaklumkan kepada umum. Langkah ini bukan sahaja perlu sebagai satu bukti ketelusan malah sebagai satu peringatan dan pertanggungjawaban bagi mereka yang memikul amanah rakyat dan amanah negara. Penyenaian tentang siapa dapat apa di akhbar-akhbar tempatan seperti yang dilakukan baru-baru ini adalah sebahagian daripada amalan ketelusan yang dimaksudkan itu dan perlu dengan cara yang lebih terperinci dan lebih telus lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ketelusan juga bererti segala pandangan, pendapat atau cadangan daripada segenap pihak yang disalurkan melalui berbagai-bagai saluran seperti akhbar-akhbar, usul-usul yang dibawa melalui parti-parti politik atau yang dibawa oleh Ahli-Ahli Parlimen di Dewan ini perlu diberikan perhatian dan pertimbangan yang serius, bersungguh-sungguh dan penuh bertanggungjawab bukan setakat memberikan jawapan yang bersahaja sambil lewa ataupun langsung tidak diambil peduli. Tahap ketelusan yang tinggi hanya dapat dipertingkatkan jika wujud hubungan dua hala yang telus dan harmoni. Jika kita bersedia menghormati dan menerima pandangan, teguran dari semua pihak dan tidak perlu merasa malu untuk menerima dan melaksanakan sebarang idea yang baik dan bernas walaupun datangnya daripada orang biasa atau daripada rakyat marhaen yang tidak mempunyai apa-apa kedudukan dan pengaruh dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, ketelusan juga bererti mengurangkan sedapat mungkin kecerewetan dan kerenah birokrasi yang boleh mengakibatkan terjejasnya pembangunan dan menghakiskan keyakinan para pelabur luar dan juga dalam negeri. Pengalaman di beberapa negara lain seperti China di mana pegawai-pegawai dan jentera pentadbirannya terlalu terikat dengan red tape yang menyusahkan dan menyulitkan sering menjadi sungutan para pelabur termasuk para pelabur dari Malaysia dan ini boleh frighten them away, dengan izin. Di samping gejala rasuah

yang boleh merosakkan imej negara dan menakutkan para pelabur, kerenah birokrasi yang terlalu ketat pasti tidak akan membantu mempercepatkan pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan yang amat diperlukan untuk kita keluar daripada kemelut ekonomi yang sedang mencengkam negara sekarang ini. Dengan sebab itu kita ingin mencadangkan supaya di samping gesaan secara lisan yang sering kita dengar dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara dan turut disentuh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan Tahun 1999 ini. Ketua Setiausaha Negara perlu mengeluarkan satu arahan atau garis panduan bertulis dan rasmi kepada semua Ketua Setiausaha kementerian-kementerian dan Ketua Setiausaha Kerajaan negeri-negeri supaya sentiasa menggunakan pendekatan mesra pembangunan dan mesra pelaburan dalam urusan pentadbiran mereka dengan cara menghapuskan sebarang kerenah yang tidak perlu, segala kerenah yang boleh menghalang kepesatan pertumbuhan ekonomi.

Kita tidak mahu satu-satu projek itu terpaksa mengambil masa bertahun-tahun untuk diproses dan mengambil masa yang lebih panjang pula lagi untuk diluluskan ataupun ditolak kerana terpaksa melalui peringkat-peringkat dan prosedur yang menjemu dan menyeksakan sebelum dapat dimulakan dan entah berapa lama lagi pula untuk negara mendapatkan hasilnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara. Tahun demi tahun laporan tentang kesilapan dan kelemahan pengurusan kewangan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dibuat tetapi nampaknya ia akan terus berlaku dan akan terus dilaporkan tanpa ada penghujungnya. Akaun-akaun yang tiada dokumen sokongan dan tidak dapat disahkan, bayaran lebih gaji dan elaun guru-guru oleh Kementerian Pendidikan, bayaran yang tidak diimbuhi balik berjumlah RM8 juta – Kementerian Pertahanan, resit tidak dikeluarkan pada waktu bayaran diterima juga di Kementerian Pertahanan, bayaran bil air, elektrik, telefon dan penjualan barang-barang tender yang tidak dibankkan – Kementerian Dalam Negeri dan pihak Audit juga mendapati 33 kementerian dan jabatan mempunyai tunggakan hasil melebihi 3 tahun yang berjumlah RM2 bilion lebih. Kesemuanya ini menggambarkan kelemahan pengurusan kewangan negara yang amat ketara.

Negara sedang bergelut dengan kegawatan ekonomi dan kerajaan berusaha membawa masuk seberapa banyak Ringgit yang boleh untuk membantu liquidity atau kecairan mudah tunai dalam negara tetapi sejumlah besar wang yang sepatutnya boleh membantu memperkukuhkan kewangan dan ekonomi negara di zaman gawat ini tidak dapat dipastikan kedudukan dan statusnya. Perkara ini perlu diperbetulkan supaya kesilapan demi kesilapan tidak terus berlaku tahun demi tahun tanpa kita ketahui apakah ada sebarang usaha dan tindakan untuk mengatasi masalah yang tidak kelihatan penghujungnya ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahap pertanggungjawaban para pegawai yang berusaha dalam pengurusan kewangan perlu dimaksimumkan ke peringkat 'zero defect', kalau boleh. Saya ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab dalam kelemahan dan kesilapan pengurusan seperti ini bagi memastikan supaya kesilapan-kesilapan yang tidak sepatutnya berlaku tidak terus berlaku dan terus dilaporkan oleh Ketua Audit Negara. Saya juga ingin tahu bagaimanakah kerajaan mendapatkan semula jumlah keseluruhan tunggakan hasil termasuk bayaran yang perlu diimbuh balik seperti yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Belanjawan yang bersifat 'mesra rakyat' kita berharap ianya turut mengambil kira usaha membela nasib peniaga-peniaga kecil di seluruh negara yang telah bertahun-tahun mengusahakan perniagaan kecil mereka tetapi masih berada di takuk yang lama iaitu maju pun tidak, mati terus pun tidak – just enough to survive, dengan izin. Keadaan ini berpunca daripada keupayaan modal pusingan yang amat terhad. Peniaga-peniaga ini juga sering terpaksa mendapatkan pinjaman kecemasan daripada money lender yang tidak berlesen yang sering dipanggil sebagai 'loan shark'. Proses mendapatkan pinjaman cukup mudah – setengah jam selesai tetapi kaedah pembayarannya amat memerit dan membebankan tetapi kepada orang inilah peniaga-peniaga itu mengadukan hal jika keputusan modal pusingan untuk berniaga.

Peniaga-peniaga kecil ini mempunyai asas dan ciri-ciri yang diperlukan dalam dunia perniagaan iaitu ketahanan dan pengalaman. Golongan ini perlu dikenalpasti dan diberikan bantuan supaya mereka mampu meneruskan, memperbesarkan dan memajukan perniagaan mereka supaya mereka tidak selama-lamanya berada di tahap sebagai peniaga kecil yang 'hidup segan, mati tidak mahu'. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan Skim Pinjaman Ehsan kepada mereka ini – satu skim pinjaman mudah tidak melebihi RM10,000 berasaskan kepada pertimbangan dan potensi perniagaan mereka. Dengan cara ini mereka yang benar-benar gigih, berdaya maju dan berniaga dengan baik akan mendapat pembelaan yang sewajarnya daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak khususnya Kementerian Belia dan Sukan kerana telah bekerja keras untuk memastikan kejayaan Sukom XVI di mana Malaysia sudah menjadi tuan rumah kepada sukan yang berprestij itu dengan kejayaan yang cukup gemilang dan membanggakan. Kita harus merasa bangga dengan pencapaian para atlet kita, satu pencapaian yang cukup membanggakan dan yang terbaik setakat ini. Kita berharap kejayaan ini merupakan permulaan bagi satu kebangkitan negara dalam bidang sukan, bukannya kemuncak bagi semua pencapaian yang telah kita capai selama ini.

Kita sudah tentu tidak mahu para atlet kita hanya cemerlang di gelanggang sendiri tetapi lembik dan layu di gelanggang orang. Negara telah mengeluarkan peruntukan yang besar untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sukan yang bertaraf dunia. Harapan seluruh rakyat ialah dengan kemudahan tersebut akan lahir lebih ramai para atlet yang juga bertaraf dunia dan mampu menjulang nama baik Malaysia ke peringkat antarabangsa. Kita juga ingin mencadangkan supaya sekurang-kurangnya sebuah lagi sekolah sukan dibina sama ada di Pantai Timur atau di Utara Semenanjung di samping dua buah yang ada sekarang iaitu di Johor dan di Sarawak bagi menampung keperluan bakat-bakat sukan kita di peringkat yang paling muda dan awal lagi untuk dididik, diasuh dan dijadikan para atlet kebanggaan negara di masa-masa akan datang

lebih-lebih lagi sebagai persediaan negara untuk menjadi tuan rumah kepada Sukan Olimpik tahun 2008.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Belia dan Sukan tentang kedudukan sekolah-sekolah sukan di Sarawak dan Johor setakat ini. Bilakah sekolah ini akan memulakan pengajiannya dan apakah kandungan kurikulum yang akan dilaksanakan di sekolah-sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian cemerlang para atlet kita di Sukan Komanwel baru-baru ini seharusnya membuka mata seluruh ahli sukan dan persatuan sukan kita bahawa kita boleh melakukan sesuatu yang mengejutkan jikalau semua pihak sanggup mendisiplinkan diri, sanggup meletakkan kepentingan negara di atas segala-galanya kerana kita masih melihat perbalahan yang berterusan di atas sebab-sebab yang remeh. Misalannya, di kalangan sesetengah pemain badminton negara dengan BAM. Kita mengucapkan tahniah kepada BAM di atas ketegasannya menangani masalah ini, manakala bolasepak pula masih belum menunjukkan apa-apa kemajuan yang membanggakan. Kita hanya ghairah berentap sesama sendiri tetapi apabila Malaysia berhadapan dengan pasukan luar iaitu lawan yang sebenarnya, kita menjadi layu dan lesu walaupun hanya berhadapan dengan pasukan kelas tiga seperti Filipina, Laos dan lain-lain. Oleh itu kita amat berharap kejayaan kita di Sukom XVI merupakan kejayaan yang terbaik para atlet kita dalam sukan tersebut seharusnya memberikan satu suntikan semangat dan keazaman kepada semua pihak supaya benar-benar menghayati slogan “Malaysia Boleh”.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, kerajaan telah begitu prihatin terhadap masalah pencemaran yang semakin membimbangkan. Indeks pencemaran terus meningkat. Pencemaran udara, sungai, parit dan longkang-longkang kian bertambah buruk setiap hari. Di antara punca yang menyebabkan pencemaran ini ialah pertumbuhan kilang-kilang haram yang tidak terkawal. Kilang-kilang haram ini muncul di mana-mana kerana mereka mempunyai segala syarat untuk beroperasi – ada bekalan elektrik, air, tenaga-tenaga pekerja yang sedia berkhidmat, maka cukuplah syarat untuk mereka beroperasi. Kilang-kilang haram termasuk bangunan-bangunan kilang yang

tidak diberikan CFO oleh pihak kerajaan pun tetap akan dapat bekalan elektrik dan air daripada TNB dan syarikat air. Di pihak lain kita mengeluh dengan indeks pencemaran yang meningkat dari masa ke semasa.

Soalannya, tidakkah boleh pihak TNB dan syarikat air bekerjasama dengan kerajaan supaya tidak menyalurkan bekalan elektrik dan air ke kilang-kilang haram ini supaya pertimbangan untuk mendapatkan keuntungan besar dalam bentuk ringgit dan sen sahaja tidak akan mengorbankan kebersihan udara yang dihirup oleh lebih daripada 20 juta rakyat Malaysia, kebersihan air sungai yang menjadi sumber hidupan manusia, ikan dan lain-lainnya dan seterusnya tidak akan mengorbankan masa depan kesihatan rakyat dan generasi yang akan datang selaras dengan slogan “Negara Bersih, Rakyat Sihat”. Kita amat berharap supaya sesuatu yang konkrit dapat dilakukan supaya satu bentuk percanggahan kepentingan tidak berlaku di mana di satu pihak kita mahu sebuah negara yang bersih dan rakyatnya sihat, tetapi di pihak yang lain kita seolah-olah menggalakkan pencemaran dan kerosakan itu berlaku dengan berleluasa dan berterusan.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong. Terima kasih, Tuan Yang di -Pertua.

#### **5.10 ptg.**

**Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan dan Sukom '98 Bhd. yang telah berjaya menganjurkan Sukan Komanwel 98 iaitu temasya sukan yang termasyhur di dunia sebelum Sukan Olimpik. Tidak lupa juga kepada kontinjen negara kita yang telah memenangi 10 pingat emas dalam Sukan Komanwel 98. Tahniah kepada mereka. Walaupun Malaysia sebuah negara yang kecil tetapi kita telah membuktikan kepada dunia luar bahawa ‘Malaysia Boleh’.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana menyampaikan Belanjawan Negara yang sejajar dengan masalah ekonomi yang kita hadapi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berkecualikan peristiwa-peristiwa yang baik dan menarik yang saya sebutkan di atas, tahun lalu dan juga tahun ini merupakan masa yang kurang baik bagi rakyat. Masalah jerebu yang membahayakan kesihatan, cuaca panas yang mengeringkan loji-loji dan paip-paip air, serangan oleh pedagang mata wang asing yang mengakibatkan penurunan nilai mata wang kita, serangan ke atas pasaran saham di BSKL oleh para spekulator yang membawa nilai saham BSKL ke angka yang terendah dalam sejarah BSKL. Nilai KDNK juga telah menjunam ke nilai negatif, harga barangan telah melambung dan kadar pengangguran dan inflasi juga telah meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah jerebu tidak wujud lagi dan masalah kekurangan air dalam keadaan terkawal, dengan tindakan menjadikan Ringgit hanya laku sebagai mata wang di Malaysia dan Ringgit yang berada di luar negara tidak boleh dibawa balik ke Malaysia selepas 1 Oktober 1998. Dengan tindakan pegging Ringgit kita dan nilai Dolar Amerika Syarikat, Ringgit kita tidak boleh diserang oleh pedagang mata wang asing dengan tindakan supaya menentukan sebarang jual-beli saham Malaysia hanya boleh dibuat melalui BSKL, kita telah berjaya mengawal dominasi pihak asing dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Kepujian harus diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan MTEN yang telah mengambil tindakan yang tepat pada masanya untuk mengembalikan keyakinan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya dalam keadaan kegawatan ekonomi seperti ini pihak kerajaan pula terpaksa menghadapi situasi mengawal demonstrasi pada hampir setiap hujung minggu di Kuala Lumpur yang diheboh-hebohkan oleh pihak media massa. Ini telah mengakibatkan rasa kurang yakin di kalangan pelabur dan juga pelancong asing. Saya amat risau akan demonstrasi yang sedang menjadi ganas ini. Demonstrasi bukan merupakan budaya masyarakat Malaysia. Kita lebih berpegang kepada nilai-nilai keamanan dan toleransi. Kebanyakan masyarakat Malaysia tidak menyokong demonstrasi yang mengganggu keamanan rakyat dan kestabilan ekonomi

dan politik negara. Sebilangan pihak NGO dan pihak pembangkang mencadangkan supaya demonstrasi aman dibenarkan, tetapi sesuatu demonstrasi akan menjadi ganas jika tidak dikawal rapi. Apabila ratusan orang berkumpul keadaan akan menjadi sukar untuk dikawal dan keadaan yang aman tidak boleh dijamin oleh mana-mana pihak. Hanya segelintir orang sahaja yang diperlukan untuk menghasut yang lain supaya bertindak ganas. Demonstrasi akan menyebabkan kesesakan lalu lintas dan mengganggu aktiviti harian masyarakat.

Di negara seperti Indonesia, Korea, Israel dan India, demonstrasi seperti ini berlaku hampir setiap hari. Di negara-negara seperti ini ramai orang yang hidup dalam kemiskinan dan tahap pengangguran adalah amat tinggi. Apa juga jenis hiburan memerlukan wang. Ramai yang tidak mempunyai sebarang kerja lain, lebih berminat menyertai demonstrasi seperti ini. Mereka mengambil bahagian dalam demonstrasi sebagai satu hiburan yang termurah. Saya belajar di India selama lapan tahun dan saya memang kenal aktiviti penuntut-penuntut dengan lebih dekat di sana. Penuntut-penuntut kolej dan universiti di negara-negara ini menyertai demonstrasi hanya untuk menghiburkan diri mereka sahaja. Penuntut-penuntut juga mengatakan bahawa mereka mengadakan demonstrasi pada sesuatu masa kerana sudah enam bulan lamanya tidak dilakukan demonstrasi tidak ada apa-apa pun. Ini adalah salah satu budaya dan hiburan mereka. Itulah salah satu sebab kestabilan politik tidak wujud di negara-negara seperti ini. Jika amalan seperti ini diperkenalkan di negara kita yang mempunyai bekalan keperluan, peluang pekerjaan dan hiburan yang cukup, negara kita tidak akan mencapai Wawasan 2020.

Pihak pembangkang dan sebilangan pihak NGO mengatakan hak asasi manusia bermaksud membenarkan demonstrasi bagi kebebasan tunjuk perasaan dan kebebasan maklumat. Ini adalah model hak asasi manusia ala Barat. Setiap negara mesti dibenarkan untuk memiliki jenis dan tahap kebebasan yang boleh dipraktikkan mengikut agama dan budaya negara tertentu. Kesan daripada demonstrasi akan melemahkan kestabilan ekonomi. Para pelabur asing dan juga pelancong asing akan menjauhi negara ini dan keadaan ini akan meninggalkan kesan buruk terhadap ekonomi

negara dalam jangka masa yang panjang. Oleh itu demonstrasi haruslah dihentikan dengan tindakan polis yang lebih tegas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai bangsa, budaya, bahasa dan agama, setakat ini telah berjaya memperkukuhkan persahabatan yang erat di antara rakyatnya semenjak merdeka 40 tahun yang lalu. Sikap saling faham dan memahami di antara satu sama lain dan hormat-menghormati di antara pelbagai budaya dan adat resam di kalangan masyarakat berbilang kaum adalah di antara punca perpaduan dan persefahaman yang menjamin keharmonian dan kesejahteraan rakyat dan negara. Sikap bertolak ansur dan toleransi yang tinggi merupakan faktor-faktor utama yang menjadikan rakyat Malaysia antara masyarakat yang paling bersikap adil dan saling memahami hak-hak kumpulan etnik yang berbeza. Perkara ini amat penting di negara kita yang amat mencintai keamanan demi menjamin masa hadapan yang terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini timbul beberapa masalah yang menimbulkan pelbagai isu yang boleh menjejaskan keharmonian dan kesejahteraan negara. Di antaranya ialah masalah kurang memahami di antara satu sama lain di kalangan generasi muda yang telah lupa bahawa punca kekuatan negara kita terletak kepada perpaduan rakyat di negara ini. Sikap mementingkan diri sendiri, adat dan kebudayaan masing-masing sahaja tanpa menghormati orang lain dan sikap merendahkan kebudayaan orang lain akan menyumbang kepada kemerosotan perpaduan rakyat yang akhirnya akan menghancurkan negara kita. Sebagai contoh, saya ingin menyentuh mengenai kepentingan menghormati kebudayaan dan adat resam pelbagai masyarakat di negara kita. Sejak kemerdekaan lagi rakyat yang pelbagai bangsa dan keturunan saling memahami dan menghormati amalan-amalan kebudayaan, adat resam dan amalan agama masing-masing. Sikap ini telah membantu membentuk masyarakat yang bersatu padu walaupun terdapat perbezaan dalam amalan-amalan budaya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini telah berlaku satu insiden di sebuah sekolah menengah di Negeri Sembilan di mana pelajar-pelajar perempuan keturunan India telah dilarang daripada memakai subang telinga dan subang hidung ke sekolah. Terdapat 59 orang pelajar di sebuah sekolah di Negeri Sembilan di mana ramai daripada mereka telah menanggalkan subang telinga mereka kerana takut pada guru dan tindakan disiplin yang bakal diambil terhadap mereka.

Ada juga pelajar-pelajar yang menghormati arahan guru di sekolah, walaupun ibu bapa mereka melarang mereka menanggalkan subang telinga itu. Ibu bapa dan penjaga pelajar telah mengadu kepada kami tentang insiden ini. Walau bagaimanapun, seorang pelajar perempuan yang enggan menanggalkan subang telinganya telah diambil tindakan oleh pihak sekolah di mana pelajar tersebut telah digantung sekolah selama seminggu. Apa yang menjadi tanda tanya di sini ialah apakah memakai subang telinga telah menjadi satu kesalahan yang boleh menyebabkan seorang pelajar perempuan digantung sekolah ataupun adakah pihak berkuasa di peringkat sekolah, jabatan dan Kementerian Pendidikan membuat satu peraturan tanpa memahami adat resam masyarakat lain?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan suatu adat resam India yang penting mengenai isu ini. Adalah menjadi adat resam dan amalan kebudayaan di kalangan masyarakat India untuk menindik telinga dan memakai subang pada kedua-dua lelaki dan perempuan. Bagi pihak lelaki telinga ditindik dan subang dipakai sehingga luka sembuh dan bagi perempuan pula menindik telinga dan memakai subang telinga adalah suatu adat yang tidak boleh dipisahkan. Seorang perempuan harus memakai subang telinga sehingga akhir hayatnya. Subang hidung pula digunakan oleh perempuan yang berumur 16 tahun ke atas, amalan ini adalah lebih fleksibel berbanding dengan amalan memakai subang telinga. Memakai subang telinga adalah merupakan amalan yang wajib.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini langkah-langkah pihak sekolah berkenaan mengambil tindakan disiplin ke atas pelajar perempuan berkenaan adalah suatu yang di luar dugaan dan melulu tanpa memahami amalan adat resam sesuatu masyarakat. Jika pelajar berkenaan memakai subang telinga kerana fesyen dan bukan kerana adat maka saya bersetuju supaya pihak sekolah mengambil tindakan disiplin ke atasnya. Tetapi pihak sekolah haruslah membenarkan mereka memakai subang telinga ...

**Tuan Fu Ah Kiow:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Mentakab bangun.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan dalam kes ini walaupun pihak PIBG telah memberi pandangan kepada guru besar bahawa tindakannya adalah tidak patut dan tidak harus dibuat dan murid itu tidak patut diberhentikan daripada sekolah tetapi malangnya guru tersebut enggan menukar keputusannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sama ada Ahli Yang Berhormat bersetuju atau tidak bahawa guru besar tersebut patut diambil tindakan tatatertib sebab dia telah menunjukkan bahawa dia langsung tidak sensitif terhadap adat resam orang lain dan baru-baru ini juga berlaku di Negeri Sembilan di mana peperiksaan khusus Bahasa Cina yang akan berlangsung, kalau tidak salah pada hari Rabu ini di mana sebahagian kertas peperiksaan Bahasa Cina itu memerlukan pihak kementerian membekalkan satu kertas jawapan khas untuk caligraphy tetapi mengikut laporan dari surat khabar bahawa pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan enggan memberikan kertas jawapan untuk murid-murid menjawab dalam peperiksaan.

Apa yang telah berlaku, saya hendak minta pandangan Ahli Yang Berhormat, bukannya ini menunjukkan bahawa pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan ada yang tidak betul yang telah berlaku dalam jabatan itu dan patut kementerian mengambil tindakan dan menyiasat apa yang telah berlaku dengan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

**Dr. L. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Mentakab tadi. Sepertimana saya telah beritahu tadi, mungkin ada masalah maklumat tentang adat resam dan kebudayaan masyarakat lain yang tidak difahami atau tidak diberitahu atau diajar kepada semua lapisan masyarakat bahawa inilah satu masalah yang kita hendak ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ulangi sedikit apa yang telah saya perkatakan tadi. Maka jika seseorang memakai subang telinga kerana fesyen dan bukan kerana adat, maka kita bersetuju bahawa tindakan yang diambil ke atas murid-murid tersebut,

tetapi pihak sekolah haruslah membenarkan mereka memakai subang telinga yang saiznya kecil dan simple dan ringkas.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bahawa negara kita boleh menjadi contoh kepada semua negara di dunia dalam pelbagai bidang termasuklah perpaduan dan keharmonian antara kaum. Prestasi ini perlu kita amalkan untuk terus bersatu-padu dan hidup aman dan damai di negara tercinta ini. Semua pihak perlulah belajar untuk memahami dan menghormati amalan dan adat serta kebudayaan masyarakat lain untuk sentiasa menjamin kesejahteraan dan keamanan masa depan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit tentang keuntungan luar biasa minyak kelapa sawit mentah. Memang betul industri minyak kelapa sawit mentah meraih keuntungan yang lebih kerana harga jualan yang tinggi berikutan kejatuhan nilai Ringgit. Majikan-majikan ladang industri ini sedang mendapat keuntungan yang besar, memang wajar industri ini memberi sumbangan yang berpatutan bagi membantu kerajaan mendapat hasil tambahan.

Saya menyokong di atas levi keuntungan yang dikenakan ke atas minyak kelapa sawit mentah, malangnya keuntungan yang diraih oleh pemilik estet tidak diagihkan dengan pekerja-pekerja estet. Kementerian Sumber Manusia seharusnya berbincang dengan pihak majikan ladang supaya keuntungan seperti ini juga memberi faedah kepada golongan pekerja. Pihak kerajaan cuma ingin berkongsi keuntungan tersebut bersama tetapi telah melupakan keperluan masyarakat estet.

Tentang sistem perumahan di estet, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya menjalankan satu kajian menyeluruh dan lengkap untuk mengetahui sama ada sistem perumahan penjajah British di mana pekerja-pekerja diberi rumah dan kemudahan dalam estet harus dikekalkan. Sebelum kemerdekaan pihak penjajah telah menggunakan sistem ini apabila mereka membawa masuk pekerja-pekerja asing yang sudah tentu memerlukan rumah-rumah dan kemudahan yang lain. Lebih-lebih lagi pihak penjajah membuat sedemikian untuk memastikan supaya mereka akan terus tinggal di ladang yang berkenaan, tetapi banyak yang telah berubah dari masa itu.

Sekarang pekerja-pekerja tersebut telah menjadi rakyat Malaysia. Selepas pekerja bekerja sehingga bersara, pekerja-pekerja yang miskin ini disuruh mengosongkan rumah yang didiami selama ini. Mereka pula tidak berupaya untuk memiliki sebuah rumah kerana pendapatan mereka yang hanya cukup untuk menyara keluarga mereka. Mereka juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman perumahan daripada bank, wajarkah sistem sebegini berterusan.

Dalam salah satu ucapan di Dewan yang mulia ini pada tahun 1996, saya telah mencadangkan bahawa pekerja-pekerja rakyat Malaysia di estet seharusnya diberi pilihan sama ada untuk menetap di rumah-rumah yang disediakan oleh majikan estet atau di rumah-rumah di taman-taman berhampiran yang disewa atau dibeli. Jika pekerja-pekerja memilih untuk menetap di luar estet, pihak majikan seharusnya memberi elaun rumah seperti yang dibayar oleh kerajaan. Dengan elaun yang diterima, pekerja boleh menyewa atau membeli sebuah rumah secara ansuran.

Pihak kerajaan mencadangkan agar program pemilikan rumah-rumah pekerja dilaksanakan oleh majikan-majikan ladang. Walau bagaimanapun, program-program tersebut tidak menerima sambutan baik daripada para majikan.

Saya mencadangkan agar pihak kerajaan memandang serius akan hal ini. Dalam masa kegawatan ekonomi ini program seperti ini patut diimplemen-tasikan memandangkan pekerja estet sanggup membeli sebuah rumah, apakah salahnya membina kawasan perumahan bagi mereka? Ini akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sekiranya pihak majikan masih enggan berbuat sedemikian, saya mencadangkan agar pihak kerajaan mengambil alih tanah-tanah daripada pihak majikan untuk membuat taman perumahan seperti rumah murah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung, hari sudah suntuk, Yang Berhormat.

**Dr. L. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah habis. Saya berharap pihak kerajaan mengambil tindakan sewajarnya. Dengan kata-kata ini, saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang menunjuk minat hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini dinasihatkan agar datang awal pagi esok. *[Ketawa]*

Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***

